

SAJAK SEBAGAI MEDIUM MENDIDIK MASYARAKAT: SATU
PENELITIAN TERHADAP PUSSI TERPILIH ZURINAH HASSAN
BERDASARKAN TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

NUR HANIS ATHIRAH BINTI ROSAZLAN

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

UNIVERSITI

MALAYSIA

2023

KELANTAN



SAJAK SEBAGAI MEDIUM MENDIDIK
MASYARAKAT: SATU PENELITIAN TERHADAP
PUISI TERPILIH ZURINAH HASSAN BERDASARKAN
TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

NUR HANIS ATHIRAH BINTI ROSAZLAN

TESISINI DIKEMUKAKAN SEBAGAI
MEMENUHI KEPERLUAN UNTUK IJAZAH
SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

UNIVERSITI

MALAYSIA

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023

FYP FTIKW



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.



TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh _____ sehingga _____



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasm 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

TANDATANGAN

Hanis

Nur Hanis Athirah Bt Rosazlan

C19A0521

Tarikh :20/2/2023

TANDATANGAN PENYELIA

Dr. Afidatul Syazwani Bt. Afandi

Tarikh :20/2/2023

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera

“Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang” segala puji ke hadrat

Ilahi, Yang Maha Pengampun lagi Maha mengasihani, selawat dan salam ke atas junjungan Rasul, Muhammad SAW.

Saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas segala rahmat dan izin-Nya, akhirnya projek penulisan dan penyelidikan tesis ini dapat disempurnakan. Dengan penuh rasa rendah diri, pengkaji ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah membimbing saya ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan projek ini yang bertajuk *Sajak Sebagai Medium Mendidik Masyarakat: Satu Penelitian Terhadap Puisi Terpilih Zurinah Hassan Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu* bagi Kursus Projek Penyelidikan (CFT4134)

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Afidatul Syazwani Bt. Afandi selaku penyelia projek yang telah banyak membantu dan memberi bimbingan, nasihat serta tunjuk ajar sepanjang pengkaji menyelesaikan kajian ini. Kesabaran beliau dalam membimbing saya melunaskan tugas ini sangat dihargai oleh pengkaji, semoga kebaikan beliau kepada pengkaji dibalas oleh Allah dengan cara memberkati setiap perjalanan kehidupan beliau.

Saya juga ingin merakamkan rasa penghargaan buat ibu (Noriza Binti Yaakub) bapa (Rosazlan Bin A.Manap) dan guru saya (Khatijah Binti Daud) serta keluarga kerana memberikan kata-kata semangat serta sokongan yang jitu kepada saya dalam melaksanakan kajian ini. Ribuan terima kasih juga turut diberikan kepada rakan-rakan seperjuangan (Nur Ameliya Binti Roslan) dan lain-lain yang banyak menghulurkan bantuan dan juga idea-idea yang bernas ketika saya memerlukan pertolongan.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada pihak perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan yang telah banyak memberikan kerjasama dan menyalurkan bahan-bahan kajian bagi menyiapkan tesis ini. Akhir kalam, semoga bidang sastera ini terus berkembang pesat dan menjadi pemangkin kepada pembentukan masyarakat sera indidvidu yang mempunyai jati diri yang jitu. Segala yang baik daripada Allah S.W.T dan yang buruk daripada kelemahan saya sendiri.

Sekian, terima kasih

Nur Hanis Athirah Binti Rosazlan

JB 2258, JLN 6, Taman Merbau Jaya,

Bemban, Melaka.

Emel : hanistyra@gmail.com

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	viii
 BAB 1	 PENDAHULUAN
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	6
1.3 Permasalahan Kajian	8
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.7 Skop dan Batasan Kajian	11
1.8 Definisi Operasional	14
1.8.1 Sajak	14
1.8.2 Mendidik	15
1.9 Organisasi Bab	16
1.10 Rumusan	18

BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	19	
2.2 Kajian Lepas	20	
2.2.1 Puisi atau Sajak Zurinah Hassan	20	
2.2.2 Mendidik Masyarakat	22	
2.2.2 Teori Pengkaedahan Melayu	25	
2.3 Rumusan	29	
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	30	
3.2 Reka Bentuk Kajian	32	
3.3 Kaedah Kajian	34	
3.3.1 Kaedah Kepustakaan	34	
3.4 Proses Pengumpulan Data	35	
3.5 Kaedah Analisis Data	36	
3.5.1 Pendekatan Analisis Tekstual	36	
3.5.2 Pendekatan Teoritikal	37	
3.5.3 Teori Pengkaedahan Melayu	37	
3.5.4 Pendekatan Moral	38	
3.6 Instrumen Kajian	39	
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	41	
4.2 Nilai-Nilai Yang Terkandung Dalam	42	

Sajak Terpilih Zurinah Hassan

4.2.1 Nilai Kasih Sayang	42
4.2.2 Nilai Bertanggungjawab	47
4.2.3 Nilai Patriotik	50
4.2.4 Nilai Ketakwaan dan Nilai Keinsafan	54
4.2.5 Nilai Kebijaksanaan	57
4.3 Nilai-Nilai Yang Terkandung Dalam	61

**Sajak Terpilih Zurinah Hassan Berdasarkan
Pendekatan Moral Dalam
Teori Pengkaedahan Melayu**

4.3.1 Prinsip Mementingkan Unsur Didaktik	62
4.3.2 Nilai Patriotik	62
4.3.3 Nilai Ketakwaan dan Nilai Keinsafan	67
4.3.4 Nilai Kasih Sayang	70
4.3.5 Nilai Bertanggungjawab	75
4.3.6 Nilai Kebijaksanaan	78
4.4 Kepentingan Sajak Terpilih Zurinah	82

**Hassan Sebagai Medium Mendidik
Masyarakat Melayu Masa Kini**

4.4.1 Kepentingan Nilai Kasih Sayang	83
Iaitu Melahirkan Masyarakat Yang Penyayang	
4.4.2 Kepentingan Nilai Bertanggungjawab	85
Iaitu Melahirkan Masyarakat Yang Amanah	
4.4.3 Kepentingan Nilai Patriotik	88
Iaitu Melahirkan Masyarakat Yang Setia Kepada Negara	
4.4.4 Kepentingan Nilai Ketakwaan dan Keinsafan iaitu Melahirkan Masyarakat Yang Beriman	90
4.4.5 Kepentingan Nilai Kebijaksanaan	93

Iaitu Melahirkan Masyarakat
Yang Berilmu

BAB 5

PENUTUP

5.1 Pengenalan	97
5.2 Perbincangan	98
5.3 Cadangan	100
5.4 Implikasi	102
5.5 Rumusan	103

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRAK

Kajian terhadap genre sajak masih memerlukan penelitian yang mendalam dalam usaha memahami aspek intelektualisme dan ilmu seperti medium mendidik masyarakat melalui sajak kerana lazimnya masyarakat menganggap sajak ini hanya sebagai sesi meluahkan perasaan melalui penghasilan sebuah sajak. Sajak sebagai medium mendidik masyarakat ini jarang didedahkan secara ilmiah hingga menyebakan nilai serta mesej dalam sesebuah sajak ini terabai dan disia-siakan oleh khalayak pembaca. Tujuan kepengarangan sajak yang mempersempit tema, persoalan dan pengajaran menjadi tunjang utama untuk menyampaikan mesej dan pengajaran kepada masyarakat melalui pembinaan tema, persoalan serta pengajaran dalam sajak. Justeru itu, objektif kajian gunakan menerusi kajian ini ialah Mengenal pasti nilai-nilai yang terkandung dalam sajak-sajak terpilih Zurinah Hassan, menganalisis nilai-nilai yang terkandung dalam sajak terpilih Zurinah Hassan berdasarkan pendekatan moral dalam Teori Pengkaedahan Melayu dan membincangkan kepentingan genre sajak sebagai medium dalam mendidik asyarakat Melayu masa kini. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif digunakan untuk menyempurnakan analisis kajian. Selain itu, kajian ini bersandarkan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral bagi melihat sajak sebagai medium mendidik masyarakat. Kajian ini memilih teks Kumpulan Puisi Menunggu Pesawat, Kumpulan Sajak Pujangga Tidak Bernama dan Mutiara Sastera Melayu Moden. Menerusi kajian ini, penerapan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan moral bertujuan memantapkan analisis kajian. Dapatkan kajian mendapati bahawa teks kumpulan sajak Zurinah Hassan sememangnya mempunyai nilai medium mendidik yang jelas dan dapat memanipulasikan semula nilai medium mendidik masyarakat. Kajian ini turut menyaksikan nilai medium mendidik masyarakat yang menonjolkan nilai kasih sayang, patriotik, ketakwaan, keinsafan, kebijaksanaan dan bertanggungjawab. Pengkaji meneliti nilai medium mendidik masyarakat ini melalui prinsip ketiga dibawah pendekatan moral iaitu mementingkan unsur didaktik. Kajian ini turut mengesan kepentingan genre sajak sebagai medium mendidik masyarakat. Nilai medium mendidik masyarakat yang terkandung sajak ini memberi tamparan hebat kepada kehidupan masyarakat apabila membaca kumpulan sajak Zurinah Hassan. Hasil dapatkan kajian ini telah mendapati bahawa nilai-nilai yang terkandung dalam kumpulan teks sajak terpilih Zurinah Hassan ini telah mampu mendidik masyarakat dan juga telah dapat memberikan kepentingan nilai tersebut terhadap masyarakat.

Kata kunci: Sajak, Medium Mendidik Masyarakat, Pendekatan Moral.

ABSTRACT

The study of the poem genre still requires in-depth research in an effort to understand aspects of intellectualism and knowledge, such as the medium of educating the public through poetry, because the community usually considers this only as a session of expressing feelings through the production of a poem. Poems as a medium for educating the community are rarely revealed scientifically, to the extent that the value and message in a poem are neglected and wasted by the reading public. The purpose of writing poetry that presents themes, questions, and lessons becomes the main pillar to deliver messages and lessons to the community through the construction of themes, questions, and lessons in poetry. Therefore, the objective of the research used in this study is to identify the values contained in the selected poems of Zurinah Hassan, analyse the values contained in the selected poems of Zurinah Hassan based on the moral approach in the Malay Methodology Theory, and discuss the importance of the poetry genre as a medium in educating the Malay community today. Next, this study uses qualitative methods to complete the analysis of the study. In addition, this study is based on the application of Malay methodology theory through a moral approach to see poetry as a medium to educate the community. This study selected the texts of the Poetry Group Waiting for the Plane, the Poem Group of Anonymous Poems, and Pearls of Modern Malay Literature. Through this study, the application of the Malay Methodology Theory, which is a moral approach, aims to strengthen the analysis of the study. The findings of the study found that the text of Zurinah Hassan's poetry collection indeed has a clear educational value and can manipulate the value of educating the community. This study also witnessed the value of the medium of education in educating the community about the values of love, patriotism, piety, repentance, wisdom, and responsibility. The researcher examines the value of educating the community through the third principle of the moral approach, which is to emphasise the didactic element. This study also detects the importance of the poetry genre as a medium for educating the community. The value of the medium for educating the community contained in this poem gives a great blow to the life of the community when reading Zurinah Hassan's collection of poems. The results of this study have found that the values contained in the selected poetry text collection of Zurinah Hassan have been able to educate the community and also convey the importance of those values.

Keywords: poems, social educational medium, moral approach.



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Perkataan ‘sastera’ adalah berasal daripada bahasa Sanskrit iaitu Castra yang dimaksudkan adalah kitab suci. Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat, kesusasteraan ini adalah sesebuah seni yang memaparkan keindahan dengan bahasa seperti sajak, novel, syair dan sebagainya. Manakala menurut Ismail Husein (1998), sastera merupakan salah satu sebuah bidang seni kreatif yang medium pengantaraannya ialah bahasa. Sastera juga merupakan alatan serta ekspresi bangsa Melayu yang sangat penting kerana di dalamnya terdapat karya mengenai adat istiadat, agama, sejarah, hukum dan sebagainya.

Selain itu, menurut pandangan Syed Ali Ashraf (1989), sastera ini bukanlah hanya suatu bentuk ilmu yang berseni tetapi termasuklah pelbagai aktiviti yang berseni. Kandungan di dalamnya akan tersirat mengenai bagaimana masyarakat Melayu berfikir dan telah menjadi susunan masyarakat yang dianggap unggul, wira, dan nilai agar dijadikan teladan serta akan menjadi contoh. Permulaan sastera itu adalah bermula dari tradisi lisan dan semakin lama berubah mengikut zaman.

Kesusasteraan ini merupakan karya yang bercirikan imaginatif dalam bentuk prosa, puisi, dan drama serta berbentuk bertulis ataupun lisan. Karya sastera terbahagi

kepada dua, iaitu yang dikenali sebagai prosa dan puisi. Namun, genre kesusasteraan Melayu mempunyai dua kumpulan iaitu puisi moden dan juga puisi tradisional. Puisi tradisional ini termasuklah syair, gurindam, seloka dan akhir sekali adalah pantun. Oleh itu, puisi moden telah terdiri daripada sajak.

Menurut Za'ba (1965), definisi puisi moden ini adalah puisi atau "karangan berangkap itu adalah karangan yang disusunkan dengan bahagian yang berkerat-kerat, dan sekerat dan kebiasaannya berjodoh bunyi atau rentaknya atau isinya serta kebanyakan memakai timbangan dan sukatan yang tertentu". Ciri-ciri puisi moden adalah seperti, jumlah baris dan suku kata tiada terbatas, mempunyai rima yang bebas, mengandungi bahasa yang indah, dan sebagainya. Kajian ini telah memberi fokus terhadap puisi moden iaitu sajak. Sajak adalah merupakan sebuah karangan yang berangkap seperti pantun dan syair. Kandungannya adalah hampir sama seperti gurindam dan seloka kerana bentuk luarannya namun berbeza pada isi dan rasa kesenian yang dipengaruhi beberapa sifat yang tertentu.

Menurut Sahlan (2005), perkataan "sajak" adalah berasal daripada bahasa Arab iaitu *saja'* yang mempunyai maksud persamaan bunyi. Tambahan pula, menurut Muhammad Haji Salleh (1984), konsep sajak pula adalah, sebagai satu bentuk moden yang lebih bebas dari ikatan bentuk-bentuk tradisi. Bentuk sajak adalah sebuah karangan berangkap, bentuk sajak tersebut adalah bebas serta tidak terikat dengan ciri-ciri konvensional. Oleh hal yang demikian, dapatlah dilihat bahawa sajak adalah mementingkan bahasanya sehingga ia dapat menimbulkan kesan serta mempunyai nilai estetika yang tinggi. Bukan itu sahaja, sajak ini juga adalah sebuah karya sastera

yang segala-galanya dimuatkan serta dipadatkan, dan mempunyai keutuhan bahasa di dalam sajak tidak terlihat oleh logik sintaktik (Atmazaki, 1993).

Melalui kajian ini, sajak adalah terbahagi kepada puisi moden. Terdapat beberapa sajak yang telah dipilih melalui teks kumpulan sajak Menunggu Pesawat dan kumpulan puisi Pujangga Tidak Bernama dan beberapa sajak lain hasil karya Zurinah Hassan. Antara sajak yang dikaji adalah yang bertajuk, Belajar dari Itik, Penumpang Terakhir, Suatu Malam Seorang Tetamu Datang, Kuali Hitam, Bencana dan beberapa lagi yang lain. Zurinah Hassan adalah merupakan seorang Sasterawan Negara. Zurinah Hassan telah dilahirkan pada tanggal 13 Jun tahun 1949 di Bakar Bata, Alot Setar Kedah. Beliau telah mula menceburkan dirinya di dalam bidang penulisan adalah bermula sejak tahun 1963 yang dikatakan sejak zaman persekolahannya lagi. Beliau telah mula mengasah bakatnya sejak di bangku sekolah lagi. Malahan, melalui karya kreatif pula, terdapat hubung kait di antara kajian akademik serta muzik , beliau telah menunjukkan bakatnya sebagai seorang penyair. Bukan itu sahaja, beliau juga lebih meminati kepada genre yang klasik atau dengan nama lain yang lama seperti pantun, syair, gurindam serta seloka yang akan dapat memberikan suara yang merdu kepada bentuk-bentuk lisan sehingga menjadi lagu Melayu yang diingati sepanjang zaman.

Bukan itu sahaja, menurut Rahimah Abd. Aziz dan Mohamad Yusoff Ismail (2000), masyarakat dapat didefinisikan sesebuah kumpulan manusia yang berinteraksi atau berkomunikasi melalui sesebuah kawasan atau sempadan yang ditetapkan serta diajarkan oleh satu budaya yang dapat dikongsi bersama. Manakala, menurut Mustafa Haji Daud (1990), memberi definisi masyarakat ini adalah merupakan makhluk sosial

serta manusia tidak akan dapat hidup bersendirian ini kerana hidup dalam sebuah masyarakat merupakan satu fitrah dan ia dijadikan semula jadi sebagai seorang manusia. Oleh itu, manusia hendaklah berkomunikasi serta berinteraksi terhadap masyarakat yang berada di sekelilingnya dan berdekatan dengannya.

Seterusnya, menurut Darmodiharjo dan Sodullah (2010) telah memberi definisi mendidik itu merupakan salah satu cara yang lebih dipaparkan terhadap pengembangan dalam semangat kecintaan, peningkatan budi pekerti dan hati nurani serta rasa ketakwaan dan sebagainya. Mendidik juga merupakan adalah sebuah proses pengajaran dan cara untuk mencapai hasil yang maksimum. Manakala menurut Wijanarko (2005), mendidik merupakan sebuah pengajaran, norma-norma dan nilai kehidupan, aturan serta hukum sesuatu. Hal ini dapat demikian kerana, dapat dibuktikan lagi, apabila Waini Rasyidin (2007) telah memperkuatkan lagi kenyataannya dan mengatakan bahawa konsep mendidik ini adalah merupakan sebuah kegiatan dalam pertumbuhan anak-anak seperti jasmani, rohani dan rohaninya yang sengaja dilakukan namun tidak memikirkan mengenai kepentingan pengajaran dan terutamanya ketika pada masa hadapan.

Teori Pengkaedahan Melayu ini sebuah teori yang telah dipelopori oleh Hashim Awang. Teori ini telah mula diperkenalkan pada tahun 1989 dan telah dipresentasikan bersandarkan kepada beberapa ciri atau elemen dan alam kehidupan manusia yang merangkumkan cara dan kehidupan, kepercayaan serta kebudayaan setempat dalam sesebuah masyarakat Melayu dalam menghasilkan karyanya yang sendiri. Teori ini mempunyai hubung kait dengan kehidupan masyarakat serta mempunyai kaitan rapat dengan manusia. Melalui Teori Pengkaedahan Melayu ini

terdapat dua pendekatan dibawahnya iaitu pengkaedahan alamiah dan juga pengkaedahan keagamaan. Oleh hal yang demikian, melalui kajian ini, pengkaji telah menggunakan pengkaedahan alamiah iaitu pendekatan moral. Pengkaedahan Alamiah ini merupakan cara atau sikap hidup masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebahagian daripada dirinya.

Pendekatan moral merupakan sesuatu yang mempunyai persamaan alat atau benda akan dapat memberikan kegunaan, namun ia bersifat seperti pengalaman hidup yang dilalui oleh manusia tertentu, pengalaman hidup manusia, serta maklumat yang mempunyai kaitan dengan manusia dan dunianya. Ini juga termasuklah kepercayaan, kejiwaan iaitu agama, kebudayaan, kemasyarakatan, kebangsaan dan persekitaran yang melibatkan kekuatan ilmu pengetahuan serta daya kreativiti seseorang. Oleh hal yang demikian, sastera akan dapat memberikan faedah yang lebih luas dan dapat memberikan kemanfaatan yang berkaitan dengan keperibadian manusia.

Oleh hal yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa sajak merupakan satu puisi moden yang mempunyai bait-bait kata yang indah atau dengan maksud yang lain menggunakan bahasa-bahasa yang indah dalam sesebuah sajak itu

1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Clive Samson (1960) telah mendefinisikan puisi ini akan mengungkapkan sesebuah pengalaman intelektual terhadap sesebuah pengucapan dan bahasanya berirama yang mempunyai sifat imaginatif dan emosional dengan memberikan kesan kepada kehidupan. Manakala, menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2017), puisi adalah sebuah karangan yang mempunyai ciri-ciri seperti sajak, syair, pantun, gurindam, dan sebagainya. Puisi pula adalah seseorang yang akan berpuisi dan menyatakan sesuatu dalam bentuk puisi. Bukan itu sahaja, puisi juga akan dilahirkan secara spontan yang dikeluarkan melalui daya ingatan seseorang ketika berada dalam keadaan tenang. Antara ciri-ciri utama sesebuah puisi adalah melalui iramanya. Irama di dalam sesebuah puisi itu kebiasaannya bersifat tersusun, teratur, dan susunannya memberi keseragaman bunyi apabila puisi tersebut dibacakan.

Namun begitu, penelitian terhadap kajian ini difokuskan kepada sajak sebagai medium mendidik masyarakat. Sajak yang dipilih adalah berdasarkan buku kumpulan puisi *Pujangga Tidak Bernama*, kumpulan sajak *Menunggu Pesawat* dan *Mutiara Sastera Melayu Moden*. Kajian ini akan membawa penelitian terhadap puisi terpilih atau sajak terpilih hasil karya Zurinah Hassan. Zurinah Hassan adalah seorang Sasterawan Negara Malaysia yang ke-13 dan juga merupakan seorang sasterawan wanita yang pertama. Seperti yang kita ketahui, Zurinah Hassan telah memenangi banyak anugerah dalam bidang penulisan ini. Antaranya adalah, Hadiah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write Award) pada tahun 2004, dan juga turut memenangi Hadiah Puisi Sunthorn Phu (Hadiah Puisi Negara ASEAN) pada tahun 2013. Zurinah Hassan telah banyak menulis dan menghasilkan dalam pelbagai genre seperti puisi, cerpen, novel dan yang lain-lain. Bukan itu sahaja, hasil karya Zurinah Hassan merupakan

sebuah karya yang unggul dan telah banyak membawa pengajaran dalam kehidupan dan juga sarat dengan nilai-nilai. Sekiranya, menelusuri setiap bait-bait puisi yang dihasilkan oleh Zurinah Hassan sememangnya terdapat banyak nilai akan mampu mendidik masyarakat kini. Kehebatan beliau dalam menghasilkan puisi memang tidak boleh dilawan. Melalui konteks kajian ini, pengkaji akan mengenal pasti nilai-nilai yang terkandung dalam sajak terpilih Zurinah Hassan. Hal ini kerana, pengkaji ingin mendalami dengan lebih terperinci setiap bait sajak yang dihasilkan akan mampu mendidik masyarakat.

Kajian ini juga turut memperlihatkan mengenai nilai-nilai yang terkandung dalam puisi terpilih Zurinah Hassan berdasarkan Pendekatan Moral dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Oleh hal yang demikian, melalui kajian ini pengkaji telah menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu bersandarkan pendekatan moral bagi menganalisis objektif yang dikaji. Pendekatan moral merupakan sebuah pendekatan yang didasari daripada Pendekatan Gunaan yang menyerupai seperti kejadian dan objek, namun kejadian itu berdasarkan Pendekatan moral oleh Hashim Awang (1999). Selain itu, pengkaji turut membincangkan mengenai kepentingan genre sajak sebagai medium mendidik masyarakat Melayu kini. Hal ini demikian kerana, genre sajak melalui puisi terpilih Zurinah Hassan telah dapat mendidik serta memberikan manfaat terhadap kepentingan sajak itu berdasarkan nilai-nilai yang terkandung dalam bait-bait sajak.

1.3 Permasalahan Kajian

Berdasarkan penelitian terhadap beberapa sorotan kajian lepas, persoalan yang telah diketengahkan dengan jelas menunjukkan masih terdapat kerompongan dalam kajian tersebut. Penelitian terhadap kajian-kajian lepas yang menerapkan medium mendidik masyarakat melalui sajak dalam beberapa judul “Kajian Hermeneutika Dilthey Terhadap Unsur Bahasa Kias Dalam Kumpulan Puisi Tadaruskarya A.Mustofa Bisri Berindikasi Nilai Karakter Sebagai Alternatif Bahan Ajar Apresiasi Sastra Di Kelas X SMK” daripada Kunkun K. Harnadi (2021). Kajian ini dibuat adalah kerana untuk mendefinisikan makna mengenai makna tentang pengalaman hidup, definisi ungkapan dan pemahaman dalam mengetahui ciri bahasa kias dan intipati nilai karakter melalui puisi Tadarus karya A.Mustofa Bisri. Metodologi kajian artikel telah menggunakan kaedah rekabentuk kualitatif. Oleh hal yang demikian, dapat dirumuskan kajian ini Hermeneutika Dilthey yang mengandungi aspek bahasa kiasan dalam mengetahui nilai karakter, kedua belas puisi dalam kumpulan puisi Tadarus layak dijadikan bahan ajar mata pelajaran bahasa Indonesia pada siswa X SMK.

Kajian-kajian terhadap genre sajak masih memerlukan penelitian yang mendalam bagi usaha memahami aspek intelekulisme dan ilmu seperti medium mendidik masyarakat melalui sajak kerana lazimnya masyarakat menganggap sesi meluah perasaan melalui penghasilan sebuah sajak. Mendum mendidik masyarakat melalui sajak ini jarang didedahkan secara ilmiah hingga menyebabkan manfaat nilai atau mesej sajak ini terabai dan disia-siakan oleh khalayak pembaca. Tujuan utama kepengarangan sajak ini yang berpusatkan pada tema, persoalan dan pengajaran sebagai tunjang utama bagi menyampaikan mesej dan pengajaran kepada masyarakat melalui pembinaan tema, persoalan dan pengajaran. Pengkaji melihat ini sebagai potensi yang

wajar diketengahkan sebagai kajian untuk menambahkan dokumentasi rujukan tentang medium mendidik masyarakat berdasarkan sajak.

Keterbatasan keupayaan merangsang kecaknaan masyarakat tentang sajak bagi medium mendidik masyarakat dalam kumpulan sajak ini akan menghalang khalayak pembaca untuk menghayati serta memahami aspek nilai serta fungsi karya itu sendiri yang sebenarnya luas serta mendalam maknanya. Keterbatasan ini akan mendorong kepada dua keadaan iaitu kegagalan khalayak untuk mentafsir nilai yang terkandung dalam sajak sama ada secara tersurat atau tersirat dan kegagalan khalayak untuk mengangkat pengajaran yang terkandung dalam sajak kepada masyarakat. Kedua-dua keadaan ini akan menjelaskan pandangan khalayak terhadap kumpulan sajak secara menyeluruh yang merupakan satu kerugian kepada masyarakat dalam menghargai naskhah ini untuk dijadikan panduan dan pedoman hidup.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.4 Persoalan kajian

Kajian ini telah menggambarkan kepada beberapa persoalan berkaitan kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji dan jelas mengenai bidang sastera melalui puisi moden iaitu sajak berdasarkan objektif kajian. Berikut merupakan persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan oleh pengkaji adalah :

1. Apakah nilai-nilai yang terkandung dalam sajak-sajak terpilih Zurinah Hassan?
2. Bagaimanakah nilai-nilai yang terdapat dalam sajak terpilih Zurinah Hassan menepati aspek pendekatan moral dalam Teori Pengkaedahan Melayu?
3. Sejauh manakah kepentingan genre sajak sebagai medium dalam mendidik masyarakat Melayu masa kini?

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan kajian ini terdapat beberapa objektif kajian yang digunakan sebagai panduan dalam menjalankan kajian. Objektif kajian ini merupakan peranan penting dalam menentukan hala tuju penyelidikan serta mengikut arah tujuannya. Berikut adalah objektif kajian bagi kajian yang dijalankan ini :

1. Mengenal pasti nilai-nilai yang terkandung dalam sajak-sajak terpilih Zurinah Hassan.
2. Menganalisis nilai-nilai yang terkandung dalam sajak terpilih Zurinah Hassan berdasarkan pendekatan moral dalam Teori Pengkaedahan Melayu.
3. Membincangkan kepentingan genre sajak sebagai medium dalam mendidik masyarakat Melayu masa kini.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan agar dapat memberikan satu gambaran yang sebenar mengenai kepentingan sastera terutamanya dalam puisi-puisi iaitu sajak kepada kalangan masyarakat terutamanya dalam kalangan pelajar bidang kesusasteraan serta masyarakat luar. Bukan itu sahaja, kajian ini juga akan mampu meningkatkan kefahaman terhadap mengenai puisi-puisi yang ingin disampaikan terutamanya sajak dan juga merupakan pemudah cara untuk masyarakat supaya lebih memahami mengenai sesuatu peristiwa yang terjadi atau nasihat melalui sajak itu.

1.6.1 Individu

Kajian ini akan dilihat serta mampu memberikan kepentingan ke dalam diri seseorang individu apabila sajak-sajak yang terpilih akan mampu memberikan pengajaran serta akan mampu menerapkan nilai-nilai murni dalam diri seseorang individu. Oleh hal yang demikian, pengkaji juga turut dapat mengambil pengajaran berdasarkan sajak-sajak yang terpilih menerusi kumpulan sajak Menunggu Pesawat agar menjadi insan yang kamil.

1.6.2 Masyarakat

Kajian ini juga akan mampu memberikan manfaat kepada masyarakat. Bukan itu sahaja, kajian ini juga akan dapat memberikan nilai-nilai positif kepada masyarakat mengenai pentingnya aspek nilai murni. Oleh hal yang demikian, unsur nilai murni yang mampu mendidik masyarakat yang diperolehi berdasarkan kumpulan sajak Menunggu Pesawat dan Pujangga Tidak Bernama serta beberapa sajak lain Zurinah Hassan ini akan

dapat membentuk sesebuah masyarakat yang lebih hidup keadaan harmoni dan damai serta mampu hidup dalam keuarga yang bahagia.

1.6.3 Universiti

Melalui kajian ini, pengkaji juga turut memberikan kepentingan kepada universiti. Hal ini demikian kerana, akan dapat membuka fikiran seseorang dalam menilai sesebuah kepentingan dan pengajaran bidang sastera dalam masyarakat. Tambahan pula, dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji juga akan dapat menyebarkan lagi puisi-puisi terpilih hasil karya Zurinah Hassan dan dapat menceritakan kepada masyarakat pentingnya puisi dalam masyarakat yang menyampaikan kandungannya melalui bahasa-bahasa yang indah dan murni.

1.6.4 Negara

Akhir sekali, kepentingan kajian ini juga akan dapat memberikan faedah kepada negara. Hal ini adalah demikian kerana, negara Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang sangat kaya dengan nilai-nilai murni dan nilai yang baik. Oleh hal yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa, melalui kajian ini akan dapat memberikan manfaat kepada negeri dalam memberikan pengajaran yang baik kepada semua rakyat dan secara tidak langsung akan dapat memupuk rakyat yang bahagia terutamanya dalam aspek kekeluargaan.

1.7 Skop dan Batasan Kajian

Berdasarkan kajian ini pengkaji telah membataskan bahan kajian terhadap beberapa skop khusus dan terpilih sahaja yang amat berkait rapat dengan sudut kajian iaitu hanya berfokuskan kepada sajak-sajak terpilih Zurinah Hassan. Kajian ini juga telah membataskan pengkajian berdasarkan buku kumpulan sajak Menunggu Pesawat, kumpulan puisi Pujangga Tidak Bernama dan Mutiara Sastera Melayu Moden. Bagi kajian ini, pengkaji hanya memilih beberapa sajak terpilih sahaja dan tidak menyentuh kesemua sajak yang tersisip dalam buku-buku tersebut. Hal ini kerana, pengkaji hanya memberikan fokus terhadap sejumlah sajak sahaja yang akan dapat memberikan medium dalam mendidik masyarakat.

Selain itu, kajian ini juga turut terbatas dengan menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu dengan menggunakan pendekatan moral. Bukan itu sahaja, kajian ini juga turut memberikan pengkhususan kepada pendekatan moral yang terdapat dalam karya tersebut sama ada tersurat mahupun tersirat. Pengkaji telah menerapkan prinsip dalam pendekatan moral pada objektif kedua. Melalui pendekatan moral, terdapat empat prinsip dibawahnya. Namun demikian, pengkaji telah mengaplikasikan dan membataskan terhadap satu prinsip sahaja iaitu prinsip ketiga. Prinsip ketiga tersebut adalah mementingkan unsur didaktik. Kajian ini juga turut merujuk kepada kajian-kajian lepas seperti jurnal, artikel, tesis, dan juga buku sebagai rujukan kepada pengkaji dalam mendapatkan idea serta data. Tambahan pula, kajian ini telah menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu pengkaji memfokuskan kepada pendekatan struktural, pendekatan analisis tekstual dan pendekatan teoritikal.

1.8 Definisi Operasional

Pengkaji akan menggunakan beberapa konsep atau istilah dalam kajian ini. Konsep ini merupakan sebuah perkara yang penting dalam kajian dan perlu didefinisikan terlebih dahulu kerana ini akan dapat memberikan impak serta gambaran yang lebih tepat, jelas dan terperinci dalam konteks kajian ini. Antaranya konsep yang didefinisikan adalah sajak dan mendidik. Bahan yang digunakan adalah seperti buku dan tesis telah dirujuk untuk mendefinisikan setiap konsep tersebut.

1.8.1 Sajak

Sajak ialah sejenis puisi moden yang berbeza dengan puisi tradisional seperti pantun dan juga syair yang disusun alam bahasa yang indah dalam menyatakan fikiran, perasaan serta pengalaman (Kamus Dewan, 2015) Manakala, puisi moden ini juga merupakan sebuah puisi yang terkandung perkara yang indah-indah. Menurut Masuri S.N melalui penulisan Hanafiah A.R (2008), puisi moden bukanlah kandungan keseluruhannya mengenai hal yang indah dan juga ia bukanlah keseluruhannya mudah untuk difahami. Perkara ini telah dapat membezakan di antara puisi moden dan juga puisi tradisional. Sajak dapat dikatakan sebuah perihal mengenai kehidupan dan hasil perasaan serta fikiran yang terlebih mampu dihayati serta dialami oleh pengarang melalui pengalaman dan imaginasi kreatif pengkarya sezaman dengan kita yang sememangnya agak sukar untuk difahami (Hanafiah A.R, 2008). Oleh hal yang demikian, seseorang yang dapat memahami puisi moden ini secara tepat pada maknanya adalah dengan mengandaikan sendiri mengenai makna yang relevan atau perihal yang berkaitan dengan pengalaman hidupnya dalam memberikan maksud sesuatu puisi moden itu.

Seterusnya, menurut T.Teresa Anna (2000), telah mendefinisikan bahawa bahasa adalah puisi asal dalam membentuk seseorang diri serta puisi yang hebat adalah apabila seseorang termasuk dalam sejarah, memulakan pembentukan bahasa orang itu melalui dirinya sendiri. Hal ini dapat dikatakan bahawa puisi moden amatlah dekat dengan jiwa pengarang, namun jauh dengan jiwa pembaca kerana acap kali sajak atau puisi moden ini akan merungkaikan mengenai soal peribadi dan pengalaman pengkarya itu. Hal ini sememangnya selari dengan pendapat para sarjana ini. Menurut Hanafiah A.R (2008), mengatakan bahawa sajak dapat diungkapkan sama seperti bahasa yang dituturkan pada kebiasaannya dalam percakapan harian manusia serta perbezaannya dapat dilihat berdasarkan penulisan kreatif serta cara bagaimanakah ianya digunakan dan dibentuk menjadi sebuah puisi moden.

1.8.2 Mendidik

Menurut Pesantren (2014), mendidik merupakan sebuah proses dalam pembinaan akhlak mahupun kecerdasan fikiran yang dilakukan sejak kecil dalam keluarga melalui orang tua serta di bangku sekolah oleh pendidik atau pengajar. Namun demikian, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), telah mendefinisikan bahawa mendidik adalah menjaga atau memelihara dan mengajar perkara yang baik. Hal ini dapat dikatakan bahawa, mendidik adalah sebuah proses dalam mengajar.

1.9 Organisasi Bab

Melalui kajian ini, secara keseluruhannya terdapat lima bab dalam kajian. Pada bab 1, terdapat pengenalan atau pendahuluan yang menghuraikan secara ringkasnya mengenai tajuk kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan dan juga batasan kajian.

Seterusnya, bab 2 adalah sebuah bab atau bahagian menyoroti kajian lepas. Hal ini kerana, melalui kajian ini pengkaji telah menyoroti kajian-kajian lepas yang berkaitan sajak, puisi atau sajak Zurinah Hassan, dan Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini turut membincangkan serta menjelaskan secara terperinci mengenai teori yang digunakan. Tujuan utama teori diaplikasikan adalah kerana ingin memastikan kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini tidak terkeluar daripada objektif yang ingin dicapai.

Selain itu, bab 3 adalah sebuah bahagian membincangkan mengenai metodologi kajian yang digunakan dalam mengukur serta menganalisis data dalam mencapai objektif kajian. Melalui bab ini, pengkaji akan membincangkan dan menjelaskan mengenai kaedah pengumpulan data, analisis data serta menghuraikan kaedah tersebut secara terperinci dan lebih jelas.

Bukan itu sahaja, melalui bab 4 ini, merupakan sebuah bahagian perbincangan dalam memperolehi dapatan kajian berdasarkan objektif kajian yang dijalankan. Analisis data dilakukan secara terperinci dengan lebih jelas dalam menjawab segala persoalan kajian berdasarkan objektif kajian.

Akhir sekali adalah Bab 5. Bab 5 merupakan bab yang akan merumuskan rumusan merangkumi setiap bab. Melalui bab 5 ini juga, adalah sebuah bab yang akan menonjolkan kesan serta impak kajian ini dan juga mengemukakan cadangan serta

harapan terhadap pengkajian seterusnya tentang sajak sebagai medium mendidik masyarakat kini.



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

1.10 Rumusan

Kebelakangan ini, kecenderungan serta kecaknaan terhadap nilai-nilai yang terkandung dalam karya sastera seperti puisi moden semakin meluas dalam kalangan masyarakat. Perkara ini bukanlah sesuatu perkara yang pelik kerana karya sastera sering dianggap sebagai teladan kepada sesebuah masyarakat. Para sarjana dan pengkaji telah membuat kajian dan kritikan ke atas karya kesusasteraan termasuk nilai yang terdapat dalam sajak sebagai medium mendidik masyarakat untuk memahami dan memberi makna yang terdapat dalam karya itu dengan memberi pengkhususan kepada beberapa aspek yang tertentu. Aspek nilai terkandung dalam puisi moden antara aspek yang masih kurang dikaji berbanding aspek-aspek lain.

Pengkaji telah memilih beberapa nilai berdasarkan teks kumpulan sajak Menunggu Pesawat, kumpulan puisi Pujangga Tidak Bernama dan Mutiara Sastera Melayu Moden sebagai bahan kajian untuk meneliti nilai yang mampu dijadikan sebagai medium mendidik kepada masyarakat. Pengkaji telah membuat analisis kajian ini secara mendalam tentang sejauhmanakah penerimaan masyarakat dan kepentingan nilai yang terkandung dalam sajak sebagai medium mendidik masyarakat. Kajian ini dilakukan berdasarkan eleman asas seperti objektif, kepentingan kajian, permasalahan kajian dan sebagainya. Pada perbincangan bab ini, pengkaji cuba memberi gambaran awal secara keseluruhan mengenai tajuk kajian yang akan dibincangkan. Bukan itu sahaja, dengan kajian ini juga pengkaji berharap masyarakat dapat membuka mata agar lebih menghargai sajak-sajak yang banyak membawa makna dan memberi pengajaran.

BAB 2

KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan

Bab ini akan mendiskusikan secara teoritikalnya mengenai kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji yang lain dalam menyokong model kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji. Melalui sorotan kajian ini juga akan membincangkan mengenai kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh para sarjana dalam bidang sastera ini di peringkat tempatan atau di peringkat luar mengenai puisi. Oleh itu, terdapat beberapa sorotan kajian lepas yang digunakan oleh pengkaji serta menjadi asas kepada pembentukan model kajian ini. Melalui kajian ini, terdapat beberapa sorotan kajian lepas mengenai sajak yang mampu mendidik masyarakat. Definisi serta rumusan dari setiap kajian lepas akan dimasukkan dalam kajian supaya memenuhi keperluan pengkaji. Selain itu, pengkaji juga akan menggunakan kajian lepas mengenai sajak yang mampu mendidik masyarakat kerana telah menjadi tema utama dalam menjalankan kajian untuk memenuhi keperluan pengkaji. Bukan itu sahaja, pengkaji juga akan menggunakan beberapa kajian lepas mengenai puisi hasil karya Zurinah Hassan. Pengkaji juga akan turut menggunakan beberapa kajian lepas mengenai Pendekatan Moral. Namun demikian, karya Zurinah Hassan belum ramai pengkaji lain yang mengkaji teks ini berkenaan puisi moden Zurinah Hassan sebagai medium mendidik masyarakat berdasarkan Pendekatan Moral. Tambahan pula, perbincangan mengenai kajian literatur ini akan mengambil beberapa kajian yang relevan dan mempunyai kaitan dengan kajian yang dilakukan sahaja.

Namun begitu, kajian literatur ini adalah perkara utama kepada pengkaji agar kajian yang ingin dilaksanakan mempunyai penanda aras serta akan menjadikan sebagai sumber rujukan yang tepat dan sangat jelas. Bukan itu sahaja, berdasarkan kajian literatur ini juga akan dapat mencari serta mengenalpasti kekuatan dan kelemahan setiap kajian literatur supaya akan dapat memberi manfaat ke dalam penulisan pengkaji. Oleh hal yang demikian, kajian literatur ini merupakan perkara yang penting untuk dimanfaatkan dalam penulisan kajian berdasarkan beberapa aspek yang dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan untuk pengkaji melaksanakan dan menyiapkan kajian ini.

2.2 Kajian Lepas

2.2.1 Tinjauan literatur berkaitan puisi atau sajak Zurinah Hassan

Kajian yang dilakukan oleh Ros Anita Kartini Mohmaed pada tahun 2021 telah memberikan fokus kepada motif alam Melayu dan kajiannya bertajuk “Motif Alam Melayu dalam Puisi-Puisi Terpilih Zurinah Hassan Sebagai Satu Retrospeksi Bahasa Pada Masa Kini”. Kajian ini adalah bertujuan melihat semula bagaimana uniknya motif alam Melayu yang telah menjadi satu retrospeksi apabila diucapkan dalam puisi tradisional. Bukan itu sahaja, kajian ini juga hanya memfokuskan kepada puisi-puisi terpilih hasil karya Zurinah Hassan. Hasil kajian tersebut dapat merumuskan bahawa Zurinah Hassan adalah penyair yang jelas gagasannya yang berjaya membawa sesuatu yang kelainan serta pembaharuan dalam puisi terpilihnya.

Nur Zalikha Binti Mat Radzi, Nasirin Abdillah, dan Daeng Haliza Daeng Jamal (2020), dalam artikelnya yang bertajuk “Hatimu Aisyah Karya Zurinah Hassan Menerusi Perspektif Elaine Showalter Model Bahasa”. Kajian ini dilakukan dengan bertujuan adalah meneroka aspek berdasarkan pengarangan wanita. Novel Hatimu

Aisyah ini merupakan salah sebuah novel yang pertama telah dihasilkan oleh Zurinah Hassan yang memberikan fokus terhadap amalan mnegenai adat resam pada zaman dahulu kala. Kajian hasil karya Zurinah Hassan ini telah berteraskan kepada Model Bahasa Gagasan Elaine Showalter dalam persepektif ginokritik serta melihat perwatakan seseorang wanita. Bukan itu sahaja, melalui kajian ini telah membincangkan mengenai simbolik bahasa sebagai ekspresi dan kesedaran wanita. Hasil kajian telah merumuskan bahawa Zurinah Hassan telah menggunakan bahasa yang bersesuaian melalui gagasan bahasa daripada Elaine Showalter. Oleh hal yang demikian, dapat dirumuskan bahawa terutamanya golongan wanita menunjukkan perasaan melalui penulisan karya walaupun dalam keadaan yang baik.

Seterusnya, Yusoff, Muhamad Fadzil (2012) melalui kajiannya yang bertajuk “Kosmologi dalam puisi-puisi Zurinah Hassan”. Kajiannya telah membincangkan mengenai puisi-puisi Zurinah Hassan dalam memberikan penumpuan terhadap unsur-unsur kosmologi yang terdapat di dalamnya. Penekanan yang diberikan adalah melalui kosmologi biotik dan kosmologi abiotik. Objektif kajian ini terdapat tiga objektif yang pertama ialah mengenal pasti unsur-unsur kosmologi biotik dan abiotik yang terdapat dalam puisi-puisi Zurinah Hassan, kedua adalah menganalisis unsur-unsur kosmologi biotik dan kosmologi abiotik dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dan objektif yang terakhir adalah menginterpretasi falsafah dan pemikiran alam(kosmologi) berdasarkan puisi-puisi Zurinah Hassan penanda kosmologi. Kajian ini telah menggunakan kaedah kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks untuk mencapai objektifnya. Teori yang digunakan melalui kajian ini adalah Teori Pengkaedahan Melayu dan telah menerapkan Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Hasil dapatan kajian ini telah mendapati bahawa melalui puisi-puisi Zurinah Hassan ini

telah membuktikan mengenai peranan serta sumbangan penting Zurinah Hassan berdasarkan dunia sastera Melayunya.

Ahmad, Muhammad Anwar (2021) dalam kertas kerjanya yang bertajuk “Watak wanita dalam cerpen Zurinah Hassan”. Kajian yang dilakukan ini adalah dengan tujuan untuk menganalisis watak-watak dan ciri-ciri perwatakan wanita dalam cerpen-cerpen terpilih daripada Kumpulan Cerpen : Meneruskan Perjalanan karya Sasterawan Negara Zurinah Hassan. Kertas kerja ini akan menganalisis cerpen-cerpen terpilih daripada Zurinah Hassan berasaskan konsep dan kerangka sastera Islam “al-Adab al-Islami”

Tambahan pula, kajian lepas yang didapati oleh pengkaji adalah melalui kajian oleh Walimatul Quliyyah (2022) yang bertajuk “Transkripsi Perwatakan Wanita Dalam Novel Hatimu Aisyah Karya Zurinah Hassan: Perspektif Feminisme”. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti perwatakan wanita yang terdapat dalam novel Hatimu Aisyah serta menganalisis kepentingan jati diri seseorang wanita dalam novel Hatimu Aisyah. Metodologi kajian adalah dengan menggunakan reka bentuk kualitatif dengan menerapkan pendekatan teori feminismem dalam menilai serta mengangkat kedudukan dan memartabatkan golongan wanita .

2.2.2 Tinjauan literatur berkaitan mendidik masyarakat

Seterusnya, kajian yang telah dilakukan oleh Nyia See Keng pada tahun 2004 yang telah memberikan fokus kepada nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat di dalam sajak J.M. Aziz dan T. Alias Taib dari aspek nilai-nilai kemanusiaan. Tajuk kajiannya adalah “Nilai-nilai kemanusiaan berdasarkan sajak-sajak J.M Aziz dan T. Alias Taib”.

Hasil daripada kajian ini, telah membuktikan bahawa ia sarat dengan nilai kemanusiaan seperti ketabahan, bertanggungjawab, kasih sayang dan sebagainya.

Zurakintan Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh (2015) melalui jurnalnya yang diberikan tajuk “Pemikiran Melayu tentang ilmu dan adab dalam Puisi Melayu Tradisional” telah membincangkan mengenai konsep atau definisi pemikiran Melayu yang mempunyai kaitan rapat dengan ilmu serta adab yang telah diambil dalam puisi Melayu tradisional, seperti peribahasa, pantun dan syair. Hal ini adalah demikian kerana, pemikiran Melayu yang mempunyai elemen puisi Melayu tradisional ini adalah keseluruhan pandangan atau fikiran seseorang individu dan termasuklah elemen dalam pengetahuan, pemerhatian atau pendirian yang telah menjadi dasar keilmuan atau pegangan. Melalui kajian ini, secara khususnya karya sastera iaitu puisi, pemikiran ini termasuklah elemen-elemen dalam persoalan atau mesej berkaitan pengajaran yang ingin disampaikan secara tersirat mahupun tersurat melalui karya agar menjadi panduan serta teladan dan pengajaran yang berkait rapat terhadap kehidupan individu atau masyarakat dalam sesebuah negara. Oleh hal yang demikian, melalui hasil dapatan kajian daripada jurnal ini, dapat dirumuskan bahawa puisi yang digunakan berfungsi dalam masyarakat Melayu serta memberikan penekanan kepada aspek pemikiran Melayu tentang ilmu dan adab.

Siti Faridah Leong Bt Abdullah dan Bazrul Bin Bahaman (2017) dalam kajiannya yang bertajuk “Sulalatus Salatin Sebagai Medium Mendidik Nilai Murni” telah membincangkan mengenai kisah-kisah yang terpilih dalam Sulalatus Salatin yang mempunyai sifat-sifat didaktik serta menyampaikan nilai-nilai murni islamiah. Objektif kajian ini adalah menghuraikan nilai murni Islamiah dalam kisah Sulalatus Salatin.

Selain itu, kajian ini juga telah menerapkan prinsip yang ketujuh iaitu Teori Takmilah dan telah berfugsi dalam mendidik khalayak, serta bertujuan memupuk masyarakat kearah insan kamil iaitu insan yang sempurna. Metodologi bagi kajian ini telah menggunakan kaedah kajian kepustakaan serta menganalisis teks daripada kisah-kisah terpilih. Hasil kajian telah mendapati bahawa kisah-kisah daripada Sulalatus Salatin ini sarat dengan pengajaran yang mempunyai nilai-nilai murni dan wajarlah untuk diteladani oleh masyarakat. Bukan itu sahaja, Kisah Sulalatus Salatin ini merupakan salah sebuah kisah yang mampu memberikan pengajaran dalam menjadikan orang ramai kearah yang lebih baik atau insan kamil.

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016), melalui jurnalnya yang diberi tajuk “Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu” telah membincangkan mengenai nilai baik hati yang terkandung melalui cerita rakyat Melayu terhadap masyarakat Melayu. Objektif kajian ini tertumpu kepada dua iaitu mengenal pasti serta menganalisis nilai baik hati melalui cerita rakyat Melayu dan hanya memfokuskan kepada masyarakat Melayu sahaja. Penerapan Teori Pengkaedahan Melayu telah diaplikasikan dalam kajian ini agar dapat mengukuhkan kajian ini lagi. Selain itu, nilai murni seperti baik hati dalam masyarakat Melayu wajarlah diterapkan dalam menjadi medium perantaraan agar dapat mendidik nilai moral masyarakat Melayu. Oleh hal yang demikian, hasil kajian dapat disimpulkan bahawa cerita rakyat Melayu hampir kesemua cerita rakyat Melayu yang mempunyai nilai baik hati ini akan memainkan peranan serta tanggungjawab dalam masyarakat Melayu.

Kunkun K. Harnadi (2021), dalam artikelnya yang bertajuk “Kajian Hermeneutika Dilthey Terhadap Unsur Bahasa Kias Dalam Kumpulan Puisi Tadaruskarya A.Mustofa Bisri Berindikasi Nilai Karakter Sebagai Alternatif Bahan Ajar Apresiasi Sastra Di Kelas X SMK”. Kajian ini dibuat adalah kerana untuk mendefinisikan makna mengenai makna tentang pengalaman hidup, definisi ungkapan dan pemahaman dalam mengetahui ciri bahasa kias dan intipati nilai karakter melalui puisi Tadarus karya A.Mustofa Bisri. Metodologi kajian artikel telah menggunakan kaedah rekabentuk kualitatif. Oleh hal yang demikian, dapat dirumuskan kajian ini Hermeneutika Dilthey yang mengandungi aspek bahasa kiasan dalam mengetahui nilai karakter, kedua belas puisi dalam kumpulan puisi Tadarus layak dijadikan bahan ajar mata pelajaran bahasa Indonesia pada siswa X SMK.

2.2.3 Tinjauan Literatur berkaitan Teori Pengkaedahan Melayu

Kajian oleh Maguna Eliastuti pada tahun 2017 telah membangkitkan tentang pendekatan moral dalam kajiannya yang bertajuk “Analisis nilai-nilai moral dalam Novel Kembang Turi Karya Budi Sardjono”. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengungkap nilai-nilai moral dalam novel tersebut, dan telah menggunakan pendekatan moral sebagai deskriptif kajiannya. Metodologi kajian ini telah menggunakan analisis novel serta menggunakan kaedah kepustakaan dengan memuat dua unsur nilai novel, iaitu unsur intrinsik serta ekstrinsik. Selain itu, kajian ini juga telah menerapkan pendekatan moral. Hasil kajian tersebut dapat merumuskan bahawa setiap nilai moral yang terdapat dalam cerita novel adalah nilai moral baik dan nilai moral buruk.

Selain itu, kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang bertajuk “Nilai-nilai murni dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan : Satu

penelitian Pengkaedahan Melayu". Objektif kajian ini adalah mengenal pasti dan menganalisi nilai-nilai murni yang terdapat dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Kajian ini telah menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu dengan menggunakan pendekatan moral dan pendekatan dakwah. Hasil kajian ini telah mendapatkan bahawa naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan mempunyai nilai-nilai murni yang akan dapat menjadikan sebagai medium pendidikan terhadap masyarakat tempatan.

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2014), dalam kajiannya yang bertajuk "Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni". Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti serta menganalisi nilai murni terhadap cerita rakyat dalam pembentukan nilai-nilai murni dalam kalangan kanak-kanak. Teori yang digunakan menerusi kajian ini adalah Teori Pengkaedahan Melayu. Hasil kajian telah merumuskan bahawa Buku Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia ini telah memberikan peranan serta sumbangan yang besar terhadap pembaca pada masa kini dan juga generasi bangsa khususnya kepada golongan kanak-kanak di Malaysia.

Selain itu, kajian lepas yang telah didapati oleh pengkaji adalah daripada kajian oleh Siti Syahira Md Sabri (2022), yang bertajuk "Unsur Didaktik Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pendekatan Moral". Objektif kajian ini adalah mengenal pasti unsur didaktik dalam teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan serta menganalisis unsur didaktik dalam teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantam. Metodologi kajian ini adalah dengan menggunakan reka bentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks.

Kajian ini juga telah menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu dengan menggunakan Pendekatan Moral. Hasil kajian ini telah mendapati bahawa unsur didaktik yang terdapat dalam teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan ini akan dapat meningkatkan nilai moral dalam kalangan masyarakat.

Wan Nurzafirah Wan Zin (2019), dalam kajiannya yang bertajuk “Analisis Cerpen Terpilih A. Samad Said Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu”. Kajian ini dijalankan adalah dengan tujuan merungkaikan permasalahan yang terdapat dalam kehidupan masyarakat dalam cerpen “Saat Terakhir” dan cerpen “Dari Tanah Ke Tanah” dan menganalisis unsur-unsur atau nilai moral dalam teks. Kajian ini telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu dengan menerapkan Pendekatan Moral dalam mencapai objektif kajian ini. Hasil daripada kajian ini telah mendapati bahawa cerpen “Saat Terakhir” dan cerpen “Dari Tanah Ke Tanah” keseluruhannya hampir mempunyai nilai moral yang berfungsi kepada individu dan masyarakat.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab.Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin, Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017) dalam kajian yang bertajuk “Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu”. Objektif kajian adalah mengenal pasti dan menganalisis cerminan moral positif masyarakat Melayu yang termuat dalam cerita-cerita rakyat Melayu. Kajian ini telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Metodologi kajian pula adalah menggunakan reka bentuk kualitatif dan kaedah kajian pula adalah kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Hasil kajian telah mendapati bahawa elemen nilai murni kejujuran jelas terdapat dalam cerita rakyat terpilih dan telah berjaya membuktikan bahawa masyarakat Melayu pada zaman dahulu mengamalkan nilai murni dalam kehidupannya.

Tambahan pula, kajian lepas oleh Syaidul Azam Kamarudin dan Arbai'e Sujud (2017) dalam kajian yang bertajuk "Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisi Teori Pengkaedahan Melayu". Kajian ini telah membincangkan mengenai jati diri Melayu dalam kumpulan puisi A.Aziz Derama iaitu Suara Gunung Kehidupan dan Gelora Nurani. Malahan, kajian ini telah menggunakan kaedah analisis teks dengan menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu. Hasil rumusan kajian telah mendapati bahawa jati diri kemelayuan yang dipamerkan oleh A.Aziz Deraman dalam puisinya berperanan sebagai iktibar, peringatan serta nasihat yang dapat memberikan manfaat dan kebaikan.



2.3 Rumusan

Kesimpulannya, kajian lepas memaparkan bahawa perbincangan pengkaji mengenai nilai dalam puisi atau sajak yang hanya memfokuskan kepada karya sajak atau puisi terpilih Zurinah Hassan dan karya dalam medium mendidik masyarakat, kebanyakannya kajian lepas berkisar tentang aspek mendidik. Kaedah tinjauan literatur ini dibuat supaya pengkaji mendapat maklumat-maklumat berkaitan kajian-kajian lepas berkaitan nilai atau medium mendidik melalui puisi atau sajak dalam bentuk jurnal, atrikel, disertasi, tesis, buku, rencana akhbar dan majalah sebagai sumber skunder yang akan digunakan dalam melaksanakan di bahagian analisis. Rujukan melalui pelbagai kajian-kajian lepas ini meliputi kajian tempatan dan luar negara. Tinjauan literatur dibuat juga untuk membuka mata masyarakat bahawa puisi atau sajak ini merupakan salah satu alternatif orang Melayu untuk mendidik masyarakat terutamanya dalam kalangan masyarakat Melayu kini kerana ini akan dapat melahirkan masyarakat yang mempunyai perilaku yang baik. Dalam tinjaun kajian literatur yang dilakukan oleh sarjana teempatan dapat memberi pemikiran yang positif mengenai nilai dalam puisi atau sajak dalam menyentuh aspek pengajaran yang dapat memberikan kepentingan serta impak positif kepada masyarakat.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), definisi metodologi adalah sistem yang meliputi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin. Definisi lain bagi metodologi adalah kaedah, rentak, teknik, corak, dan sebagainya. Metodologi kajian juga adalah keadah dan teknik-teknik dalam mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti dalam sesuatu kajian yang telah dilakukan. Sesuatu kaedah atau teknik yang digunakan dalam membuat metodologi kajian ini. Malahan, metodologi kajian juga dapat didefinisikan sebagai kaedah yang paling tepat dalam menggunakan untuk menjalankan kajian penyelidikan dan menentukan tatacara bagi menjawab semua permasalahan kajian. Berdasarkan keterangan daripada Othman (2001), konsep metodologi kajian adalah salah satu prosedur yang teratur atau sistematik dalam menggabungkan sesebuah pendekatan iaitu pendekatan kajian dan analisis data dalam memastikan sesebuah prestasi penyelidikan dapat dicapai dengan sempurna.

Melalui bab ini pengkaji akan membincarakan mengenai metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Matlamat utama metodologi kajian ini dilakukan adalah kerana untuk memberikan deskripsi terhadap cara serta kaedah pengkaji dalam menjalankan kajian, memperolehi data-data serta sumber yang dianalisis oleh pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang terperinci serta tepat. Dalam mencapai maklumat data yang mencukupi serta sahih atau tepat dengan objektif

kajian, kaedah kajian penyelidikan hendaklah sempurna serta mengikut segala piawaian yang telah diberikan agar kajian yang dilakukan dapat memberikan hasil yang betul-betul berkualiti. Kaedah yang digunakan dalam mendapatkan data ini hendaklah diteliti terlebih dahulu serta sesuai dengan penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji.



3.2 Reka Bentuk Kajian

Tajuk: Sajak Sebagai Medium Mendidik Masyarakat: Satu Penelitian Terhadap Puisi Terpilih Zurinah Hassan Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu



Objektif Kajian:

- 1) Mengenal pasti nilai-nilai yang terkandung dalam sajak-sajak terpilih Zurinah Hassan.
- 2) Menganalisis nilai-nilai yang terkandung dalam sajak terpilih Zurinah Hassan berdasarkan pendekatan moral dalam Teori Pengkaedahan Melayu.
- 3) Membincangkan kepentingan genre sajak sebagai medium dalam mendidik masyarakat Melayu masa kini.



Subjek Kajian:

Puisi Terpilih Zurinah Hassan Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu



Metodologi Kajian:

- Ke Perpustakaan
- Teori Pengkaedahan Melayu (pendekatan moral)

Dapatan Kajian:
Hasil kajian berdasarkan Objektif I, II dan III



Rumusan

Sajak mampu terampil sebagai medium mendidik masyarakat pada masa kini dalam melahirkan masyarakat yang berilmu, penyayang, setia pada negara, beriman dan amanah.

Menurut Kerlinger (1970) telah memberikan definisi reka bentuk kajian ini adalah satu tatacara pengolahan data yang dikumpulkan mengikut perancangan khusus serta sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pembolehubah yang terlibat dalam sesuatu kajian. Reka bentuk kajian merupakan elemen yang penting dalam sesuatu kajian yang dijalankan kerana ini adalah panduan untuk memastikan sesebuah objektif kajian itu tercapai dan akan dapat menjawab segala persoalan kajian. Secara dasarnya, reka bentuk kajian adalah berdasarkan kepada sesebuah struktur reka bentuk kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji. Bukan itu sahaja, reka bentuk ini juga adalah salah satu peringkat dalam menentukan sesebuah kaedah apa yang digunakan dalam menjalankan kajian.

Secara konvensionalnya, reka bentuk kajian terdapat tiga bentuk kaedah yang terdiri daripada reka bentuk kajian kualitatif, reka bentuk kajian kuantitatif, serta reka bentuk gabungan. Reka bentuk kajian kualitatif merupakan kaedah paling mudah untuk disesuaikan dari segi teknik eksperimen yang terdiri daripada pelbagai kaedah serta bentuk yang diterima. Selain itu, reka bentuk kualitatif juga terdapat empat aspek utama etnografi, fenomenologi, kajian kes serta berasaskan sesuatu teori. Seterusnya, reka bentuk kualitatif juga adalah sebuah kajian yang menggunakan maklumat data yang bercirikan kuantitatif dan terdapat beberapa cara iaitu yang terdiri daripada kajian deskriptif iaitu dikenali sebagai kajian tinjauan, kajian korelasi, *causal comparative* (sebab-akibat), serta kajian eksperimental. Kajian reka bentuk gabungan pula adalah sebuah yang menggabungkan kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah memilih reka bentuk kualitatif sebagai kaedah kajian untuk melaksanakan kajian yang akan dilaksanakan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian.

3.3 Kaedah Kajian

Bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji telah memilih reka bentuk kualitatif sebagai tinjauan literatur dalam proses melaksanakan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji. Menurut Crawford dan Irving (2009), reka bentuk kualitatif ini didefinisikan sebagai sebuah kajian penerokaan. Manakala, menurut Creswell (1994), reka bentuk kualitatif ini adalah sebuah proses inkuiiri ke arah asasnya dengan kaedah pengumpulan data yang sering digunakan dalam mengkaji sesuatu permasalahan itu. Seterusnya, reka bentuk kualitatif adalah kajian yang mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan persoalan atau kenyataan. Dalam menggunakan reka bentuk kualitatif ini, pengkaji akan menggunakan beberapa persoalan seperti apa, mengapa, dan bagaimana.

3.3.1 Kaedah Perpustakaan

Kajian berdasarkan buku di perpustakaan adalah merupakan elemen yang sangat penting dalam mencari maklumat yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Pengkaji akan dapat mengembangkan lagi segala maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian hasil daripada buku-buku yang telah didapati di perpustakaan. Buku di perpustakaan akan dapat membantu pengkaji dalam mencari maklumat yang diperlukan dalam kajian ini. Oleh hal yang demikian, pengkaji akan menganalisis data-data di perpustakaan dari sudut buku-buku terbitan, jurnal artikel, tesis pengkaji lepas dan juga sumber yang lain berkaitan dengan tajuk kajian. Dalam mendapatkan data melalui kaedah kajian perpustakaan ini, pengkaji telah menggunakan Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Perpustakaan Awam Jasin dan beberapa perpustakaan yang lainnya untuk mendapatkan sokongan dalam kajian pengkaji.

Melalui kajian yang telah dibuat oleh pengkaji, pengkaji menggunakan sumber daripada internet dalam mendapatkan maklumat kajianya. Kaedah internet adalah sebuah kaedah yang penting bagi pengkaji dalam mendapatkan dara sokongan yang tepat dan boleh digunakan. Bukan itu sahaja, laman sesawang yang dibenarkan untuk mengakses akan dapat menyumbang data-data kajian pengkaji. Antara laman sesawang yang digunakan oleh pengkaji adalah seperti google scholar, My Thesis Online (MyTo), wikipedia blogger, jurnal dan artikel atas talian, surat khabar atas talian dan juga terdapat pelbagai laman sesawang yang digunapakai oleh pengkaji. Rujukan daripada sumber internet ini bukan sahaja mampu memperolehi maklumat namun pencariannya tiada had dan pencarian sumbernya yang lebih luas tanpa mengira masa serta waktu. Oleh hal yang demikian, pengaksesan mengenai sajak medium mendidik masyarakat telah membolehkan pengkaji untuk memperolehi maklumat mengenai sajak yang dapat memberikan pengajaran atau mampu mendidik masyarakat. Kesemua data serta maklumat yang didapati menerusi internet akan dikumpul dan disatukan untuk dimuatkan dalam penghasilan kajian.

3.4 Proses Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data ini adalah sebuah proses yang digunakan dalam mengumpul seseuatu data atau maklumat yang berkaitan mengenai kajian. Terdapat pelbagai kaedah yang masih boleh digunakan dalam mengumpul data mengenai kajian. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah memilih data sekunder iaitu dengan menggunakan kaedah perpustakaan, kaedah analisis teks novel serta kaedah internet.

3.5 Kaedah Analisis Data

Terdapat beberapa kaedah dalam pengumpulan data yang akan digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini agar kajian ini dapat dilakukan dengan lebih sistematik serta memenuhi setiap kriteria objektif yang diperlukan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Data serta maklumat yang digunakan adalah selari dengan objektif yang dikupaskan oleh pengkaji. Antara kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji adalah pendekatan analisis tekstual dan pendekatan teoritikal.

3.5.1 Pendekatan Analisis Tekstual

Kajian ini telah menggunakan kaedah kepustakaan sebagai kaedah yang utama untuk mendapatkan data serta menggunakan analisis teks. Analisis tekstual ini adalah analisis yang dilakukan terhadap sesebuah teks yang bertujuan bagi memahami sesebuah teks yang dipilih berdasarkan keseluruhan teks tersebut. Kajian ini memilih teks kumpulan sajak Menunggu Pesawat terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang mengandungi dua bahagian iaitu yang pertama sajak-sajak baharu yang belum disiarkan dimana-mana dan yang kedua merupakan sajak-sajak terdahulu yang dipetik daripada beberapa buah puisi seperti Bencana, Belajar Dari Itik dan sebagainya. Teks yang dipilih ini mengadungi pelbagai tema seperti kehidupan, kekeluargaan, nasihat, kerohanian dan pengalaman yang boleh jadikan medium mendidik masyarakat selari dengan kajian yang pengkaji laksanakan ini. Pengkaji menjadikan kaedah kepustakaan ini sebagai tunjang utama yang amat penting dalam menyokong kaedah analisis teks bagi mengumpulkan data yang diperlukan.

3.5.2 Pendekatan Teoritikal

Teori adalah sebuah perkara utama terhadap sesuatu bidang ilmu, dan ia tergolong dalam bidang psikologi pendidikan. Teori-teori pembelajaran dalam psikologi pendidikan memberi fokus utama kepada aspek-aspek pembelajaran dan daripadanya datang idea-idea dan prinsip-prinsip tertentu. Melalui konsep yang diberikan daripada Stanovich (1992), teori merupakan salah satu set konsep-konsep yang saling berkait dan mempunyai kaitan rapat, yang digunakan dalam menjelaskan sesebuah data serta untuk meramalkan keputusan kajian kajian lain. Dalam erti kata lain, teori sebagai andaian-andaian ataupun hipotesis-hipotesis tentang sesuatu yang berdokongkan kajian. Oleh hal yang demikian, kajian ini telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu, dan menggunakan Pendekatan Alamiah iaitu Pendekatan Moral.

3.5.3 Teori Pengkaedahan Melayu

Teori Pengkaedahan Melayu adalah merupakan salah satu teori yang dipelopori oleh Hashim Awang (1994) yang merupakan seorang sarjana terkenal dan pengkritik yang terkemuka di Malaysia. Teori Pengkaedahan Melayu ini mula diperkenalkan pada tahun 1989 dan dikemukakan berdasarkan terhadap kesemua aspek kehidupan manusia termasuklah cara serta kehidupan, kebudayaan dan kepercayaan setempat dalam sesebuah masyarakat Melayu yang mengetengahkan karyanya sendiri. Teori ini telah menjadikan alam sebagai sebahagian dalam kehidupannya yang mempunyai kaitan rapat dengan manusia. Hal ini adalah demikian kerana, alam merupakan faktor utama dalam memenuhi keperluan kehidupan manusia yang memberikan mata pencarian dalam pekerjaan, pengajaran pengalaman serta kebajikan. Oleh hal yang demikian, dapatlah dilihat unsur ini memiliki faedah dan kemanfaatan yang khusus dalam

kehidupan. Teori ini dianggap amat berkesan, bersesuaian dan mampu menganalisis karya sastera Melayu yang dihasilkan oleh para penulis terutama pengkarya tempatan.

3.5.4 Pendekatan Moral

Pendekatan Moral menurut Hashim Awang (1999) pula didasari daripada Pendekatan Gunaan iaitu sastera berupa kejadian dan objek, namun kejadiannya berdasarkan Pendekatan Moral, dan ia adalah bukan sesuatu kewujudan yang mempunyai persamaan alat atau benda yang memberikan kegunaan, tetapi kejadian yang bersifat pengalaman hidup manusia, iaitu pengalaman yang dilalui manusia tertentu dan maklumat yang berkaitan dengan manusia serta dunianya termasuklah kejiwaan, kepercayaan (agama), kebudayaan, kemasyarakatan, kebangsaan dan persekitaran membabitkan kekuatan ilmu pengetahuan dan daya kreativiti. Oleh hal yang denuikian, apabila mempunyai sifat itu, sastera akan dapat memberikan manfaat yang lebih luas dan jauh serta dalam daripada fungsinya sebagai benda atau peralatan iaitu memberi faedah yang berkaitan dengan kebatinan serta keperibadian manusia.

3.6 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan salah satu alat yang digunakan oleh pengkaji dalam menyiapkan kajian ini. Instrumen kajian ini adalah berfungsi dalam bagaimana pengkaji mendapat data yang diperlukan dalam memastikan objektif kajian itu dicapai. Dalam mendapatkan data bagi objektif 1, pengkaji telah menggunakan beberapa buah buku hasil karya Zurinah Hassan yang terkandungnya puisi moden. Pengkaji telah menggunakan buku kumpulan sajak Menunggu Pesawat, kumpulan puisi Pujangga Tidak Bernama dan Mutiara Sastera Melayu Moden. Pengkaji telah meneliti setiap buku tersebut dan memilih beberapa buah sajak yang terkandung nilai-nilai dalamnya iaitu daripada aspek ekstrinsik dan juga intrinsik seperti tema dan persoalan. Objektif 2 pula, pengkaji telah mengaitkan setiap nilai yang telah dipilih dalam sajak Zurinah Hassan dengan Teori Pengkaedahan Melayu menggunakan pendekatan moral. Berdasarkan pendekatan moral tersebut, terdapat empat prinsip di bawahnya. Pengkaji telah menerapkan dalam kajian dengan menggunakan prinsip yang ketiga iaitu mementingkan unsur didaktik. Hal ini kerana, prinsip tersebut amat berkait rapat dengan kajian ini. Manakala, objektif 3 pula, pengkaji telah meneliti setiap sajak atau puisi moden yang terpilih terkandung kepentingannya sebagai medium mendidik masyarakat kini terhadap nilai-nilai tersebut. Instrumen kajian yang digunakan ini akan mampu menyokong kajian dapat lagi menyokong kesahihan dapat pengkaji dalam memberikan ilmu pengajaran melalui sajak-sajak yang dipilih.

3.7 Rumusan

Secara tuntasnya, metodologi adalah salah satu perkara penting sebelum pengkaji melaksanakan pengumpulan data kajian. Berdasarkan bab 3 ini telah mampu memberikan bimbingan kepada pengkaji dalam menghasil dan menganalisis kajian dengan secara mendalam berdasarkan persoalan kajian serta objektif kajian. Pengkaji telah menggunakan reka bentuk kualitatif untuk membuat kajian berdasarkan teks yang telah dipilih oleh pengkaji. Setiap data maklumat yang diberikan merupakan data-data yang membawa kepada kajian yang berkualiti dan memberi impak yang baik kepada pengkaji dan juga pengkaji baru yang akan datang.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan menghuraikan dengan secara lebih mendalam mengenai objektif kajian iaitu mengenal pasti nilai-nilai yang terkandung dalam sajak-sajak terpilih Zurinah Hassan berdasarkan Kumpulan Sajak Menunggu Pesawat, Kumpulan Puisi Pujangga Tidak Bernama dan Mutiara Sastera Melayu Moden. Kajian ini juga turut membincangkan mengenai nilai-nilai yang terkandung dalam sajak terpilih Zurinah Hassan berdasarkan Pendekatan Moral dalam Teori Pengkaedahan Melayu serta menganalisis kepentingan sajak-sajak terpilih Zurinah Hassan sebagai medium mendidik masyarakat masa kini. Pendekatan moral ini didasari oleh pendekatan gunaan yang telah dipelopori oleh Hashim Awang (1999). Pendekatan ini berbentuk kewujudan menerusi persamaan alat atau benda yang dapat memberikan kegunaan dan bersifat pengalaman kehidupan manusia. Pengalaman merujuk kepada sesuatu pengalaman yang dilalui oleh manusia yang mempunyai kaitan rapat dengan dunianya iaitu daripada aspek kejiwaan, kepercayaan (agama), kebudayaan, kemasyarakatan persekitaran dan juga kebangsaan. Oleh hal yang demikian, melalui bab 4, iaitu pada objektif kajian pertama akan membincangkan mengenai nilai-nilai yang terkandung dalam sajak-sajak terpilih Zurinah Hassan. Manakala, objektif kedua pula perbincangan kajian ini akan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu, iaitu pendekatan moral agar aspek kajian dapat dianalisis dengan lebih terperinci dan jelas untuk mencapai objektif kajian ini.

Objektif ketiga pula dalam kajian ini membincangkan mengenai kepentingan sajak-sajak terpilih Zurinah Hassan sebagai medium mendidik masyarakat.

4.2 Nilai-nilai Yang Terkandung Dalam Sajak Terpilih Zurinah Hassan

Melalui bab ini, pengkaji akan mengkaji tentang nilai-nilai yang terdapat dalam sajak terpilih Zurinah Hassan. Sajak-sajak karya Zurinah Hassan adalah karya bermutu yang kaya dengan nilai-nilai murni dan mampu memberikan impak kepada khalayak pembaca. Menurut Shukri (2002), nilai adalah unsur dalaman atau luaran yang mempunyai tujuan dalam membezakan seseorang individu, perwatakan, ciri-ciri sesebuah kumpulan atau keinginan dan akan mempengaruhi pemilihan cara hidup, matlamat serta sesebuah perlakuan itu. Bukan itu sahaja, nilai juga adalah merupakan sesuatu yang mempunyai harga dan nilainya, kepentingan serta keburukan menurut Amini Amir (2007). Tuntasnya, dapat dirumuskan bahawa nilai itu merupakan sebuah perkara yang dinilai atau diukur atas setiap tingkah laku dan perbuatan yang dilakukan. Melalui kajian ini, pengkaji akan mengemukakan beberapa nilai yang terdapat dalam sajak-sajak terpilih Zurinah Hassan, antaranya adalah nilai kasih sayang, nilai bertanggungjawab, nilai patriotik, nilai ketaqwaan dan keinsafan serta nilai kebijaksanaan.

4.2.1 Nilai Kasih Sayang

Konsep kasih sayang menurut Muhardi (1986) merujuk kepada perkataan *philia* yang bermaksud cinta sesama manusia dan *agape* iaitu bermaksud cinta kepada tuhan. Perkataan lain dalam menggambarkan perasaan kasih sayang ialah perkataan *eros* dan *amour* yang bermakna perasaan cinta terhadap laki-laki dengan perempuan serta biologinya. Manakala menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), kasih sayang bermaksud perasaan belas kasihan. Kasih sayang juga merupakan perasaan universal

atau perasaan yang menyeluruh dan menyelubungi keseluruhan kehidupan seseorang manusia serta haiwan. Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa perasaan kasih sayang ini adalah merujuk kepada perasaan cinta sesama manusia, baik cinta kepada diri sendiri serta perasaan cinta terhadap orang lain dan sekelilingnya. Perasaan kasih sayang ini dimiliki oleh manusia dan haiwan ketika menjalinkan perhubungan sesamanya. Kasih sayang ini juga dapat mengeratkan hubungan di antara manusia dengan manusia, manusia dengan flora dan fauna.

Melalui penelitian terhadap sajak terpilih Zurinah Hassan telah memaparkan beberapa nilai kasih sayang yang terkandung secara tersurat mahupun tersirat. Antara sajak yang memaparkan nilai kasih sayang ini ialah “Suatu Malam Seorang Tetamu Datang” sebagaimana petikan rangkap puisi di bawah:

Hanya pada abang tengah yang penyayang
Tempat kami bertenang
Dia memujuk agar bersabar menghadap hidup sukar
Katanya kebun luas terhampar milik kami yang sebenar
Dia akan terus berjuang untuk merebut kembali
Kami mesti bersabar dan bersatu hati
Jangan sekali-kali lari meninggalkan tanah sekeping ini

(Suatu Malam Seorang Tetamu Datang,
Kumpulan Sajak Menunggu Pesawat,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2021;3)

Melalui petikan sajak di atas menggambarkan bahawa dalam perhubungan kekeluargaan, terutamanya hubungan adik-beradik mempunyai kaitan yang sangat rapat ibarat peribahasa air dicincang tidak akan putus. Maksud bagi rangkap sajak di atas memaparkan hanya abang sahaja tempat adik-beradik ini bersandar atau dengan nama lain bergantung selain daripada ibu bapa. Petikan di atas juga telah memaparkan bahawa abangnya itu mempunyai nilai kasih sayang yang sangat utuh terhadap adik-beradik. Seorang abang yang sentiasa memberikan semangat kepada adik-adiknya agar tetap kuat dan teguh. Bukan itu sahaja, berdasarkan sajak ini juga hubungan kasih sayang

adik-beradik tergambar melalui sifat bermuafakat atau saling mengasihi dan kasih sayang itu tetap utuh walau apapun yang terjadi.

Oleh hal yang demikian, nilai kasih sayang di antara adik beradik itu jelas dipaparkan melalui sajak ini. Setiap manusia akan mempunyai sifat kasih sayang sesama insan kerana sifat ini adalah sifat yang semulajadi terlahir apabila bergelar seorang manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana, hubungan kekeluargaan atau sesebuah institusi kekeluargaan yang bahagia itu adalah apabila terhindar daripada sifat iri hati atau bergaduh sesama sendiri. Nilai kasih sayang dan sifat sayang menyayangi terhadap adik beradiknya dapat ditonjolkan melalui bait-bait sajak ini.

Selain itu, terdapat sajak lain yang telah menunjukkan nilai kasih sayang ini seperti sajak yang bertajuk “Belajar dari Itik”,

Seorang ibu muda
Memimpin tangan anaknya
Di tepi tasik
Di sebuah taman cantik

Memegang tangan jangan terlepas
Si kecil yang cergas mahu berlari bebas
Takut tergelincir ke air
Takut tenggelam di kolam
Ini kerja sukar dia mesti bersabar
Sehingga anak membesar

(Belajar dari Itik,
Kumpulan Sajak Menunggu Pesawat,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2021;16)

Berdasarkan petikan di atas, pengarang telah menggambarkan mengenai tanggungjawab sebagai seorang ibu itu adalah amat mencabar. Hanya dengan mempunyai sifat kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya, ibu akan tetap tabah melaluinya walaupun berdepan dengan pelbagai dugaan. Gambaran seorang ibu yang memegang erat tangan anaknya melambangkan kegigihan seorang ibu dalam mendidik anaknya dengan penuh kasih sayang. Seorang ibu sering takut anaknya bakal hidup

dalam kesusahan. Setiap pekerjaan ibu perlu ditekuni dengan sabar terutama dalam membesarkan anak-anaknya.

Oleh hal yang demikian, dapatlah dikatakan bahawa kegigihan seorang ibu itu akan terpancar apabila ibu mempunyai nilai kasih sayang dalam dirinya. Setiap insan yang bergelar ibu pasti akan sanggup berkorban apa sahaja demi anaknya. Bukan itu sahaja, seorang ibu juga pasti akan berjuang dalam mendidik anaknya walaupun terdapat pelbagai dugaan yang terpaksa ditempuhinya dalam membesarkan anak-anaknya. Nilai kasih sayang ini adalah selari dengan pendapat oleh Marsudi (2008), yang menegaskan bahawa sifat kasih sayang ini bukan hanya sebuah sifat yang akan mempunyai penghujungnya, kerana rasa kasih sayang ini adalah sebuah perasaan fitrah terhadap orang lain selagi hayat di dunia masih wujud. Ini juga dapat dibuktikan dalam agama Islam tidak mengenal apa erti masa, jarak, dan tempat untuk berkasih sayang yang baik-baik terhadap kawan-kawan, saudara mara, serta ahli keluarga sendiri. Rasulullah SAW telah bersabda “Man laa yarhaminnaasa laa yarhamhullaah” Barangsiapa yang tidak mencintai manusia, Allah tidak akan mencintainya, (HR Turmudzi). Oleh itu, dapat dilihat nilai kasih sayang ini wujud melalui sajak di atas. Kasih sayang wujud kerana sifat kasih yang ada dalam diri setiap manusia secara fitrahnya.

Seterusnya, nilai kasih sayang yang terdapat melalui sajak terpilih Zurinah Hassan adalah yang bertajuk Kuali Hitam. Seperti yang diketahui, sajak bertajuk Kuali Hitam ini sarat dengan nilainya. Nilai yang dapat diperolehi daripada sajak ini antaranya adalah mengenai kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya. Perkara ini boleh dilihat berdasarkan sajak di bawah:

Seorang ibu yang menyayangi sebiji kuali
wring memeluk kami
pernahkah kami perhatikan
matanya yang ditikam serbuk arang

kulitnya yang dikoyak percikan minyak
lengannya yang diserap abu hitam
dahinya yang disengat pucuk api
kami hanya tahu lena kekenyangan
ketika tidur ibu diketuk-ketuk
oleh lelah dan batuk
setelah asap dan abu menggaru-garu
di paru-paru

Kami tidak pernah menyedari
dan ibu pun tidak peduli
dia hanya tahu merasa bahagia
melihat kami keriangan
menunggu sesuatu akan terhidang
dan tidak ada yang lebih membahagiakan
dari melihat kami kekenyangan

. . . Dan sesudah itu
dengan cara yang dia tahu
mengemas dan merapikan dapurku
dan seperti yang biasa dibuat
pada kualinya di kampung
dia menyentul kualiku yang mahal
dengan berus yang kesal
dan spontan aku menjerit
"Ibu merosakkan kuali saga
tahukah ibu berapa harganya?"

Ibu terdiam
barangkali hatinya terguris
barangkali dia hampir menangis
melihat wajahku yang bengis

(Kuali Hitam, Mutiara Sastera Melayu Moden,
Peny:Majlis Peperiksaan Malaysia, 2010: 306)

Berdasarkan sajak bertajuk "Kuali Hitam" di atas, telah menggambarkan bahawa terdapat nilai kasih sayang seorang ibu terhadap anak-anaknya. Secara dasarnya, sajak ini telah memerihalkan mengenai kasih sayang seorang ibu yang sering memasak untuk anak-anaknya. Erti kebahagiaan seorang ibu seperti tergambar dalam sajak di atas adalah cukup dengan melihat anak-anaknya makan serta dapat menikmati masakan yang dimasak oleh ibu tersebut. Kuali yang digambarkan melalui sajak tersebut merupakan simbol dan lambang kasih sayang seorang ibu terhadap anak-anaknya. Nilai kasih sayang seorang ibu itu juga dapat dilihat melalui perilaku ibu tersebut yang tidak

menghiraukan dirinya walaupun terkena percikan minyak dan lengannya diserap abu hitam. Ibu tersebut hanya mengetahui tentang perut anaknya kenyang dan membuatkan diri ibu terasa bahagia. Kasih sayang ibu terhadap anak-anaknya digambarkan apabila mereka kenyang menikmati hidangan yang telah dimasak olehnya.

4.2.2 Nilai Bertanggungjawab

Menurut Widagdho (1999), telah mendefinisikan tanggungjawab itu adalah kesedaran manusia terhadap tingkah laku atau dengan kata lain perbuatan yang disengajakan atau yang tidak disengaja. Tanggungjawab juga bermaksud sesebuah perbuatan yang wujud dari kewajipannya sendiri. Bukan itu sahaja, menurut Wiyoto (2001), telah memberi pandangan bahawa tanggungjawab itu adalah merupakan kebolehan dalam membuat sesebuah keputusan dengan cara yang sesuai serta berkesan. Manakala, menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2007), mendefinisikan tanggungjawab ini adalah kewajiban yang dipikul oleh seseorang serta segala yang wajib ditanggung olehnya.

Zurinah Hassan telah memaparkan beberapa nilai tanggungjawab dalam sajaknya. Antara sajak yang memaparkan nilai tanggungjawab ini adalah sajak yang bertajuk “Lurah Bilut”. Secara keseluruhannya, sajak yang berjudul “Lurah Bilut” ini adalah mengenai ruang lingkup kekeluargaan tentang harta pusaka. Zurinah Hassan telah menggambarkan mengenai seorang lelaki yang mencari kehidupan serta masa depannya dalam hidup. Namun, penyair telah mendapati bahawa dalam mencari kehidupan serta masa depannya terdapat beberapa cabaran serta kesukaran untuk memenuhi keperluan keluarga walaupun hanyalah pada peringkat asas sahaja seperti kediaman, makanan, minuman dan pakaian. Semua itu perlukan sebuah pengorbanan dan tanggungjawab. Ini tergambar dalam rangkap sajak seperti di bawah;

Dia mendaki suram banjaran
Bersama isteri setia yang rela membiarkan
Kulit gebu menggerutu

Dia membawa anak-anak kecil permata hati
Siang bermain duri
Malam didodoi segala nyanyi ngeri

(Lurah Bilut,
Kumpulan Sajak Menunggu Pesawat,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2021;4)

Berdasarkan petikan di atas, nilai bertanggungjawab digambarkan dalam sajak Lurah Bilut berkisar tentang seorang lelaki yang bertanggungjawab terhadap keluarga dengan memenuhi segala tuntutan keluarga sehingga sanggup mengharungi cabaran bersama seorang isteri yang setia disampingnya. Lelaki itu sanggup membawa anak-anaknya untuk berjuang mencari rezeki walaupun usia anak tersebut masih kecil. Nilai bertanggungjawab ini dapat dilihat apabila lelaki itu tetap menjalankan tugasnya sebagai seorang anak, suami dan juga sebagai seorang bapa walaupun pelbagai rintangan yang dihadapi dalam hidupnya untuk memenuhi kehendak keluarga. Oleh hal yang demikian, nilai bertanggungjawab ini juga adalah merupakan sebuah sikap yang mempunyai kaitan rapat dengan janji atau tuntutan terhadap hak, tugas, kewajiban yang sesuai dengan aturan, nilai, norma, adat-isitiadat yang menjadi pegangan sesebuah masyarakat menurut pandangan Mudjiono (2012).

Selain itu, sajak lain yang memaparkan nilai bertanggungjawab adalah sajak yang bertajuk “Penumpang Terakhir”, Ini tergambar sebagaimana petikan sajak di bawah:

Nasir yang terkorban dalam usia lima puluh satu
Seorang pemandu bas ekspress Kuala Lumpur ke Kota Bharu
Berpuhluh tahun tekun dan peka pada had laju
Setiap bulan menunggu untuk menggenggam upahan
Yang ditaksir mengikut jumlah perjalanan
Tetapi semakin lama dirasakan
Genggaman semakin menipis

Genggaman cepat tiris
Pulang ke rumah mencongak-congak
Bil elektrik melonjak
Lampin bayi, bas sekolah anak-anak
Ibu tua mengerang kesakitan
Sejak ubat percuma diberhentikan kerajaan
Mahalnya sayur dan ikan

(Penumpang Terakhir,
Kumpulan Sajak Menunggu Pesawat,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2021;19)

Berdasarkan rangkap sajak di atas, seorang lelaki bernama Nasir berusia lima puluh satu tahun telah terkorban akibat kemalangan. Nasir bekerja sebagai seorang pemandu bas ekspress dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu. Nasir telah mengalami kemalangan dan terkorban akibat daripada hilang fokus ketika memandu bas tersebut. Nasir digambarkan mempunyai nilai tanggungjawab yang tinggi dalam dirinya sehingga sanggup bekerja keras untuk menambah pendapatan agar dapat mencari wang lebih dalam membeli keperluan serta menyara perbelanjaan keluarganya. Nilai bertanggungjawab yang dapat dilihat oleh Nasir ini juga bukan sahaja menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang bapa, namun seorang lelaki yang juga menjalankan tanggungjawabnya terhadap ibunya yang sakit. Namun demikian, nilai tanggungjawab ini dapat dilihat dalam diri Nasir adalah kerana sifatnya yang tidak melepaskan tanggungjawabnya dalam menjalankan tugas meskipun bebanan yang harus dipikul olehnya semakin memberat dalam menyara keluarganya.

Tuntasnya melalui sajak-sajak di atas terpapar nilai bertanggungjawab dalam diri. Menurut Zainal Abidin (1997), nilai tanggungjawab ini merupakan sebuah tugas dan tanggungan, kewajipan, beban, pikulan, tugas dan amanah seseorang.

4.2.3 Nilai Patriotik

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), perkataan patriot adalah bermaksud orang yang mencintai serta mempertahankan kedaulatan negaranya dan juga merupakan pembela negara. Istilah patriotisme ini adalah berasal daripada dua suku kata daripada bahasa Yunani iaitu Pater bermaksud father dan patris bererti land. Hasil daripada gabungan kedua-dua suku kata tersebut telah memberi makna the love of a fatherland dalam bahasa Inggeris (Maurizio Viroli 1997). Oleh hal yang demikian, patriotisme ialah perasaan cinta rakyat terhadap negara atau tanah air tempatnya tumpah darah. Ini telah memberi gambaran sangat jelas bahawa patriotisme itu merupakan sebuah perasaan yang tertanam dalam diri manusia agar mencintai tanah air sendiri kerana ia adalah tempat manusia meneruskan kehidupannya. Ku Hasnita (2007) telah memberi makna bahawa patriotisme merupakan sebuah tindakan bersumberkan emosional iaitu cinta dan setia kepada negara sehingga sanggup melakukan apa sahaja demi negara.

Berdasarkan penelitian yang telah dibuat, terdapat beberapa sajak terpilih Zurinah Hassan terkandung nilai patriotik. Antara sajak yang terkandung nilai patriotik adalah bertajuk “Kemerdekaan”. Secara dasarnya, sajak ini mengisahkan perjuangan dalam mencapai sebuah kemerdekaan di tanah air. Sajak ini juga turut mengimbau tentang pengorbanan para pejuang yang harus menghadapi pelbagai onak dan duri dalam membela nasib negara serta memperjuangkan negara untuk mencapai kemerdekaan. Contoh yang telah digambarkan oleh penyair dalam sajak tersebut adalah melalui rangkap di bawah:

Dol Said, Maharaja Lela, Pandak Endut
Datuk Sagor, Ngah Jabur, Bahaman,

Tuk Gajah, Mat Kilau, Tuk Janggut, Tunku Kudin,
dan ratusan patriot tak bernama
bermandi darah bergadai nyawa
untuk membayar harga yang termahal
harga kemerdekaan negara

(Kemerdekaan,
Kumpulan Puisi Pujangga Tidak Bernama,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2016;61)

Melalui petikan di atas, jelaslah tergambar para pejuang yang sanggup berjuang dan rela berkorban untuk mendapatkan kemerdekaan tanah air sendiri. Hal ini demikian kerana, dalam mendapatkan sebuah kemerdekaan perlu melalui pelbagai rintangan serta cabaran ini termasuklah bergadai nyawa untuk mempertahankan sebuah negara tercinta. Para pejuang negara sanggup berkorban nyawa demi menjaga kedaulatan negara.

Oleh hal yang demikian, jika diteliti sejarah kebangkitan bangsa terdahulu daripada dibelenggu penjajahan dalam membentuk sebuah negara yang bebas merdeka telah menunjukkan perjuangan dan pengorbanan sesuatu bangsa yang penuh dengan semangat patriotisme. Nilai patriotik yang sangat tinggi ini dapat dijelaskan berdasarkan petikan di atas adalah melalui pengorbanan para pahlawan negara untuk mendapatkan kemerdekaan. Perkara ini amatlah bersesuaian dan jelas kerana menurut Kardi (2009), seseorang itu akan digelar patriot adalah kerana apabila tindakan dan amalannya menepati ciri-ciri patriotisme yang berteraskan kecintaan dan kesetiaan kepada negara.

Seterusnya, sajak lain yang memaparkan nilai patriotik ini adalah sajak bertajuk “Dilema Seorang Melayu”. Ini telah tergambar melalui petikan seperti di bawah:

Terkejut Hang Tuah mendengar berita penderhakaan
gementar tubuhnya menyambut titah sultan
Sambil tunduk memikirkan
Hingga air matanya mengalir
Tidak tertahan-tahan
Dadanya bagi akan pecah
Dihempas gelombang serba salah.

Alangkah sukarnya membuat pilihan
untuk setia kepada raja yang zalim,
dan menzalimi kawan yang setia.

(Dilema Seorang Melayu,
Kumpulan Puisi Pujangga Tidak Bernama,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2016;3)

Berdasarkan rangkap puisi di atas, dapatlah dirumuskan bahawa melalui kisah Hang Tuah dan Hang Jebat terdapat pertelingkahan yang berlaku terhadap Hang Tuah dan Hang Jebat. Hang Tuah amat terkejut tentang berita penderhakaan Hang Jebat. Hal ini demikian kerana, Hang Jebat telah menderhaka akibat daripada memprotes tindakan raja yang membunuhnya tanpa usul periksa terlebih dahulu. Namun, apabila bendahara telah datang membawa titah sultan agar membunuh Hang Jebat maka bermulalah pertelingkahan dan konflik yang amat kuat dalam diri Hang Tuah. Keputusan yang dibuat olehnya agak sukar kerana keputusan tersebut adalah untuk setia kepada raja yang zalim dan menzalimi kawan yang setia. Semangat patriotisme ini jelas terpapar kerana semangat cinta akan Kerajaan Melaka pada ketika itu sangat tinggi. Buktinya apabila Hang Tuah sanggup membunuh Hang Jebat dan sanggup membunuh rakannya sendiri demi menjaga keamanan negara. Hang Tuah tetap memperjuangkan dan mempertahankan negeri Melaka dan sanggup meruntuhkan sebuah hubungan persahabatan.

Oleh hal yang demikian, nilai patriotik yang tinggi dalam diri Hang Tuah telah menyebabkan munculnya semangat patriotisme yang sangat kuat dalam dirinya. Kenyataan ini bersesuaian berdasarkan pandangan Syeikh Daud Abdullah al-Fatani merupakan seorang ulama besar Patani menyatakan bahawa mempertahankan negara daripada kekuasaan penjajahan ataupun tekanan kuasa asing khususnya kafir harbi adalah fardu ain. Menurut Nik Anuar Nik Mahmud (2002), tanpa semangat yang utuh, kita tidak boleh yakin agar kita dapat terus bertahan dan kekal.

Seterusnya, sajak Zurinah Hassan yang memaparkan nilai patriotik adalah bertajuk “Korban Hang Tuah”. Contoh yang dapat dilihat adalah seperti di bawah:

Lalu aku pilih untuk mengorbankan
sahabat kesayanganku sendiri
walaupun kelak aku dituduh sebagai pengampu
atau dikutuk kerana kesetiaan yang melulu

Biarkanlah
ku harap di suatu waktu nanti
bila bangsaku berpecah belah
mereka akan menyedari
bahawa Si Tuah bukan menentang Jebat
tetapi menentang penderhakaan dan perebutan kuasa
yang kupertahankan bukan raja
tetapi kerajaannya
tanpa kerajaan tidak akan wujud sebuah negara
tanpa negara apalah ertinya suatu bangsa

(Korban Hang Tuah,
Kumpulan Puisi Pujangga Tidak Bernama,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2016;46)

Berdasarkan sajak di atas, secara dasarnya sajak ini telah memperihalkan mengenai Hang Tuah sanggup berkorban sahabatnya sendiri demi menunjukkan semangat setianya kepada raja. Semangat patriotik yang ditunjukkan dalam sajak ini telah melambangkan bahawa Hang Tuah sanggup berkorban apa sahaja demi taat setianya kepada raja. Nilai patriotik yang tersemai dalam diri Hang Tuah telah membuatkan Hang Tuah bersikap sedemikian. Penyajak juga telah mendeskripsikan mengenai perilaku Hang Tuah ini bukan sahaja membunuh Hang Jebat tetapi ia juga telah menentang penderhakaan dan perebutan kuasa tersebut.

Secara dasarnya, sajak “Korban Hang Tuah” telah memaparkan semangat patriotisme serta nilai patriotik yang tinggi dalam diri Hang Tuah sehingga sanggup membunuh rakannya sendiri. Perkara ini selari dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh seorang tokoh barat. Menurut Stephen Nathanson (1993), telah memberi pendapat bahawa patriotisme ini adalah *special affection for one's own*

country, a sense of personal identification with the country, special concern for the well-being of the country and willingness to sacrifice to promote the country's good

yang bermaksud ini adalah sebuah perasaan kasih sayang yang berbeza terhadap tanah air sendiri, pengenalan diri seseorang itu dengan negaranya, dan juga mengambil berat terhadap kesejahteraan negaranya sendiri dan kesanggupan apa sahaja dalam menjaga nama baik negara itu sendiri.

4.2.4 Nilai Ketakwaan dan Nilai Keinsafan

Takwa adalah sebuah sikap yang melambangkan perasaan cinta dan takut atau kesedaran terhadap sesuatu perkara disebabkan merasa hatinya sentiasa diketahui Allah. Setiap perbuatan yang dilakukan akan diketahui oleh Allah S.W.T. Hal ini selari dengan apa yang dikatakan oleh Saiyidina Ali RA berkata: Takwa adalah sebuah perasaan takut akan kepada Tuhan yang mulia, beramal melalui kitab yang diturunkan.

Zurinah Hassan telah memaparkan nilai ketakwaan dalam sajaknya. Antara sajak yang terkandung nilai ketakwaan dalamnya yang bertajuk “Perbualan dengan Mr.Brown”. Menurut Al-Baydhowi (1997), telah berpendapat ketakwaan itu merupakan menjaga, merawat serta memelihara yang dimaksudkan bahawa di dalamnya terdapat tiga ciri antaranya adalah takwa itu menghindari diri dari segala perbuatan yang dapat mengotorinya sehingga perbuatan yang kecil. Ketakwaan itu juga dapat diberikan maksud adalah sebuah bentuk kepatuhan dengan melakukan perintah Allah dan menjauhi segala larangannya. Oleh itu, nilai jati diri keagamaan iaitu ketakwaan dapat ditonjolkan dalam sajak Zurinah Hassan ini.

Secara ringkasnya, sajak ini menceritakan mengenai seorang lelaki bukan beragama Islam yang menyentuh tentang Nabi Isa dan kerasulan. Lelaki yang diberi gelaran Mr.Brown ini yang pada mulanya agak musykil dengan kemunculan Siti

Maryam iaitu dalam agama Islam, Siti Maryam ini merupakan ibunda kepada Nabi Isa. Oleh itu, melalui sajak ini telah menunjukkan nilai jati diri keagamaan iaitu ketakwaan berdasarkan rangkap di bawah:

Sekitar tahun 70-an aku mengenali Mr.Brown
Yang kemudiannya kutahu tidak percaya Tuhan
Entah bagaimana suatu hari dalam perbualan
Kami menyentuh tentang Nabi Isa dan kerasulan
Katanya jangan percaya cerita yang tiada logika
Mustahil Siti Maryam hamil tanpa disentuh jejaka
Dia pun menjelaskan
Tentang kejadian manusia dan kelahiran
Melibatkan hubungan lelaki perempuan
Tidak mungkin dan tidak mungkin
Anak itu tiba-tiba terjadi sendiri
Di dalam rahim perempuan tanpa benih lelaki

(Perbualan dengan Mr.Brown,
Kumpulan Sajak Menunggu Pesawat,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2021;15)

Berdasarkan rangkap sajak di atas, telah menunjukkan terdapat nilai ketakwaan yang tergambar melalui bait-bait ayat di atas. Lelaki yang digelar Mr.Brown tersebut telah mempersoalkan tentang kejadian manusia serta kelahiran seorang manusia. Lelaki tersebut tidak percaya wujudnya Tuhan dan dalam perbualan tersebut telah menyentuh mengenai Nabi Isa dan kerasulannya. Bagi lelaki tersebut, tidak akan terjadinya manusia tanpa melibatkan hubungan di antara lelaki dan perempuan. Perkara ini juga tidak akan terjadi dengan sendirinya anak-anak itu tanpa adanya benih seorang lelaki dalam rahim perempuan.

Oleh hal yang demikian, nilai ketakwaan melalui rangkap sajak di atas menonjolkan watak ‘Aku’ memperjuangkan pendiriannya terhadap kewujudan manusia dan kelahiran melalui konteks dalam agama Islam dengan menyentuh peristiwa nabi Isa dan Siti Maryam kepada Mr. Brown. Nilai jati diri keagamaan iaitu ketakwaan itu telah dilihat apabila watak ‘Aku’ itu tetap mempertahankan agama islam itu sendiri. Nilai jati

diri keagamaan iaitu ketakwaan itu juga dapat dilihat apabila watak ‘Aku’ tetap berpegang teguh dengan pendiriannya. Perkara ini mempunyai kaitan rapat dengan aspek tauhid dan ia juga tidak dapat dibuktikan dengan kejadian sains. Hal ini demikian, watak ‘Aku’ menerangkan setiap kejadian manusia dan kelahiran secara istiqamah dan teguh pendirian walaupun Mr.Brown tetap mempersoalkan kejadian manusia. Disinilah nilai ketakwaan yang ditonjolkan daripada watak ‘Aku’ apabila Mr.Brown dapat mengubah pemikiran melalui penjelasan yang diberikan.

Selain itu, sajak lain yang memaparkan nilai keinsafan adalah bertajuk “Bencana”. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2008), keinsafan merupakan sebuah perasaan kesedaran. Kesedaran ini akan wujud setelah beberapa peristiwa terjadi. Perkara ini telah tergambar melalui rangkap sajak di bawah:

Dari jauh
Kita membaca berita
Hingga seseorang berkata
 Ini bencana
Balasan perlakuan durjana

Mereka yang terseksa
Kita yang selesa
Dalam terseksa mereka pulang
 Bersama insaf dan iman
 Dalam selesa
 Kita terus hanyut
Dalam bencana kealpaan

(Bencana,
Kumpulan Sajak Menunggu Pesawat,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2021;26)

Berdasarkan sajak di atas, telah menunjukkan nilai keinsafan yang cuba disampaikan oleh pemuisi. Secara dasarnya, sajak tersebut telah mengisahkan mengenai bencana yang dihadapi. Dari kejauhan hanya dapat mendengar tentang berita bencana yang telah berlaku. Ada kalanya bencana atau musibah yang berlaku tersebut dek kerana balasan daripada perlakuan yang keji. Selepas bencana berlaku, terselit sebuah

keinsafan dalam diri mereka yang telah menghadapi musibah tersebut. Nilai keinsafan ini haruslah ada dalam diri setiap individu agar sedar setiap perbuatan yang ingin dilakukan itu mendorong kepada perkara yang mungkar atau sebaliknya.

Oleh hal yang demikian, nilai keinsafan yang cuba dipaparkan melalui sajak di atas adalah jika telah diuji janganlah terus leka namun teruslah merenung kembali setiap kesalahan yang telah dibuat. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam Mohd Hasrul Shuhairi & Mohd Fauzi Hamat (2015), menyatakan bahawa orang baik adalah orang yang insaf sepenuhnya terhadap tanggungjawab dirinya kepada Tuhan yang hak.

4.2.5 Nilai kebijaksanaan

Nilai kebijaksanaan adalah salah satu nilai yang terkandung dalam sajak terpilih Zurinah Hassan. Menurut pandangan Norizam dan Radzi (2015), telah berpendapat bahawa kebijaksanaan ini adalah salah satu proses yang saling berhubungkait antara jiwa dan minda yang boleh menentukan di antara hal-hal yang benar dengan yang salah dalam pelbagai urusan tindakan dan perbuatan manusia. Manakala, menurut Irfan Islamy (1999), kebijaksanaan adalah berasal dari kata “Wisdom” iaitu tindakan yang memerlukan pertimbangan-pertimbangan yang lebih jauh dan mendalam.

Nilai kebijaksanaan ini dapat dilihat dalam sajak terpilih Zurinah Hassan iaitu dalam sajak bertajuk “Politik”. Kebijaksanaan yang terkandung dalam sajak ini adalah kebijaksanaan dalam membuat keputusan. Sajak ini telah memaparkan mengenai kisah politik yang telah menyeru agar warganegara Malaysia untuk keluar mengundi. Seperti yang kita ketahui, negara Malaysia adalah sebuah negara yang berdemokrasi. Warganegara Malaysia berhak dalam memilih kerajaan. Namun, rakyat Malaysia mestilah keluar untuk mengundi terlebih dahulu dan memilih calon mengikut calon

yang dipertandingkan. Contoh yang dapat dipaparkan nilai kebijaksanaan dalam membuat keputusan menerusi sajak ini adalah seperti di bawah:

Ketika itu negaranya dihembus angin pembaharuan
setiap waktu perkataan politik pun
menendang gendang telinga
bergema dari pembesar suara
masuk ke bukit-bukit
sawah dan rumah-rumah

Barangkali itulah makna politik
keluar mengundi untuk memilih
memilih wakil untuk membentuk kerajaan
seterusnya memilih kawan yang kekal sebagai kawan
dan memilih kawan yang terpaksa dijadikan lawan

(Politik,
Kumpulan Puisi Pujangga Tidak Bernama,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2016;66)

Berdasarkan sajak di atas, telah terkandung nilai kebijaksanaan iaitu kebijaksanaan dalam membuat keputusan. Setiap lima tahun sekali, negara Malaysia akan menjalankan hari mengundi untuk memilih kerajaan yang akan memerintah negara Malaysia. Sebelum hari pengundian berlangsung, jeritan-jeritan serta laungan-laungan mengenai politik akan kedengaran di corong telinga. Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, hendaklah keluar mengundi dan berfikir dengan bijak ketika membuat pengundian. Hal ini demikian kerana, sewaktu menanda calon dipertandingkan di atas kertas undi tersebut kita juga akan memilih pemimpin yang boleh memimpin negara dengan adil, amanah dan bertanggungjawab.

Oleh hal yang demikian, nilai kebijaksanaan dalam membuat keputusan ini dapat dipaparkan melalui sikap rakyat Malaysia yang bijak dalam membuat keputusan untuk memilih kerajaan. Ini adalah kerana, jika rakyat Malaysia salah dalam memilih kerajaan ini akan dapat merosakkan negara, secara tidak langsung dapat memberikan kesan yang buruk terhadap negara dan rakyat itu sendiri. Nilai bijaksana ini adalah

selari dengan definisi yang telah dikemukakan oleh Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), bijaksana ialah berakal budi, arif, pandai, berhati-hati dan cerdik.

Selain itu, nilai kebijaksanaan yang dapat diperolehi melalui sajak terpilih Zurinah Hassan adalah bertajuk semut. Sajak ini, penyajak telah cuba mengaitkan semut dengan manusia iaitu dengan menyindir perlakuan manusia dengan semut. Perkara ini dapat dilihat menerusi sajak Semut di bawah:

Aku melihat dan merasa hairan
Tanpa suara dan tanpa kata
Semut memanggil kawan-kawan
Bila tercium makanan
Memang telah kupelajari
Haiwan juga berkomunikasi

Sedang aku leka terdengar semut berkata
Janganlah lupa semut hanya haiwan
Sekadar tahu menyampai berita
Yang benar sahaja
Tidak secanggih manusia
Kerana manusia adalah makhluk Tuhan
Yang memiliki kepandaian
Untuk mereka-reka cerita
Sedikit manisan tertumpa di lantai
Seekor semut pun sampai
Beberapa detik lagi
Bertambah ramai menghampiri
Lama kelamaan
Beratur berderetan
Berduyun berbarisan

(Semut,
Kumpulan Sajak Menunggu Pesawat,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2021;81)

Berdasarkan sajak di atas, dapat digambarkan bahawa penyajak telah cuba untuk menyindir sikap manusia dengan haiwan iaitu semut. Melalui sajak di atas, dapat dilihat bahawa semut telah menggunakan kelebihan yang ada padanya untuk manfaatnya pada yang lain dan jika dibandingkan dengan manusia telah menggunakan akalnya untuk kepentingan diri sendiri. Seperti yang kita ketahui, dalam Al-Quran terdapat sebuah

surah yang dinamakan surah an-Naml yang bermaksud surah semut. Surah tersebut telah menceritakan mengenai kisah seekor semut yang telah menyelamatkan nyawa jajahannya daripada elak dipijak oleh bala tentera Nabi Sulaiman (a.s) dan ini telah terdapat pada ayat ke-18 dan ke-19. Terjemahan daripada ayat tersebut telah mengatakan “(Maralah angkatan itu) hingga apabila mereka sampai ke Waadin Naml iaitu (Lembah Sembut), dan berkatalah seekor semut tersebut: “Wahai sekalian semut, masuklah ke sarang kamu masing-masing, jangan Sulaiman dan tenteranya memijak serta membinaaskan kamu, sedang mereka tidak menyedari. Maka dia (Sulaiman) tersenyum lalu tertawa kerana mendengar perkataan semut itu. Kisah nabi Sulaiman dan semut ini merupakan sebuah kisah yang terkenal dan amatlah dikenali dalam kalangan umat Islam. Bait-bait sajak di atas telah cuba untuk mengatakan bahawa walaupun semut itu merupakan seekor haiwan namun semut juga boleh berkata-kata dan daripada kata-kata semut tersebut juga boleh difahami oleh manusia.

Oleh hal yang demikian, nilai kebijaksanaan yang dapat dilihat adalah melalui kebijaksanaan seekor semut itu jika dibandingkan dengan manusia yang mempunyai akal tidak menggunakan kebijaksanaan itu dengan perkara yang baik. Kebijaksanaan itu juga dapat ditonjol apabila penyajak dapat membandingkan kelebihan seekor semut dengan manusia. Allah S.W.T telah menciptakan binatang untuk kebijaksanaannya sendiri dan telah menggunakan kebijaksanaan tersebut dengan baik. Namun berbeza dengan manusia yang diciptakan oleh Allah S.W.T dan telah salah tidak menggunakan akalnya dengan sebaiknya. Hakikat sebenar perlakuan manusia ini lebih buruk dibandingkan dengan semut. Semut berdasarkan sajak itu walaupun seekor haiwan namun tetap mempunyai akhlak yang baik serta mulia kerana tetap berkata benar. Manakala, manusia pula jika dipandang memiliki darjah yang tinggi tetapi seringkali

bersikap tidak benar dan sering berpelakuan mengadu domba. Oleh itu jelaslah nilai kebijaksanaan yang terpapar dalam sajak Zurinah Hassan ini.

4.3 Nilai-nilai yang terkandung dalam sajak terpilih Zurinah Hassan berdasarkan Pendekatan Moral dalam Teori Pengkaedahan Melayu.

Menurut Djojosuroto dan Pangkerego (2000), pendekatan moral bertolak dari anggapan asas bahawa salah satu matlamat kehadiran kesusasteraan di tengah tengah masyarakat pembaca adalah untuk berusaha meningkatkan martabat dan nilai manusia sebagai makhluk yang berbudaya, berfikir dan kepercayaan kepada Tuhan. Manakala, konsep lain pendekatan moral menurut Nurgiyantoro (2007), adalah sesuatu yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada pembaca, adalah maksud yang dicadangkan melalui cerita. Kadangkala, moral dapat dikenalpasti dengan maksud tema, walaupun tidak selalu membawa kepada tujuan yang sama. Moral dan tema kedua-duanya adalah sesuatu yang terkandung, dan boleh ditafsir, diambil daripada cerita, dan boleh dilihat mempunyai persamaan, namun temanya lebih kompleks daripada moral selain tidak mempunyai nilai langsung sebagai saranan yang ditunjukkan kepada pembaca, moral seperti itu, boleh dilihat sebagai salah satu bentuk tema dalam bentuk yang sederhana, tetapi tidak semua tema bermoral Kenny (Nurgiyantoro, 2007).

Oleh hal yang demikian, moral ini dapat dirumuskan dalam sesebuah komuniti, sosial atau budaya dalam menentukan kebaikan dan keburukan. Melalui penelitian, pendekatan moral ini terdapat empat konsep dan prinsip utama dalam kritikan pendekatan moral. Namun, pengkaji hanya memfokuskan kepada satu prinsip sahaja dalam kajian ini, iaitu prinsip yang ketiga. Prinsip yang ketiga adalah prinsip mementingkan unsur didaktik. Didaktik ini adalah merujuk kepada karya sastera yang mengandungi unsur-unsur pengajaran dan boleh menjadi panduan kepada para pembaca.

Berdasarkan prinsip ini juga, sastera mempunyai tanggungjawab etika, iaitu sebagai alat untuk memperbaiki moral masyarakat.

4.3.1 Prinsip mementingkan unsur didaktik

Prinsip mementingkan unsur didaktik merupakan prinsip ketiga yang terdapat dalam Pendekatan Moral. Prinsip ini merupakan prinsip yang mementingkan pengajaran dan doktrin yang boleh mengajar para pembaca berfikir mengikut landasan yang betul. Prinsip ini juga mengandungi unsur-unsur pengajaran yang boleh dijadikan pengajaran kepada para pembaca. Oleh hal yang demikian, prinsip unsur didaktik ini pengkaji berfokuskan kepada aspek nilai dan pengajaran yang terkandung dalam puisi. Ini adalah kerana nilai dan pengajaran yang terdapat dalam puisi adalah berkait dengan unsur didaktik sebagaimana telah menepati ciri-ciri prinsip dalam Pendekatan Moral. Perkara ini boleh dilihat dalam sajak terpilih Zurinah Hassan yang mengandungi beberapa nilai di dalamnya. Antara nilai terkandung melalui prinsip ini dapat ditunjukkan melalui nilai kasih sayang, nilai bertanggungjawab, nilai patriotik, nilai ketaqwaan dan nilai keinsafan, serta nilai kebijaksanaan. Nilai-nilai yang dipaparkan melalui sajak terpilih Zurinah Hassan ini jelas mementingkan unsur didaktik.

4.3.2 Nilai patriotik

Menurut Reykowski (1997: 108) patriotisme dapat dikatakan sebagai satu pembawaan psikologi di bawah satu perasaan yang terperinci, seperti sikap dan pelbagai bentuk perlakuan yang berfokuskan kepada sesebuah negara iaitu satu konsep yang merujuk kepada sesetengah fenomena psikologi yang tetap seperti pelekatan sekumpulan manusia dalam sesebuah negara yang mereka diamti serta tergambar melalui kepercayaan dan emosi. Selain itu, patriotisme ini juga menurut seorang tokoh daripada barat iaitu Stephen Nathanson (1993), dikatakan bahawa *special affection for*

one's own country a sense of personal identification with the country, special concern for the well-being of the country and willingness to sacrifice to promote the country's good, bermaksud patriotisme ini telah melibatkan sebuah perasan kasih sayang sangat istimewa terhadap negaranya sendiri. Perkara ini juga telah melibatkan pengenalan terhadap diri seseorang itu dengan negaranya sendiri, mengambil berat serta perhatian terhadap kesejahteraan negaranya dan sanggup berkorban apa sahaja demi membangkitkan nama negaranya sendiri. Maka, dapatlah dikatakan bahawa patriotisme ini adalah sebuah perasaan sayang yang amat mendalam terhadap negaranya sendiri serta sanggup berkorban demi menjaga nama baik negaranya sendiri. Nilai patriotisme yang menonjol dalam sajak ini amatlah jelas menunjukkan mementingkan unsur didaktik kerana terdapat pengajaran dalam bait-baitnya. Unsur didaktik melalui pengajaran yang terdapat dalam sajak ini akan mampu mendidik masyarakat kini. Selain itu, prinsip mementingkan unsur didaktik ini jelas ditunjukkan melalui sajak Zurinah Hassan yang bertajuk "Korban Hang Tuah". Contoh yang dapat dilihat adalah seperti di bawah:

Lalu aku pilih untuk mengorbankan
sahabat kesayanganku sendiri
walaupun kelak aku dituduh sebagai pengampu
atau dikutuk kerana kesetiaan yang melulu

Biarkanlah
ku harap di suatu waktu nanti
bila bangsaku berpecah belah
mereka akan menyedari
bahawa Si Tuah bukan menentang Jebat
tetapi menentang penderhakaan dan perebutan kuasa
yang kupertahankan bukan raja
tetapi kerajaannya
tanpa kerajaan tidak akan wujud sebuah negara
tanpa negara apalah erti suatu bangsa

(Korban Hang Tuah,
Kumpulan Puisi Pujangga Tidak Bernama,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2016;46)

Berdasarkan sajak di atas, prinsip mementingkan unsur didaktik ini dapat dihuraikan melalui sajak ini yang terkandung nilai patriotik dalamnya. Sajak “Korban Hang Tuah” hasil karya Zurinah Hassan ini telah menggambarkan bahawa Hang Tuah telah mengalami perasaan serba salah yang sangat dalam untuk membuat keputusan sama ada memilih diantara kesetiaan kepada raja dan kesetiaan kepada Hang Jebat. Namun, pada akhirnya Hang Tuah terpaksa membuat pilihan dengan mengorbankan sahabat kesayangannya. Pemuisi ini telah memaparkan bahawa Hang Tuah ini bukan sahaja membunuh Hang Jebat tetapi ia juga telah menentang penderhakaan dan perebutan kuasa tersebut. Pada akhirnya, Hang Tuah dan Hang Jebat telah bergaduh dan bermulanya persengketaan diantara kedua-dua mereka. Hang Tuah terpaksa mengorbankan rakan baiknya iaitu Hang Jebat dengan membunuh Hang Jebat, ini kerana bagi Hang Tuah kerajaan adalah lebih penting dan kerajaan lebih utama jika dibandingkan perkara lain.

Secara dasarnya, sajak “Korban Hang Tuah” telah menunjukkan nilai patriotik dan jelas terpapar melalui sajak ini juga prinsip mementingkan unsur didaktik diterapkan seperti terkandung dalam empat prinsip dalam Pendekatan Moral. Unsur didaktik yang disampaikan amatlah jelas kelihatan apabila para pembaca menghayati puisi itu. Pengajaran yang boleh diperolehi menerusi sajak di atas adalah, seorang rakyat haruslah mempunyai sifat taat setia kepada Raja walau apa jua keadaan yang menimpa. Hal ini kerana telah menunjukkan tanda hormat seseorang hamba atau rakyat terhadap Sultan.

Selain itu, contoh sajak lain yang menunjukkan mementingkan unsur didaktik adalah bertajuk “Kemerdekaan”. Sajak ini terkandung nilai patriotik dalam isinya yang sememangnya jelas dipaparkan kepada para pembaca. Contoh yang dapat dilihat melalui rangkap di bawah:

Dol Said, Maharaja Lela, Pandak Endut
Datuk Sagor, Ngah Jabur, Bahaman,
Tuk Gajah, Mat Kilau, Tuk Janggut, Tunku Kudin,
dan ratusan patriot tak bernama
bermandi darah bergadai nyawa
untuk membayar harga yang termahal
harga kemerdekaan negara

(Kemerdekaan,
Kumpulan Puisi Pujangga Tidak Bernama,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2016;61)

Melalui sajak di atas, dapat digambarkan bahawa prinsip mementingkan unsur didaktik jelas terpapar. Isi yang disampaikan berdasarkan sajak di atas terkandung nilai patriotik di dalamnya. Berdasarkan sajak tersebut, isi yang cuba dijelaskan adalah mengenai pengorbanan dalam mencapai sebuah kemerdekaan. Para pejuang yang sanggup bergadai nyawa serta berkorban demi membebaskan negara daripada dibelenggu penjajah. Pengorbanan yang mereka lakukan demi negara yang tercinta merupakan sebuah pengorbanan termahal dan tidak boleh dijual beli. Ini adalah kerana, mereka sanggup berjuang bermandi darah, berkorban apa sahaja waima berkorban nyawa sekalipun mereka tetap berjuang demi negara. Oleh itu, jelaslah antara prinsip yang terkandung di dalam pendekatan moral, prinsip ketiga yang dimaksudkan adalah prinsip mementingkan unsur didaktik. Isi yang dijelaskan amatlah jelas dan dominan apabila diteliti dan dibaca oleh para pembaca. Nilai patriotik yang terkandung juga dapat dilihat melalui isi yang disampaikan

Prinsip mementingkan unsur didaktik ini dapat dilihat melalui sajak di atas berdasarkan pengajaran yang terkandung dalam bait-bait sajak tersebut. Pengajaran yang diperolehi menerusi sajak di atas adalah setiap rakyat hendaklah mengenang kembali di saat Malaysia ingin bebas daripada penjajah dan hargai setiap pengorbanan para pejuang yang telah melalui pelbagai rintangan dan dugaan sehingga bergadai nyawa demi membebaskan Negara yang tercinta.

Seterusnya, sajak lain yang memaparkan mementingkan unsur didaktik adalah bertajuk Dilema Seorang Melayu. Isi yang diterapkan dalam sajak ini juga mengandungi nilai patriotik. Contoh yang dapat dilihat melalui sajak di bawah:

Terkejut Hang Tuah mendengar berita penderhakaan
gémentar tubuhnya menyambut titah sultan
Sambil tunduk memikirkan
Hingga air matanya mengalir
Tidak tertahan-tahan
Dadanya bagai akan pecah
Dihempas gelombang serba salah.

Alangkah sukarnya membuat pilihan
untuk setia kepada raja yang zalim,
dan menzalimi kawan yang setia.

(Dilema Seorang Melayu,
Kumpulan Puisi Pujangga Tidak Bernama,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2016;3)

Berdasarkan sajak di atas, dapat dikatakan bahawa, isi yang disampaikan adalah mengenai Kisah Hang Tuah dan Hang Jebat terdapat konflik berlaku di antara mereka. Konflik ini telah berlaku kerana Hang Tuah terpaksa membunuh rakan baiknya sendiri iaitu Hang Jebat. Keputusan untuk membunuh Hang Jebat merupakan satu keputusan yang amat berat untuk Hang Tuah membuat tindakan. Perkara ini telah berlaku kerana, Hang Tuah amat menyanjung rajanya sendiri. Hang Tuah amat setia terhadap raja dan sanggup melakukan amat sahaja demi raja. Oleh hal yang demikian, isi yang ditonjolkan melalui sajak ini amatlah jelas terpapar semangat patriostime. Nilai patriotik yang teguh dalam diri Hang Tuah menyebabkan munculnya semangat patriotisme ini. Jelaslah, tema patriotik diperkuuh dengan persoalan kesetiaan menampilkan kekuatan isi sebagai teras puisi ini untuk sampai ke jiwa pembaca dan secara tidak langsung para pembaca dapat melihat pengajaran yang terdapat melalui sajak tersebut. Ini selari dengan prinsip ketiga dalam pendekatan moral iaitu mementingkan unsur didaktik kerana motif kepengarangan puisi ini lebih menonjolkan isi yang ampuh kepada

pembaca agar pembaca dapat pengajaran melalui bait-bait sajak tersebut. Jika diteliti dan dibaca dengan penuh penghayatan, pembaca akan dapat melihat pengajaran tersebut dalam sajak itu. Pengajaran yang boleh diperolehi terhadap sajak ini adalah sebagai rakyat hendaklah mentaati perintah raja, kerana raja dianggap sebagai lambang kedaulatan.

4.3.3 Nilai Ketakwaan dan Nilai Keinsafan

Takwa dapat didefinisikan sebagai sebuah sifat yang mutlak dan ia adalah perkara yang penting perlu ada dalam jiwa seseorang muslim. Ini kerana, melalui ketakwaan, seorang muslim itu akan sentiasa dapat melindungi dirinya dan orang lain daripada segala perkara yang dapat merosakkan dan membinasakan. Dalam Al-Quran juga telah menyebut mengenai takwa antaranya pada surah Al-Imran ayat 102. Maksud daripada surah ini adalah berbunyi seperti berikut:

“Hai orang-orang beriman bertakwalah kepada Allah sebenar-benar takwa kepadaNya, dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan beragama Islam”

(surah Al-Imran, ayat 102)

Nilai Jati diri iaitu ketakwaan ini dapat ditunjukkan lagi dalam sajak terpilih Zurinah Hassan bertajuk “Perbualan dengan Mr.Brown”. Secara dasarnya, sajak ini telah menceritakan mengenai seorang lelaki yang bukan beragama Islam telah menyentuh mengenai Nabi Isa dan kerasulan. Mr Brown ini agak musykil dengan kemunculan Siti Maryam yang telah hamil tanpa disentuh lelaki. Ini dapat dilihat menerusi sajak di bawah:

Sekitar tahun 70-an aku mengenali Mr.Brown
Yang kemudiannya kutahu tidak percaya Tuhan
Entah bagaimana suatu hari dalam perbualan
Kami menyentuh tentang Nabi Isa dan kerasulan

Katanya jangan percaya cerita yang tiada logika
Mustahil Siti Maryam hamil tanpa disentuh jejaka
Dia pun menjelaskan
Tentang kejadian manusia dan kelahiran
Melibatkan hubungan lelaki perempuan
Tidak mungkin dan tidak mungkin
Anak itu tiba-tiba terjadi sendiri
Di dalam rahim perempuan tanpa benih lelaki

(Perbualan dengan Mr.Brown,
Kumpulan Sajak Menunggu Pesawat,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2021;15)

Berdasarkan sajak di atas, dapat ditunjukkan bahawa Mr. Brown ini telah mempersoalkan mengenai wujudnya kejadian manusia serta kelahiran seorang manusia. Mr. Brown telah menganggap bahawa tidak akan terjadinya seorang manusia tanpa adanya melibatkan sebuah hubungan di antara lelaki dan perempuan. Perkara ini tidak akan pernah terjadi tanpa adanya benih lelaki dalam rahim perempuan.

Oleh hal yang demikian, nilai keagamaan iaitu ketakwaan melalui rangkap sajak di atas menonjolkan watak ‘Aku’ tetap memperjuangkan pendiriannya yang teguh dengan mengatakan tentang kewujudan manusia dan kelahiran melalui aspek dalam agama Islam dengan menyentuh tentang peristiwa nabi Isa dan Siti Maryam kepada Mr. Brown. Oleh itu, isi yang cuba disampaikan di sini amatlah berkait rapat dengan nilai keagamaan iaitu ketakwaan dalam diri seseorang individu. Unsur didaktik memberikan pengajaran yang boleh diperolehi menerusi sajak ini adalah kita sebagai umat Islam hendaklah berpegang teguh terhadap pendirian kita sendiri dalam menyebarkan agama Islam ini dan juga telah mampu mendidik masyarakat kini. Jelaslah, melalui prinsip ketiga mementingkan unsur didaktik dapat ditonjolkan melalui sajak ini.

Selain itu, contoh sajak lain yang menunjukkan mementingkan unsur didaktik adalah bertajuk “Bencana”. Sajak ini terkandung nilai keinsafan dan dalam isinya yang

sememangnya jelas dipaparkan kepada para pembaca dapat menunjukkan keinsafan kepada para pembaca. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2008), konsep keinsafan ini dapat diberikan makna bahawa sebuah perasaan atau rasa insaf iaitu kesedaran dalam diri seseorang. Keinsafan ini akan muncul apabila sesebuah peristiwa itu telah menimbulkan perasaan kesedaran yang amat kuat dalam dirinya serta jiwanya seseorang insan ini. Contoh yang dapat dilihat nilai keagamaan iaitu keinsafan ini melalui rangkap di bawah:

Dari jauh
Kita membaca berita
Hingga seseorang berkata
 Ini bencana
Balasan perlakuan durjana

Mereka yang terseksa
 Kita yang selesa
Dalam terseksa mereka pulang
 Bersama insaf dan iman
 Dalam selesa
 Kita terus hanyut
Dalam bencana kealpaan

(Bencana,
Kumpulan Sajak Menunggu Pesawat,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2021;26)

Menerusi sajak di atas, telah menunjukkan nilai keagamaan iaitu keinsafan yang cuba disampaikan oleh pemuisi. Secara ringkasnya, sajak di atas telah menghuraikan mengenai sebuah bencana yang telah dihadapi. Bencana yang telah dihadapi ini adalah akibat daripada perbuatan keji sesetengah manusia yang hidup di muka bumi ini. Oleh kerana perbuatan keji tersebut, bencana atau bala yang telah datang akan terkena kepada semua manusia. Isi yang cuba disampaikan oleh pemuisi adalah berkait rapat dengan sebuah keinsafan. Hal ini dikatakan demikian kerana, apabila selepas berlakunya atau melanda sesebuah bencana, setiap manusia akan merenung kembali mengapakah perkara ini terjadi adakah disebabkan perbuatan dirinya sendiri atau ini adalah akibat

angkara manusia lain. Oleh itu, setelah direnung akan terselit sebuah keinsafan yang hadir dalam diri mereka setelah menghadapi musibah itu.

Oleh hal yang demikian, nilai keagamaan iaitu keinsafan yang dipaparkan melalui sajak di atas begitu menonjol mendasari keseluruhan puisi. Kekuatan isi ini selari dengan prinsip ketiga dalam pendekatan moral iaitu mementingkan unsur didaktik. Setiap bait-bait ayat yang disampaikan oleh pemuisi mempunyai makna yang tersurat dan tersirat jika diteliti oleh para pembaca puisi ini. Unsur didaktik memberikan pengajaran yang cuba disampaikan melalui sajak ini adalah mengenai keinsafan dan dapat mendidik masyarakat kini. Sebagai seorang manusia, haruslah mempunyai sifat insaf agar dengan adanya keinsafan ini dapat menghindari diri seseorang itu agar tidak terus leka dan lalai dalam melakukan perkara mungkar serta perkara tidak baik. Jelaslah bahawa menerusi sajak di atas terdapat prinsip tersebut dan isi yang disampaikan membawa kepada pengajaran jika pembaca menghayati bait-bait sajak itu dan amat jelas serta mudah difahami.

4.3.4 Nilai Kasih Sayang

Kasih sayang merupakan salah satu sifat mulia yang disuntikkan Allah kepada manusia. Perkara ini dapat ditunjukkan lagi dalam agama Islam kerana Allah telah menjadikan kasih sayang ini salah satu bahagian daripada penciptaan bumi dan segala isinya. Ini dapat ditunjukkan lagi melalui hadis Nabi SAW;

“Dari Abi Hurairah, ia berkata: saya mendengar Rasulullah saw. berkata: Allah menciptakan rasa kasih sayang itu menjadi seratus bagian. Sembilan puluh sembilan daripadanya disimpan di sisi-Nya, sedangkan satu bagian diturunkan ke bumi. Dengan kasih sayang yang satu bagian itulah para makhluk saling berkasih sayang, sehingga sehingga kuda pun mengangkat kakinya karena takut anaknya terinjak” (H.R.Muslim).

Namun demikian, dapat dikatakan bahawa baik dalam Al-Quran maupun dalam hadis, kasih sayang merupakan salah satu bahagian terpenting daripada diturunkannya Islam ke dunia ini, serta ia juga pasti disebabkan oleh kasih sayang juga risalah Islam sampai kepada kita. Unsur didaktik yang memberikan pengajaran kepada para pembaca jelas terpapar dalam sajak terpilih Zurinah Hassan bertajuk “Kuali Hitam”.

Seorang ibu yang menyayangi sebiji kuali
wring memeluk kami
pernahkah kami perhatikan
matanya yang ditikam serbuk arang
kulitnya yang dikoyak percikan minyak
lengannya yang diserap abu hitam
dahinya yang disengat pucuk api
kami hanya tahu lena kekenyangan
ketika tidur ibu diketuk-ketuk
oleh lelah dan batuk
setelah asap dan abu menggaru-garu
di paru-paru

Kami tidak pernah menyedari
dan ibu pun tidak peduli
dia hanya tahu merasa bahagia
melihat kami keriangan
menunggu sesuatu akan terhidang
dan tidak ada yang lebih membahagiakan
dari melihat kami kekenyangan

. . . Dan sesudah itu
dengan cara yang dia tahu
mengemas dan merapikan dapurku
dan seperti yang biasa dibuat
pada kualinya di kampung
dia menyentul kualiku yang mahal
dengan berus yang kesal
dan spontan aku menjerit
"Ibu merosakkan kuali saga
tahukah ibu berapa harganya?"

Ibu terdiam
barangkali hatinya terguris
barangkali dia hampir menangis
melihat wajahku yang bengis

(Kuali Hitam, Mutiara Sastera Melayu Moden,
Peny:Majlis Peperiksaan Malaysia, 2010: 306)

Berdasarkan sajak bertajuk “Kuali Hitam” di atas, telah menggambarkan bahawa terdapat nilai kasih sayang seorang ibu terhadap anak-anaknya. Kuali yang digambarkan melalui sajak tersebut merupakan lambang kasih sayang seorang ibu terhadap anak-anaknya. Seorang ibu yang menggunakan sebuah kuali hitam untuk menyediakan masakan untuk anak-anak dan juga telah menjadikan kuali tersebut sebagai penghibur ketika anak-anak menunggu hidangan yang dimasak oleh ibunya. Dalam sibuk menyiapkan hidangan untuk anak-anaknya, seorang ibu tersebut tidak menghiraukan akan kulitnya yang terkena percikan minyak, lengannya diserap abu hitam dan ibu tersebut hanya mengetahui perut anak-anaknya kenyang. Hubungan ibu dan kuali hitamnya itu melambangkan kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya. Kasih sayang ibu terhadap anak-anaknya digambarkan apabila mereka kenyang menikmati hidangan yang telah dimasak olehnya. Anak-anak tidak mengerti apa yang dirasai oleh ibu ini kerana makna sebuah kebahagiaan bagi ibu tersebut adalah dengan melihat anak-anak cukup makan serta dapat menikmati masakannya.

Nilai kasih sayang yang digarap melalui sajak ini mampu mendidik masyarakat melalui unsur didaktik atau pengajaran yang terdapat di dalamnya. Nilai kasih sayang mendidik anak-anak tentang betapa berharganya pengorbanan ibu dalam mengharungi kesusahan demi menyediakan makan minum yang cukup pada anak tercinta. Nilai kasih sayang ini juga secara didaktik menyeru anak-anak agar menghargai jasa dan bakti ibu dan bapa selagi mereka hidup agar tidak menyesal setelah kehilangan mereka. Nilai kasih sayang yang menonjol dalam sajak Kuali Hitam ini menepati prinsip ketiga pendekatan moral iaitu mementingkan unsur didaktik dalam karya. Oleh itu, secara tuntasnya nilai kasih sayang ini sangat bertepatan dengan prinsip pendekatan moral yang kaya dengan unsur didaktik sebagai intipati kepada penghasilan sesuatu karya.

Seterusnya, sajak lain yang menunjukkan unsur didaktik atau pengajaran di dalamnya adalah bertajuk “Belajar Dari Itik”. Sajak ini terkandung nilai kasih sayang dalam isinya sememangnya jelas menunjukkan unsur didaktik dan pengajaran yang dipaparkan kepada para pembaca. Contoh yang dapat dilihat melalui rangkap di bawah adalah:

Seorang ibu muda
Memimpin tangan anaknya
Di tepi tasik
Di sebuah taman cantik

Memegang tangan jangan terlepas
Si kecil yang cergas mahu berlari bebas
Takut tergelincir ke air
Takut tenggelam di kolam
Ini kerja sukar dia mesti bersabar
Sehingga anak membesar

(Belajar dari Itik,
Kumpulan Sajak Menunggu Pesawat,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2021;16)

Berdasarkan sajak di atas, pemuisi telah menggambarkan bahawa tugas serta tanggungjawab bergelar seorang ibu itu adalah amat mencabar. Sebagai seorang ibu yang mengandungkan anaknya selama 9 bulan di dalam perutnya, pasti akan secara tidak langsung akan lahirnya dengan sendiri sifat kasih sayang daripada dalam jiwa. Sifat kasih sayang yang amat besar dalam jiwa seorang ibu terhadap anaknya maka ibu itu akan sanggup menempuh segala dugaan serta cabaran dalam kehidupannya demi membesarkan anaknya. Setiap ibu pasti akan menginginkan kehidupan anak-anaknya sempurna dan sentiasa hidup dalam keadaan bahagia biarpun beliau perlu melalui pelbagai onak dan duri. Sajak di atas juga telah menggambarkan mengenai seorang ibu amat takut jika anaknya itu akan hidup dalam kesusahan.

Oleh itu, nilai kasih sayang yang ditonjolkan dalam sajak ini telah mampu mendidik masyarakat melalui unsur didaktik atau pengajaran yang terkandung di dalamnya. Nilai kasih sayang yang dapat ditunjukkan dalam sajak ini adalah berkait

rapat dengan kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya. Unsur didaktik atau pengajaran yang terdapat di dalam sajak ini hendaklah membimbing anak sejak dari usia kecil lagi seperti dalam peribahasa “melentur buluh biarlah daripada rebungnya”. Nilai kasih sayang ini secara didaktik telah memperjelaskan bahawa setiap ibu atau bapa itu perlulah mengajar mengenai perkara yang baik dan perkara yang tidak baik. Bimbingan tersebut juga boleh merangkumi seperti aspek agama, pendidikan, pengurusan diri dan sebagainya. Ini akan dapat mengelakkan anak-anak itu daripada terjebak dengan perkara yang tidak sepatutnya mereka lakukan. Oleh itu, nilai kasih sayang yang menonjol dalam sajak Belajar Dari Itik ini telah menepati prinsip ketiga dalam pendekatan moral iaitu mementingkan unsur didaktik dalam karya.

Seterusnya, sajak lain yang telah memaparkan unsur didaktik atau pengajaran di dalamnya adalah bertajuk “Suatu Malam Seorang Tetamu Datang”. Sajak ini juga mempunyai nilai kasih sayang melalui isinya. Isi yang terkandung dalam sajak ini jelas mempunyai unsur didaktik atau pengajaran dapat dipaparkan kepada pembaca. Contoh dapat dilihat adalah melalui rangkap di bawah:

Hanya pada abang tengah yang penyayang
Tempat kami bertenang
Dia memujuk agar bersabar menghadap hidup sukar
Katanya kebun luas terhampar milik kami yang sebenar
Dia akan terus berjuang untuk merebut kembali
Kami mesti bersabar dan bersatu hati
Jangan sekali-kali lari meninggalkan tanah sekeping ini

(Suatu Malam Seorang Tetamu Datang,
Kumpulan Sajak Menunggu Pesawat,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2021;3)

Melalui petikan sajak di atas dapat ditunjukkan sebuah nilai kasih sayang dalam hubungan adik-beradik. Secara ringkasnya, sajak di atas adalah abangnya sahaja tempat bergantung harap dan abang juga merupakan tulang belakang dalam adik-beradik bagi menggantikan tempat ibu dan ayah. Kasih sayang abang terhadap adik beradiknya

sangat kuat kerana sanggup berjuang demi keluarganya sendiri biarpun pelbagai dugaan yang harus dilalui olehnya demi mempertahankan haknya.

Nilai kasih sayang yang tergambar menerusi sajak ini mampu mendidik masyarakat melalui unsur didaktik atau pengajaran yang terdapat di dalamnya. Nilai kasih sayang seorang abang terhadap adik beradiknya yang sanggup berkorban serta sentiasa menasihati adik beradiknya agar sentiasa bersabar dalam menempuh dugaan dalam kehidupan. Nilai kasih sayang ini secara didaktik telah menyeru agar saling kasih mengasihi dalam adik beradik, kerana jika ibu dan ayah telah pergi di dunia ini, adik beradik sahajalah tempat untuk bersandar dalam menggantikan ibu dan ayah. Maka, nilai kasih sayang ini telah menepati prinsip ketiga dalam pendekatan moral iaitu prinsip mementingkan unsur didaktik dalam karya.

4.3.5 Nilai bertanggungjawab

Menurut Burhanudin (2000), tanggungjawab merupakan kesanggupan dalam menetapkan sikap terhadap suatu perbuatan yang dibawa dan kesanggupan untuk memikul sesebuah risiko dari sesuatu perbuatan yang dilakukan. Manakala, menurut Schiller & Bryan (2002) telah menyatakan bahawa tanggungjawab ini merupakan sebuah perilaku yang dapat menentukan bagaimana reaksi terhadap situasi setiap hari akan melalui beberapa jenis keputusan bersifat moral. Oleh itu, bertanggungjawab ini merupakan sebuah sifat kesanggupan yang lahir dalam diri seseorang bertujuan untuk memikul serta melaksanakan sesebuah tugas serta kewajipannya dengan keadaan yang sempurna dan terbaik.

Nilai bertanggungjawab yang terdapat dalam puisi ini telah terkandung mempunyai prinsip ketiga dalam pendekatan moral iaitu mementingkan unsur didaktik atau pengajaran yang dapat diambil oleh pembaca. Tajuk sajak ini adalah Lurah Bilut.

Sajak ini telah mengisahkan mengenai ruang lingkup kekeluargan berkisarkan tentang harta pusaka dalam keluarga. Nilai tanggungjawab yang dapat menunjukkan mementingkan unsur didaktik atau pengajaran ini dapat dilihat berdasarkan sajak di bawah:

Dia mendaki suram banjaran
Bersama isteri setia yang rela membiarkan
Kulit gebu menggerutu

Dia membawa anak-anak kecil permata hati
Siang bermain duri
Malam didodoi segala nyanyi ngeri

(Lurah Bilut,
Kumpulan Sajak Menunggu Pesawat,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2021;4)

Berdasarkan sajak di atas, nilai bertanggungjawab yang terdapat dalam sajak ini adalah mengenai sikap tanggungjawab seorang lelaki terhadap keluarganya untuk memenuhi segala tuntutan keluarga. Nilai bertanggungjawab yang dipaparkan menerusi sajak ini juga adalah dapat dilihat melalui sikap lelaki tersebut yang sanggup mengharungi cabaran dan dugaan dalam kehidupannya demi membahagiakan keluarganya. Sikap bertanggungjawab dapat ditunjukkan lagi apabila sanggup berjuang dalam mencari rezeki dengan membawa anaknya bersama walaupun usianya masih kecil.

Oleh itu, nilai bertanggungjawab menerusi sajak ini dapat digarap dan akan mampu mendidik masyarakat melalui unsur didaktik atau pengajaran di dalamnya. Nilai bertanggungjawab ini amatlah wajar ada dalam diri setiap individu kerana ini akan dapat membentuk jati diri yang mulia. Nilai bertanggungjawab ini juga secara didaktik menyeru bahawa setiap anak hendaklah mempunyai sifat tanggungjawab yang tinggi terhadap keluarganya ini kerana ibu dan ayah telah berjasa kepada anak-anak dalam membesarkan mereka. Nilai bertanggungjawab yang ditonjolkan dalam sajak Lurah

Bilut ini telah memenuhi prinsip ketiga dalam pendekatan moral iaitu mementingkan unsur didaktik. Secara tuntasnya, nilai bertanggungjawab ini sangat bertepatan dengan prinsip pendekatan moral yang kaya dengan unsur didaktik sebagai intipati dalam terhasilnya sesebuah karya.

Selain itu, sajak lain yang terkandung mementingkan unsur didaktik adalah sajak yang bertajuk “Penumpang Terakhir”. Sajak ini telah terkandung nilai bertanggungjawab melalui isinya. Isi yang terdapat dalam sajak tersebut telah memaparkan nilai bertanggungjawab seorang ayah yang dapat memberikan pengajaran dan menunjukkan unsur didaktik. Ini tergambar sebagaimana dalam petikan sajak di bawah:

Nasir yang terkorban dalam usia lima puluh satu
Seorang pemandu bas ekspress Kuala Lumpur ke Kota Bharu
Berpuhluh tahun tekun dan peka pada had laju
Setiap bulan menunggu untuk menggenggam upahan
Yang ditaksir mengikut jumlah perjalanan
Tetapi semakin lama dirasakan
Genggaman semakin menipis
Genggaman cepat tiris
Pulang ke rumah mencongak-congak
Bil elektrik melonjak
Lampin bayi, bas sekolah anak-anak
Ibu tua mengerang kesakitan
Sejak ubat percuma diberhentikan kerajaan
Mahalnya sayur dan ikan

(Penumpang Terakhir,
Kumpulan Sajak Menunggu Pesawat,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2021;19)

Berdasarkan rangkap sajak di atas, seorang lelaki bernama Nasir berusia lima puluh satu tahun yang merupakan seorang ayah dalam sebuah keluarga telah terkorban akibat kemalangan. Lelaki yang digelarkan Nasir dalam sajak di atas telah bekerja sebagai pemandu bas ekspress dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu. Nasir telah mengalami kemalangan dan terkorban akibat daripada hilang fokus ketika memandu bas tersebut. Nilai bertanggungjawab yang dapat dilihat menerusi sajak di atas adalah

melalui sikapnya yang gigih dalam melunaskan tanggungjawabnya sebagai seorang ketua keluarga, dan juga bapa kepada anaknya.

Oleh hal yang demikian, nilai tanggungjawab menerusi sajak ini dapat digarap dan akan mampu mendidik masyarakat melalui unsur didaktik. Hal ini adalah demikian kerana, nilai bertanggungjawab ini secara didaktik telah dapat dilihat dalam diri Nasir adalah kerana sifatnya yang tidak melepaskan tanggungjawabnya dalam menjalankan tugas walaupun bebanan yang ditanggung amatlah berat. Oleh itu, nilai bertanggungjawab dalam sajak ini telah memenuhi prinsip ketiga dalam pendekatan moral iaitu mementingkan unsur didaktik. Secara tuntasnya, nilai bertanggungjawab ini sangat bertepatan dengan prinsip pendekatan moral yang kaya dengan unsur didaktik atau pengajaran kepada para pembaca.

4.3.6 Nilai kebijaksanaan

Menurut Clayton dan Birren dalam Ardet (2003) telah menyatakan kebijaksanaan ini telah meliputi tiga aspek iaitu *three dimensional wisdom* yang dikenali sebagai kognitif, afektif dan reflektif. Manakala, menurut pendapat Sternberg & Jordan (2005), juga telah menyatakan bahawa kebijaksanaan sering kali tidak akan dapat dipisahkan daripada sifat orang yang berakal dengan orang yang kelihatan bijak sering kali mempunyai perwatakan peribadinya yang penuh dengan keamanan dan belas kasihan kepada manusia dan dunia. Oleh hal yang demikian, melalui pendapat tokoh tersebut, dapat disimpulkan bahawa setiap individu haruslah mempunyai nilai kebijaksanaan kerana kebijaksanaan tersebut tidak akan lahir dengan sendirinya, tetapi perlulah menggunakan akal budi dan akal fikiran untuk berfikir dalam melakukan sesuatu perkara.

Namun demikian, nilai kebijaksanaan yang terdapat melalui sajak ini selari dengan prinsip ketiga dalam pendekatan moral iaitu mementingkan unsur didaktik atau pengajaran yang dapat diperolehi oleh setiap pembaca. Tajuk sajak ini adalah politik. Sajak ini adalah berkisarkan mengenai kebijaksanaan warganegara Malaysia dalam membuat keputusan untuk memilih kerajaan. Nilai kebijaksanaan ini jelas terpapar dalam sajak ini dan telah menunjukkan unsur didaktik atau pengajaran. Nilai ini boleh dilihat berdasarkan contoh seperti di bawah:

Ketika itu negaranya dihembus angin pembaharuan
setiap waktu perkataan politik pun
menendang gendang telinga
bergema dari pembesar suara
masuk ke bukit-bukit
saah dan rumah-rumah

Barangkali itulah makna politik
keluar mengundi untuk memilih
memilih wakil untuk membentuk kerajaan
seterusnya memilih kawan yang kekal sebagai kawan
dan memilih kawan yang terpaksa dijadikan lawan

(Politik,
Kumpulan Puisi Pujangga Tidak Bernama,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2016;66)

Berdasarkan sajak di atas telah mengisahkan mengenai kisah politik yang telah menyuruh rakyat Malaysia untuk keluar mengundi. Seperti yang kita ketahui, rakyat Malaysia berhak dalam membuat pilihan untuk memilih parti yang memegang kerajaan. Setiap 5 tahun, Malaysia akan mengadakan hari pengundian untuk memilih kerajaan serta Perdana Menteri. Hal ini adalah kerana, Malaysia merupakan sebuah negara berdemokrasi. Nilai kebijaksanaan yang dapat ditonjolkan melalui sajak ini adalah rakyat Malaysia hendaklah bersikap bijaksana dalam memilih para pemimpin untuk memegang kerajaan. Hal ini adalah demikian kerana, jika rakyat Malaysia tidak keluar

mengundi dan tidak bijak dalam memilih pemimpin ini akan dapat memberikan kesan yang buruk terhadap negara dan juga rakyat Malaysia sendiri.

Nilai bijaksana ini dapat digarap menerusi sajak ini serta mampu mendidik masyarakat dan ini amatlah bersesuaian dengan mementingkan unsur didaktik atau pengajaran. Nilai kebijaksanaan ini secara didaktiknya telah dapat dilihat menerusi nilai bijaksana rakyat Malaysia untuk keluar mengundi dan memilih kerajaan yang bersifat adil dan sebagainya. Jika rakyat Malaysia salah membuat pemilihan atau dengan kata lain salah dalam menanda kertas undi tersebut ini telah memberikan impak yang negatif terhadap rakyat dan negara jika pemimpin itu tidak bersifat adil, bertanggungjawab dalam melaksanakan tugasnya sebagai pemimpin. Oleh hal yang demikian, nilai kebijaksanaan menerusi sajak ini telah menunjukkan bahawa mementingkan unsur didaktik yang menepati dalam prinsip ketiga melalui pendekatan moral. Nilai kebijaksanaan ini telah banyak memberikan pengajaran kepada para pembaca.

Selain itu, nilai kebijaksanaan yang dapat diperolehi melalui sajak terpilih Zurinah Hassan adalah bertajuk semut. Sajak ini, penyajak telah cuba mengaitkan semut dengan manusia. Perkara ini dapat dilihat menerusi sajak di bawah:

Aku melihat dan merasa hairan
Tanpa suara dan tanpa kata
Semut memanggil kawan-kawan
Bila tercium makanan
Memang telah kupelajari
Haiwan juga berkomunikasi

Sedang aku leka terdengar semut berkata
Janganlah lupa semut hanya haiwan
Sekadar tahu menyampai berita
Yang benar sahaja
Tidak secanggih manusia
Kerana manusia adalah makhluk Tuhan
Yang memiliki kepandaian
Untuk mereka-reka cerita
Sedikit manisan tertumpa di lantai
Seekor semut pun sampai
Beberapa detik lagi

Bertambah ramai menghampiri
Lama kelamaan
Beratur berderetan
Berduyun berbarisan

(Semut,
Kumpulan Sajak Menunggu Pesawat,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2021;81)

Berdasarkan sajak di atas, dapat digambarkan bahawa penyajak telah cuba untuk menyindir sikap manusia dengan haiwan iaitu semut. Nilai kebijaksanaan yang dapat dilihat menerusi sajak di atas adalah perlakuan semut yang dibandingkan dengan manusia. Seperti yang kita ketahui, semut merupakan ciptaan Allah S.W.T yang telah diciptakan sebaik-baiknya walaupun ianya adalah haiwan. Semut juga mempunyai kisah dalam Al-Quran berkait rapat dengan Nabi Sulaiman. Penyajak telah cuba untuk menyindir perilaku manusia dengan seekor semut. Semut telah menggunakan kebijaksanaannya dengan sebaik-baiknya, namun manusia tidak menggunakan kebijaksanaan itu dengan perkara yang baik. Manusia sering kali berperilaku buruk walaupun manusia itu diciptakan akal tidak sama seperti semut yang tidak mempunyai akal. Nilai kebijaksanaan ini juga dapat dilihat apabila semut telah menggunakan kelebihan apa yang terdapat dalam dirinya dengan sebaik mungkin untuk manfaat dirinya.

Oleh hal yang demikian, nilai kebijaksanaan ini telah mampu mendidik masyarakat melalui unsur didaktik atau pengajaran. Secara didaktiknya, nilai kebijaksanaan ini dapat dilihat berdasarkan kebijaksanaan semut yang menggunakan otaknya dengan berfikir perkara yang memberikan manfaat dalam kehidupannya. Namun demikian, ini dapatlah dikatakan bahawa semut yang merupakan haiwan telah dijadikan lambang dalam sajak ini agar manusia sedar terhadap betapa rendahnya darjat dan diri serta tidak sepatutnya alpa dalam mengingati kekuasan Allah S.W.T. Oleh itu, nilai bertanggungjawab dalam sajak ini telah memenuhi prinsip ketiga dalam

pendekatan moral iaitu mementingkan unsur didaktik. Secara tuntasnya, nilai bertanggungjawab ini sangat bertepatan dengan prinsip pendekatan moral yang kaya dengan unsur didaktik atau pengajaran kepada para pembaca.

4.4 Kepentingan Sajak-Sajak Terpilih Zurinah Hassan Sebagai Medium Mendidik Masyarakat Melayu Masa Kini

Kepentingan adalah sebuah perkara yang penting. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), kepentingan adalah sebuah keadaan atau sifat yang penting atau sesbuah perkara yang mustahak. Dalam pada itu, sajak Zurinah Hassan ini telah mampu memberikan kepentingan dalam medium mendidik masyarakat Melayu masa kini menerusi nilai-nilai yang terdapat dalam sajak tersebut. Menurut Hamid Darmadi (2019), telah mendefinisikan mendidik merupakan membentuk manusia untuk menduduki tempat yang betul dalam masyarakat serta berperilaku secara profesional sesuai dengan ilmu dan teknologi yang dikuasainya. Mendidik ini juga sebuah kefahaman tentang para pendidik hendaklah mampu menyampaikan setiap ilmu mengikut kebolehan mereka dengan teratur. Kepentingan dalam kajian ini dapat diberikan maksud bahawa melalui nilai kasih sayang, nilai bertanggungjawab, nilai patriotik, nilai jati diri keagamaan (ketakwaan dan keinsafan) yang terdapat dalam sajak ini telah menjadikan medium dalam mendidik masyarakat pada masa kini. Seperti yang kita ketahui, masyarakat melayu tradisional telah menggunakan karya sastera ini sebagai salah satu antara medium berkomunikasi. Menurut Muhd Nurizam & Shairul Bahri (2015), karya-karya bertulis ini telah menjadi salah satu medium perantaraan penting dalam menyampaikan mesej dan maklumat kepada khalayak. Oleh itu, melalui sajak-sajak terpilih Zurinah Hassan ini telah mengandungi unsur nilai-nilai yang dapat dijadikan medium dalam mendidik masyarakat masa kini.

4.4.1 Kepentingan Nilai Kasih Sayang Iaitu Melahirkan Masyarakat Yang Penyayang

Kasih sayang merupakan salah satu sifat yang baik di sisi Allah S.W.T dan telah terlahir dalam diri manusia sejak daripada lahir lagi. Nilai kasih sayang ini dapat dilihat melalui sikap seorang abang yang begitu sayang terhadap adik beradiknya. Kasih sayang ini juga dapat ditunjukkan lagi apabila dia sajalah tempat untuk adik beradik yang lain bebas dalam bercerita apabila mempunyai sebarang masalah. Nilai kasih sayang seorang abang dapat dipaparkan lagi apabila dia sentiasa memberikan kata-kata semangat kepada adik beradiknya agar tetap terus kuat dan utuh walaupun kehidupan ini semakin lama semakin mencabar serta dunia kehidupan realiti begitu kejam. Perkara ini disebutkan dalam sajak Zurinah Hassan iaitu :

Hanya pada abang tengah yang penyayang
Tempat kami bertenang
Dia memujuk agar bersabar menghadap hidup sukar
Katanya kebun luas terhampar milik kami yang sebenar
Dia akan terus berjuang untuk merebut kembali
Kami mesti bersabar dan bersatu hati
Jangan sekali-kali lari meninggalkan tanah sekeping ini

(Suatu Malam Seorang Tetamu Datang,
Kumpulan Sajak Menunggu Pesawat,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2021;3)

Berdasarkan petikan di atas, nilai kasih sayang ditunjukkan dalam sajak ini memperlihatkan kasih sayang seorang abang terhadap adik beradik. Sebagai seorang abang berperanan memberikan kasih sayang yang secukupnya kepada adik beradik kerana abang tunjang utama untuk diteladani oleh adik beradik. Kehidupan adik-beradik perlu dipenuhi dengan kasih sayang oleh seorang abang dengan menyemai sikap penyayang dalam diri adik-beradik di awal usianya. Sifat kasih sayang yang dipupuk sejak kecil akan lebih mudah terlaksana malah akan terus tersemat dalam diri adik-beradik apabila dewasa nanti. Nilai kasih sayang ini dikatakan penting dalam

melahirkan masyarakat penyayang jika pembaca menghayati setiap bait-bait ayat serta ini akan dapat memupuk nilai kasih sayang dalam diri para pembaca. Hal ini kerana sifat kasih sayang ini akan sentiasa luhur dalam diri seseorang individu apabila sejak kecil lagi mereka mendapat kasih sayang sepenuhnya sehingga mereka mencontohi sikap tersebut dalam kehidupan mereka kelak. Tegasnya, nilai kasih sayang ini boleh disimpulkan sebagai medium mendidik masyarakat yang penyayang apabila masyarakat menerima kasih sayang tersebut terlebih dahulu dalam kalangan ahli keluarga dan mereka membawa sikap tersebut dalam kalangan masyarakat sekelilingnya. Tidak sampai situ sahaja kepentingan nilai kasih sayang dalam melahirkan masyarakat penyayang ini juga dapat dilihat dalam sajak Zurinah Hassan yang bertajuk “Belajar dari Itik” seperti di bawah:

Seorang ibu muda
Memimpin tangan anaknya
Di tepi tasik
Di sebuah taman cantik

Memegang tangan jangan terlepas
Si kecil yang cergas mahu berlari bebas
Takut tergelincir ke air
Takut tenggelam di kolam
Ini kerja sukar dia mesti bersabar
Sehingga anak membesar

(Belajar dari Itik,
Kumpulan Sajak Menunggu Pesawat,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2021;16)

Berdasarkan petikan di atas, nilai kasih sayang ditunjukkan dalam sajak ini menonjolkan nilai kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya. Sebagai seorang ibu yang mempunyai nilai kasih sayang amat tinggi dalam dirinya wajarlah berperanan dalam memberikan kasih sayang yang secukupnya terhadap anak-anak. Ini kerana, anak-anak memerlukan kasih sayang seorang ibu dalam kehidupannya. Sifat kasih sayang yang dipupuk sejak usia masih kecil lagi akan lebih mudah sebatasi dalam jiwa anak-anak apabila mereka dewasa kelak. Kehadiran ibu dalam kehidupan anak-anak

akan dapat menyerikan lagi kehidupan anak-anak. Hal ini kerana, bagi anak-anak hanya ibu sahaja tempat mereka untuk bergantung harap. Oleh itu, nilai kasih sayang ini dikatakan penting melahirkan masyarakat penyayang apabila pembaca memperhalusi setiap ayat dalam sajak itu dan dapat memupuk nilai kasih sayang dalam diri pembaca. Nilai kasih sayang akan mampu mendidik masyarakat yang penyayang kerana penghayatan terhadap nilai kasih sayang oleh pembaca akan sentiasa tersemai secara sendirinya kerana perasaan ini fitrah semula jadi seorang manusia.

4.4.2 Kepentingan Nilai Bertanggungjawab Iaitu Melahirkan Masyarakat Yang Amanah

Menurut Zainal Abidin (1997) telah memberi definisi bahawa tanggungjawab merupakan tugas dan tanggungan, kewajipan, beban, pikulan, tugas, dan amanah. Manakala, menurut Christopher (2006) yang memberikan pandangan tanggungjawab adalah *accountability for the actions one perform of the consequences they bring about for which a moral agent could be justly punished and rewarded*. Oleh itu, tanggungjawab ini merupakan sebuah beban yang dipukul oleh seseorang dan segala perkara yang wajib ditanggung oleh dirinya. Nilai tanggungjawab ini dapat dilihat menerusi sikap bertanggungjawab seorang anak dalam memikul tugas sebagai seorang suami, ayah dan juga anak. Tugas dan juga tanggungjawab sebagai seorang anak lelaki adalah amat berat walaupun lelaki tersebut sudah mendirikan rumah tangga namun ia wajib menunaikan tanggungjawabnya terhadap ibu bapa. Perkara ini dapat dilihat seperti di bawah:

Dia mendaki suram banjaran
Bersama isteri setia yang rela membiarkan
Kulit gebu menggerutu

Dia membawa anak-anak kecil permata hati
Siang bermain duri

Malam didodoi segala nyanyi ngeri

(Lurah Bilut,
Kumpulan Sajak Menunggu Pesawat,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2021;4)

Berdasarkan sajak di atas, nilai bertanggungjawab dalam sajak ini memperlihatkan tanggungjawab seorang bapa yang harus memenuhi tuntutan keluarganya. Bapa yang bertanggungjawab merupakan bapa yang sentiasa mengharapkan dan juga menginginkan kehidupan yang baik anaknya biarpun mereka sanggup berhujan dan berpanas, Hal ini demikian kerana, seorang bapa akan sanggup berkorban wang ringgit, masa, harta dan sebagainya demi ingin melihat anaknya membesar dalam kehidupan yang sempurna. Setiap ibu bapa menginginkan yang terbaik buat anak mereka. Anak merupakan amanah yang harus dijaga dengan sempurna dan dijaga dengan baik. Oleh hal yang demikian, nilai bertanggungjawab ini, dikatakan penting dalam melahirkan masyarakat amanah adalah kerana, jika dihayati oleh pembaca dalam setiap ayat melalui sajak ini akan mampu menyemai sifat bertanggungjawab dalam diri pembaca. Hal ini demikian kerana, setiap tanggungjawab yang diberikan itu dilaksanakan dengan penuh berwibawa serta akan memberikan impak positif dalam diri setiap individu. Tuntasnya, nilai bertanggungjawab ini boleh disimpulkan sebagai medium mendidik masyarakat yang amanah apabila masyarakat tersebut dapat melihat sifat bertanggungjawab itu merupakan perkara yang penting dalam diri setiap individu lalu cuba untuk mempraktiskan dalam dirinya agar menjadi individu lebih bertanggungjawab dalam memikul sesuatu beban. Seterusnya, terdapat sajak lain menunjukkan kepentingan nilai bertanggungjawab iaitu melahirkan masyarakat yang amanah ini dilihat menerusi sajak terpilih Zurinah Hassan bertajuk Penumpang Terakhir seperti di bawah:

Nasir yang terkorban dalam usia lima puluh satu
Seorang pemandu bas ekspress Kuala Lumpur ke Kota Bharu

Berpuluh tahun tekun dan peka pada had laju
Setiap bulan menunggu untuk menggenggam upahan
Yang ditaksir mengikut jumlah perjalanan
Tetapi semakin lama dirasakan
Genggaman semakin menipis
Genggaman cepat tiris
Pulang ke rumah mencongak-congak
Bil elektrik melonjak
Lampin bayi, bas sekolah anak-anak
Ibu tua mengerang kesakitan
Sejak ubat percuma diberhentikan kerajaan
Mahalnya sayur dan ikan

(Penumpang Terakhir,
Kumpulan Sajak Menunggu Pesawat,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2021;19)

Berdasarkan sajak di atas, nilai bertanggungjawab dalam sajak ini telah memperlihatkan seorang ayah yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tugasnya sebagai bapa. Sebagai seorang ayah dan juga merupakan ketua keluarga memainkan peranan penting dalam menjalankan tanggungjawabnya untuk membesarkan anak-anak. Ini kerana, ayah merupakan role-model serta menjadi contoh tauladan kepada anak-anak. Jika anak dibesarkan dengan contoh yang tidak baik, kelak kebarangkalian anak tersebut menjadi perilaku yang tidak baik juga amatlah tinggi. Berdasarkan peristiwa tersebut khalayak pembaca dapat mencontohi sifat tanggungjawab yang tergambar dalam sajak ini untuk melahirkan masyarakat yang sanggup memikul segala arahan atau tugas dengan amanah tanpa rasa terbeban. Masyarakat rela memikul amanah yang diberi adalah masyarakat berjiwa besar kerana mempunyai kesanggupan menghadapi segala rintangan dalam tanggung diperolehi. Melalui nilai bertanggungjawab dalam sajak ini, masyarakat dapat menghayati nilai sifat amanah sebagai sebahagian daripada sifat bertanggungjawab yang perlu dilaksanakan agar kehidupan menjadi lebih harmoni dan sejahtera.

4.4.3 Kepentingan Nilai Patriotik Iaitu Melahirkan Masyarakat Yang Setia Kepada Negara

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), patriotik bermaksud bersifat patriot iaitu seperti mempunyai satu sikap yang berani serta tegas. Patriotik sangat berkait rapat dengan istilah perkataan patriotisme. Menurut Aziz & Kardi (2009), patriotisme ini merupakan sebuah konsep yang dapat dikaitkan dengan kenegaraan. Namun begitu, bentuk patriotisme ini dapat diubah mengikut peredaran zaman serta keadaan. Manakala menurut Ali Embi (2009), telah menyatakan bahawa patriotisme ini bukan sahaja luahan perasaan namun ia adalah menuntut kepada penghayatan daripada setiap warganegara. Nilai patriotik ini dapat dilihat menerusi semangat patriotisme yang terdapat dalam diri para pejuang. Walau pelbagai rintangan yang harus dihadapi oleh para pejuang, namun semangat patriotisme yang tinggi dalam diri mereka telah membuatkan mereka terus berjuang dalam menuntut sebuah kemerdekaan. Nilai patriotik ini dapat dilihat melalui seperti sajak bertajuk kemerdekaan di bawah:

Dol Said, Maharaja Lela, Pandak Endut
Datuk Sagor, Ngah Jabur, Bahaman,
Tuk Gajah, Mat Kilau, Tuk Janggut, Tunku Kudin,
dan ratusan patriot tak bernama
bermandi darah bergadai nyawa
untuk membayar harga yang termahal
harga kemerdekaan negara

(Kemerdekaan,
Kumpulan Puisi Pujangga Tidak Bernama,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2016;61)

Berdasarkan petikan di atas, nilai patriotik ditunjukkan dalam sajak ini telah memperlihatkan semangat patriotisme yang tinggi dalam diri setiap para pejuang. Sebagai seorang rakyat Malaysia, haruslah memainkan peranan penting dan mempunyai semangat cinta terhadap negara. Hal ini adalah demikian kerana, harga sebuah kemerdekaan yang kita perolehi sekarang bukanlah sebuah perkara yang mudah malah

ianya diperlukan setelah melalui pelbagai dugaan dan penuh dramatik. Nilai patriotik ini perlu dipupuk sejak di usia kecil lagi, agar generasi akan datang mengetahui erti mahalnya harga sebuah kemerdekaan. Nilai patriotik ini dikatakan penting dalam melahirkan masyarakat yang setia kepada Negara adalah kerana, masyarakat masih mematuhi setiap undang-undang yang dilaksanakan oleh Negara. Rakyat Malaysia masih menghormati kepelbagaian agama, budaya dan bahasa. Sebagai contoh, rakyat Malaysia menghormati kepelbagaian agama, masyarakat majumuk dan sebagainya. Tuntasnya, nilai patriotik ini boleh disimpulkan sebagai medium mendidik masyarakat yang setia kepada negara melalui penghayatan yang mendalam terhadap nilai yang terkandung dalam sajak ini. Penghayatan nilai ini penting agar rakyat Malaysia hidup dalam keadaan harmoni dan bahagia walaupun terdapat pelbagai kaum dan etnik di Malaysia ini serta kepelbagaian agama. Tidak berakhir disini sahaja, nilai patriotik ialah melahirkan masyarakat setia kepada negara dapat dilihat dalam sajak Zurinah Hassan bertajuk Dilema Seorang Melayu:

Terkejut Hang Tuah mendengar berita penderhakaan
gementar tubuhnya menyambut titah sultan
Sambil tunduk memikirkan
Hingga air matanya mengalir
Tidak tertahan-tahan
Dadanya bagai akan pecah
Dihempas gelombang serba salah.

Alangkah sukarnya membuat pilihan
untuk setia kepada raja yang zalim,
dan menzalimi kawan yang setia.

(Dilema Seorang Melayu,
Kumpulan Puisi Pujangga Tidak Bernama,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2016;3)

Berdasarkan sajak di atas, nilai patriotik ditunjukkan dalam sajak ini telah memperlihatkan bagaimana seorang sahabat sanggup membunuh kawan baiknya demi mendengar perintah pemimpinnya. Nilai patriotik ini juga dapat melahirkan masyarakat

yang setia kepada Negara kerana adanya sikap memperjuangkan sesuatu perkara yang berharga dan bernilai demi memperjuangkan kesetiaannya kepada Negara. Hal ini adalah demikian kerana, hamba Melayu yang taat setia kepada raja bersedia untuk melakukan apa-apa sahaja demi memuliakan kedudukan raja serta untuk memelihara keselamatan raja walaupun terpaksa menggadaikan nyawa dan harta benda mereka. Nilai patriotik ini dikatakan penting dalam melahirkan masyarakat yang setia kepada negara adalah kerana jika pembaca menelusuri setiap ayat akan mampu menyemai nilai patriotik dalam diri. Oleh hal yang demikian, ini dapat dilihat apabila masyarakat kini masih taat setia kepada Raja yang berdaulat. Intihanya, nilai patriotik ini dikatakan penting sebagai medium mendidik masyarakat yang setia kepada negara sekiranya sajak ini terus diketengahkan dan dihayati oleh segenap lapisan masyarakat kerana sajak Zurinah Hassan ini membawa khalayak menghayati erti sebuah perjuangan dan kesetiaan.

4.4.4 Kepentingan Nilai Ketaqwaan Dan Nilai Keinsafan Iaitu Melahirkan Masyarakat Yang Beriman

Perkataan taqwa adalah berasal daripada waqaa-yaqii-wiwaayatan. Susunan huruf tersebut adalah bermula daripada huruf wa qaf, dan ya. Apabila perkataan ini digunakan dan dikaitkan dengan Allah iaitu Ittaqullah, bermaksud taqwa itu melindungi diri daripada azabNya serta hukumanNya. Menurut Muhammad Sayyid Thantawi (1997), telah berpendapat bahawa taqwa itu secara bahasanya adalah melindungi dan menjaga diri dari segala sesuatu yang membahayakan dan menyakiti. Secara dasarnya, ketaqwaan ini dapat dilihat melalui watak “Aku” yang berpegang teguh terhadap pendiriannya dalam menyebarkan agama Islam. Nilai ketaqwaan ini terlihat dalam sajak Zurinah Hassan bertajuk Perbualan dengan Mr.Brown:

Sekitar tahun 70-an aku mengenali Mr.Brown
Yang kemudiannya kutahu tidak percaya Tuhan
Entah bagaimana suatu hari dalam perbualan
Kami menyentuh tentang Nabi Isa dan kerasulan
Katanya jangan percaya cerita yang tiada logika
Mustahil Siti Maryam hamil tanpa disentuh jejaka
Dia pun menjelaskan
Tentang kejadian manusia dan kelahiran
Melibatkan hubungan lelaki perempuan
Tidak mungkin dan tidak mungkin
Anak itu tiba-tiba terjadi sendiri
Di dalam rahim perempuan tanpa benih lelaki

(Perbualan dengan Mr.Brown,
Kumpulan Sajak Menunggu Pesawat,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2021;15)

Melalui contoh sajak Zurinah Hassan di atas, nilai ketaqwaan dapat dilihat pada watak Aku memberi contoh kewujudan manusia melalui kisah Nabi Isa. Nilai ketaqwaan ini boleh diteladani oleh masyarakat dengan menghayati watak Aku sebagai seseorang yang menyatakan kebenaran ditambahkan pula dengan menyatakan kisah Siti Mariam hamil tanpa mempunyai benih lelaki. Masyarakat boleh meneladani ketaqwaan watak Aku untuk melahirkan masyarakat yang beriman yang sentiasa berpegang teguh kepada kebenaran menurut agama islam. Perkara ini juga selari melalui pandangan para sarjana. Menurut al-Qurtubi (1996), keimanan kepada Allah S.W.T telah membawa kepada sebuah ketenangan. Ketenangan ini merupakan sebuah bentuk kecerdasan dan kepandaian daripada sudut spiritual serta mampu melahirkan generasi bertaqwah yang mana akan dapat meletakkan agama Allah S.W.T di tempat paling tinggi dan agung. Nilai ketaqwaan dalam melahirkan masyarakat yang beriman ini dikatakan masih penting dalam mendidik masyarakat pada masa kini adalah kerana jika pembaca menghayati setiap ayat dalam sajak Zurinah Hassan akan mampu menyemai nilai ketakwaan dalam diri pembaca. Hal ini demikian kerana, masyarakat yang beragama Islam masih menyebarkan dakwah walaupun mempunyai cabaran dan tentangan daripada agama lain. Tuntasnya, nilai ketaqwaan ini boleh disimpulkan sebagai medium

mendidik masyarakat yang melahirkan masyarakat beriman apabila dalam sajak Zurinah Hassan ini dapat mencerminkan agama Islam itu adalah agama yang mulia.

Seterusnya, terdapat sajak lain yang telah menunjukkan kepentingan nilai keinsafan dalam melahirkan masyarakat yang beriman ini dilihat menerusi sajak Zurinah Hassan bertajuk Bencana. Perkara ini boleh dilihat berdasarkan rangkap sajak seperti di bawah:

Dari jauh
Kita membaca berita
Hingga seseorang berkata
 Ini bencana
Balasan perlakuan durjana

Mereka yang terseksa
 Kita yang selesa
Dalam terseksa mereka pulang
 Bersama insaf dan iman
 Dalam selesa
 Kita terus hanyut
 Dalam bencana kealpaan

(Bencana,
Kumpulan Sajak Menunggu Pesawat,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2021;26)

Berdasarkan petikan sajak Zurinah Hassan di atas, nilai keinsafan dapat dilihat menerusi keinsafan seseorang manusia itu setelah berlakunya musibah. Nilai keinsafan dapat ditunjukkan lagi apabila sajak ini dapat melahirkan masyarakat beriman kerana sajak ini memberi panduan kepada masyarakat bahawa setiap perkara tidak elok akan mendapat balasan setimpalnya dan menimbulkan perasaan takut akan balasan yang akan diterima. Perasaan takut ini dengan kata lain adalah Khauf yang bermaksud perasaan takut kepada Allah S.W.T. Menurut Shihab (2002), khauf merupakan perasaan takut yang akan mengalakkan sesuatu tindakan dalam melibatkan penyediaan langkah untuk mengelakkan perkara buruk dan negatif ia bimbang berlakunya perkara itu keatas dirinya. Kepentingan nilai keinsafan ini dalam melahirkan masyarakat beriman kerana

jika pembaca menghayati bait sajak ini dan akan mampu memupuk nilai keinsafan dalam diri pembaca. Nilai keinsafan ini akan memberikan pengajaran kepada masyarakat apabila masyarakat mempercayai wujudnya kifarah apabila melakukan sesuatu perkara. Tegasnya, nilai keinsafan ini mampu berperanan sebagai medium mendidik masyarakat beriman secara sindiran dan kesedaran melalui kritikan sosial yang diketengahkan oleh penyajak dalam puisi adalah kerana dalam sajak Zurinah Hassan dapat memaparkan setiap kesalahan perkara keji yang dibuat akan mempunyai balasan yang setimpalnya.

4.4.5 Kepentingan Nilai Kebijaksanaan Iaitu Melahirkan Masyarakat Yang Berilmu

Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2001), telah menyatakan bahawa kebijaksanaan ini merupakan sebuah “ilmu yang memberitahu nazar akali diri yang mendapat tahu di mana letaknya tempat yang wajar, tepat dengan selaras sifat sesuatu bagi tiap sesuatu itu dan ini juga termasuk diri yang mengetahui sendiri. Manakala, menurut Muhammad Uthman El-Muhammady (2010) menyatakan kebijaksanaan ini akan terlahir melalui kekuatan ilmu yang teguh sama ada ilmu duniawi dan ukhrawi.

Namun demikian, kebijaksanaan ini juga dapat dikatakan bahawa satu proses yang terdapat dalam jiwa seseorang dan boleh menentukan sama ada hal-hal yang benar dengan yang salah terhadap pelbagai urusan termasuklah perbuatan manusia. Nilai kebijaksanaan ini telah terlihat melalui sajak Zurinah Hassan bertajuk politik. Secara ringkasnya, sajak ini telah memperihalkan mengenai kisah politik yang sering terjadi setiap lima tahun sekali. Kebijaksanaan yang ditonjolkan melalui sajak itu adalah mengenai kebijaksanaan rakyat Malaysia dalam memilih pemimpin dan juga kerajaan

yang akan memegang Malaysia. Kebijaksanaan ini juga dapat dilihat seperti rangkap sajak di bawah:

Ketika itu negaranya dihembus angin pembaharuan
setiap waktu perkataan politik pun
menendang gendang telinga
bergema dari pembesar suara
masuk ke bukit-bukit
sawah dan rumah-rumah

Barangkali itulah makna politik
keluar mengundi untuk memilih
memilih wakil untuk membentuk kerajaan
seterusnya memilih kawan yang kekal sebagai kawan
dan memilih kawan yang terpaksa dijadikan lawan

(Politik,
Kumpulan Puisi Pujangga Tidak Bernama,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2016;66)

Berdasarkan petikan sajak Zurinah Hassan di atas, nilai kebijaksanaan ditunjukkan dalam sajak ini telah memperlihatkan mengenai kebijaksanaan rakyat dalam memilih pemimpin dan juga wakil untuk bertanding ketika hari pengundian dijalankan. Sebagai rakyat Malaysia yang arif, haruslah memainkan peranan penting dalam memilih pemimpin yang adil, bertanggungjawab, amanah dan sebagainya. Hal ini adalah demikian kerana, jika salah dalam memilih pemimpin ini akan dapat memberikan kesan yang buruk terhadap Negara. Perkara ini selari dengan pendapat yang dikemukakan menurut HAMKA (1973), menyatakan bahawa kebijaksanaan ini dilalui berdasarkan perolehan ilmu pengetahuan dan akan meninggikan darjat seseorang yang menjadi pemimpin. Namun, pemimpin sejati adalah bukan yang terdiri daripada orang yang sangat pintar dan mempunyai kelulusan tinggi pemimpin yang sejati merupakan satu jiwa atau satu peribadi yang lain daripada yang lain. Nilai kebijaksanaan dalam melahirkan masyarakat yang berilmu ini dikatakan penting adalah kerana, masyarakat kini bijak dalam membuat sesuatu keputusan dalam menentukan sesebuah perkara itu salah atau benar. Tegasnya, kepentingan nilai kebijaksanaan

sebagai medium mendidik masyarakat yang melahirkan masyarakat berilmu apabila dalam sajak Zurinah Hassan ini apabila pembaca membaca sajak tersebut dapat menggambarkan bahawa dalam membuat sesebuah keputusan haruslah bertindak dan berfikir menggunakan akal dan fikiran yang waras.

Seterusnya, terdapat sajak lain yang telah menunjukkan kepentingan nilai kebijaksanaan dalam melahirkan masyarakat yang berilmu ini dilihat menerusi sajak Zurinah Hassan bertajuk Semut. Perkara ini boleh dilihat berdasarkan rangkap sajak seperti di bawah:

Aku melihat dan merasa hairan
Tanpa suara dan tanpa kata
Semut memanggil kawan-kawan
Bila tercium makanan
Memang telah kupelajari
Haiwan juga berkomunikasi

Sedang aku leka terdengar semut berkata
Janganlah lupa semut hanya haiwan
Sekadar tahu menyampai berita
Yang benar sahaja
Tidak secanggih manusia
Kerana manusia adalah makhluk Tuhan
Yang memiliki kepandaian
Untuk mereka-reka cerita
Sedikit manisan tertumpa di lantai
Seekor semut pun sampai
Beberapa detik lagi
Bertambah ramai menghampiri
Lama kelamaan
Beratur berderetan
Berduyun berbarisan

(Semut,
Kumpulan Sajak Menunggu Pesawat,
Zurinah Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka 2021;81)

Berdasarkan petikan sajak Zurinah Hassan di atas, nilai kebijaksanaan ditunjukkan mengenai penyajak telah cuba untuk menyindir manusia dengan haiwan iaitu semut. Nilai kebijaksanaan ini dapat ditunjukkan dalam sajak ini apabila manusia

telah salah menggunakan akalnya jika dibandingkan dengan semut yang tidak mempunyai akal. Nilai kebijaksanaan mengangkat martabat seseorang kerana masyarakat sedia tahu orang yang mempunyai kebijaksanaan adalah orang yang mempunyai banyak ilmu dalam dirinya. Hal ini kerana, setiap perkara yang dibuat ia mempunyai ilmu dalam sesuatu bidang tersebut. Perkara ini telah disebut dalam Al-Quran firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Baqarah ayat 269 yang membawa maksud “Allah memberikan hikmat kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendakinya berdasarkan aturan yang dikehendakinya. Dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan banyak kebaikan”. Kepentingan nilai kebijaksanaan dalam melahirkan masyarakat yang berilmu ini dikatakan penting adalah kerana, sikap berilmu ini juga dapat dihayati oleh masyarakat agar mereka lebih positif menggunakan kebijaksanaan akal dengan optimum untuk menjadikan masyarakat berilmu dalam membuat sesuatu perkara. Intinya, nilai kebijaksanaan ini mampu berperanan sebagai medium mendidik untuk melahirkan masyarakat berilmu melalui penghayatan nilai ini dalam kehidupan masyarakat. Melalui sajak Zurinah Hassan ini menyampaikan mesej kepada masyarakat agar berfikir dengan waras dalam membuat sesuatu tindakan. Ini kerana, haiwan yang tidak mempunyai akal lebih bijak gunakan kelebihan yang ada padanya berbanding manusia.

MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

PENUTUP

5.1 PENGENALAN

Pada bahagian ini, pengkaji akan merumuskan secara keseluruhan mengenai kajian pengkaji iaitu Sajak Sebagai Medium Mendidik Masyarakat: Satu Penelitian Terhadap Puisi Terpilih Zurinah Hassan Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu. Pada bab ini juga, pengkaji akan memperincikan rumusan setiap aspek yang dikemukakan oleh pengkaji melalui setiap nilai-nilai yang terdapat dalam sajak terpilih Zurinah Hassan. Kajian ini dianalisis dengan menggunakan dua prinsip yang terdapat di dalam pendekatan moral iaitu prinsip kedua dan ketiga. Prinsip kedua dan ketiga ini merupakan prinsip yang berada di bawah pendekatan moral. Prinsip kedua adalah prinsip mementingkan isi daripada bentuk, manakala prinsip ketiga adalah prinsip mementingkan unsur didaktik. Kajian ini adalah berkisarkan kepada nilai-nilai yang terkandung dalam sajak terpilih Zurinah Hassan. Sajak hasil karya Zurinah Hassan ini sarat serta kaya dengan nilai-nilai murni secara tersurat maupun tersirat. Justeru itu, dalam bahagian ini pengkaji turut memaparkan beberapa cadangan atau penambahbaikan yang boleh dilakukan sebagai rujukan kajian pada masa akan datang.

5.2 PERBINCANGAN

Berdasarkan perbincangan kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa nilai-nilai yang terdapat dalam sajak-sajak terpilih Zurinah Hassan ini berperanan menjadi medium mendidik masyarakat masa kini. Kajian ini telah menemukan beberapa nilai iaitu nilai kasih sayang, nilai patriotik, nilai bertanggungjawab, nilai ketakwaan, nilai keinsafan dan nilai kebijaksanaan yang terdapat dalam sajak-sajak terpilih Zurinah Hassan. Nilai-nilai ini mampu menjadi medium mendidik masyarakat masa kini melalui penghayatan dan pengajaran puisi terhadap khalayak. Pengkaji telah menggunakan beberapa sajak terpilih dalam buku Kumpulan Sajak Menunggu Pesawat dan Kumpulan Puisi Pujangga Tidak Bernama dan juga beberapa sajak terpilih lain hasil karya Zurinah Hassan.

Berdasarkan kajian ini, pengkaji turut menggunakan teori pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan moral bagi menganalisis dan meneliti nilai-nilai yang terkandung dalam kumpulan sajak terpilih Zurinah Hassan. Secara keseluruhannya, pengkaji hanya memfokuskan kepada satu prinsip di bawah pendekatan moral iaitu prinsip ketiga adalah prinsip mementingkan unsur didaktik atau pengajaran dalam kumpulan sajak terpilih Zurinah Hassan tersebut. Setiap prinsip tergarap secara tidak lansung melalui tema, persoalan dan nilai yang terkandung dalam kumpulan sajak tersebut.

Prinsip-prinsip di bawah pendekatan moral ini dianalisis melalui tema, persoalan, pengajaran dan nilai-nilai dalam kumpulan sajak seperti kasih sayang, bertanggungjawab, jati diri keagamaan, kebijaksanaan dan patriotik yang terlihat kepentingannya sebagai medium pendidikan kepada pembaca melalui pengajaran dan penerapan nilai murni. Kesannya, sajak mampu terampil sebagai medium mendidik masyarakat pada masa kini dalam melahirkan masyarakat yang berilmu, penyayang, setia pada negara, beriman dan amanah.

Pengkaji turut meneliti nilai ini melalui dua prinsip di bawah pendekatan moral. Analisis setiap prinsip melalui kumpulan sajak dan nilai diterapkan oleh pengarang dalam kumpulan sajak ini menyaksikan nilai kasih sayang, bertanggungjawab, nilai ketakwaan, nilai keinsafan, kebijaksanaan, dan patriotik lebih menonjol sebagai medium mendidik masyarakat pada masa kini. Kajian ini turut mengesan akrab pembaca dalam mengikut teks kumpulan sajak Zurinah Hassan ini dalam mengetengahkan nilai-nilai utama dalam medium mendidik pembaca dan masyarakat. Kumpulan sajak Zurinah Hassan ini secara tersurat dan tersirat menjadi medium mendidaktik kepada kehidupan masyarakat dalam menghayati dan mengapresiasi genre ini sebagai panduan medium mendidik masyarakat. Pendekatan penulisan yang popular melalui sajak-sajak yang berbaur antara sarat nilai dan pengajaran mendorong kepada penyampaian mesej secara dasar namun sampai terus ke jiwa pembaca.

Sehubungan itu, dapatan kajian pengkaji dapat merumuskan bahawa nilai kasih sayang, bertanggungjawab, keinsafan, ketakwaan, kebijaksanaan dan patriotik terpilih adalah nilai yang paling menonjol. Dapatan kajian ini ditelusuri melalui kajian terhadap nilai kasih sayang, bertanggungjawab, keinsafan, ketakwaan, kebijaksanaan dan patriotik sebagai medium mendidik masyarakat. Melalui tema dan persoalan yang telah ditulis oleh pengarang dapat diperlihatkan dalam kumpulan sajak tersebut. Dapatan dianalisis menggunakan pendekatan analisis teks terhadap plot cerita peristiwa secara tuntas dalam menilai setiap peristiwa mereka dalam bentuk perjalanan sebuah cerita.

Pengkaji menggunakan dua prinsip dibawah pendekatan moral untuk melihat setiap nilai yang terdapat dalam kumpulan sajak tersebut dapat menerapkan pengajaran kepada khalayak pembaca dalam medium mendidik masyarakat dan memberi pengajaran. Secara keseluruhan didapati bahawa nilai-nilai dalam kumpulan sajak yang

ditonjolkan oleh pengarang tersebut mampu dijadikan sebagai medium mendidik masyarakat. Oleh itu, perbincangan kajian ini merumuskan pendekatan moral menghubungkaitkan nilai-nilai murni melalui aspek tema dan persoalan sekaligus memberikan impak kepada masyarakat melalui fungsinya sebagai ikon teladan. Ternyata fokus kajian ini bersesuaian dengan penelitian pendekatan moral dalam mengetengahkan kajian nilai dalam medium mendidik masyarakat.

Kajian ini, menyaksikan bahawa nilai murni ini mampu mendidik melalui impak yang positif terhadap masyarakat dan khalayak pembaca. Dalam situasi ini, berdasarkan analisis terhadap pendekatan moral, sememangnya pendekatan ini bersesuaian untuk digunakan dalam kajian ini. Pendekatan ini juga berjaya mengangkat nilai-nilai dalam kumpulan sajak dalam mendidik masyarakat.

5.3 Cadangan

Melalui bab ini, pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan agar dapat dijadikan sebagai panduan terhadap kajian akan datang. Berkenaan dapatan analisis kajian yang dilakukan terdapat beberapa cadangan yang akan diketengahkan kepada beberapa pihak supaya memperkayakan lagi kajian penyelidikan mengenai karya-karya sastera agar dapat memberi kepentingan dan boleh dijadikan rujukan kepada semua pihak.

Pengkaji mencadangkan agar usaha memperbanyakkan lagi kajian penyelidikan berkaitan aspek nilai-nilai murni melalui puisi moden dalam karya sastera terus dipergiatkan. Nilai murni ini meliputi medium mendidik masyarakat dan pengajaran. Puisi moden ini boleh dikaji melalui pendekatan daripada pelbagai sarjana bahasa boleh diaplikasikan untuk kajian karya sastera yang lebih luas meliputi variasi genre bersesuaian. Kumpulan sajak Zurinah Hassan ini juga boleh terus dijadikan

bahan kajian yang prolifik oleh pengkaji yang akan datang agar intelektualisme sajak ini tidak dipersiakan.

Namun demikian, cadangan pengkaji yang pertama adalah terarah kepada memperluaskan kajian aspek nilai murni melalui kumpulan sajak Zurinah Hassan dalam karya sastera. Umum mengetahui bahawa aspek nilai murni dalam kumpulan sajak ini sememangnya mempunyai potensi dalam memberi impak yang positif kepada masyarakat. Namun, dalam konteks ini, pengkaji melihat bahawa aspek nilai murni dalam kumpulan sajak Zuirnah Hassan perlu diperkayakan kepada bidang kajian seperti dalam medium berbentuk visual agar memberi lebih pendedahan kepada masyarakat bertapa pentingnya aspek nilai murni dalam kumpulan sajak Zurinah Hassan sebagai khazanah ilmu. Hal ini disebabkan pengkaji meneliti keterbatasan kajian berkaitan nilai-nilai murni melalui kumpulan sajak dalam kajian-kajian lepas.

Perkara ini menurut pengkaji perlu diperdana sebagai satu proses mengkomersilkan karya sastera dalam bentuk ilmiah agar terus dinamik dalam dunia sastera Malaysia. Karya-karya sastera menyentuh aspek nilai-nilai murni dalam kumpulan sajak Zurinah Hassan berpontensi memberikan teladan kepada masyarakat dan membuka mata masyarakat terhadap aspek nilai-nilai murni sebagai potensi kajian berasas yang boleh diperluaskan. Justeru itu, pengkaji menyarankan agar kajian aspek nilai-nilai murni dalam karya sastera dapat terus diolah dan digarap oleh pengarang supaya masyarakat dapat menghayati setiap nilai-nilai murni yang terkandung dalam karya tersebut. Hal ini secara tidak langsung akan membuka peluang kepada para pengkaji untuk memperluaskan sumber kajian karya sastera mereka.

Selain itu, cadangan pengkaji prinsip-prinsip yang terdapat dalam pendekatan moral dalam Teori Pengkaedahan Melayu yang dibangunkan oleh Hashim Awang (2002) dapat diperluaskan aspek kajiannya oleh pengkaji akan datang. Pendekatan Moral

seperti demensi-demensi di bawah pendekatan ini boleh diperluaskan sebagai aspek kajian. Pendekatan moral ini masih memiliki banyak cabang yang belum diteroka sebagai potensi kajian. Hal ini kerana melalui kajian ini pengkaji menyaksikan sendiri setiap prinsip-prinsip di bawah pendekatan moral oleh pengarang melalui aspek nilai murni dapat digarap dengan teguh dalam karya mereka.

5.4 Implikasi kajian

Berdasarkan kajian yang dihasilkan oleh pengkaji, pengkaji berharap agar hasil kajian serta keseluruhan kajian ini akan mampu memberikan impak positif terhadap masyarakat untuk dijadikan pedoman dalam kehidupan. Menerusi kajian yang dilakukan oleh pengkaji iaitu Sajak Sebagai Medium Mendidik Masyarakat dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu berdasarkan pendekatan moral ini telah ditambah baik dalam karya sastera untuk dijadikan panduan oleh masyarakat kini.

Bukan itu sahaja, menerusi kajian ini juga telah mampu membuka mata masyarakat dan juga memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai nilai yang terkandung dalam sajak Zurinah Hassan dan juga kepentingan nilai tersebut terhadap masyarakat kini. Hal ini kerana, melalui nilai-nilai yang terkandung dalam sajak tersebut akan mampu mendidik masyarakat kini dan juga memberikan pengajaran kepada masyarakat agar sentiasa bersikap positif.

Selain itu, impak kajian ini bukanlah berfokuskan kepada masyarakat sahaja, namun impak tersebut juga terhadap pengkaji akan datang agar kajian ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan. Hal ini kerana, kajian ini telah menelusuri mengenai ilmu sajak atau puisi moden dalam mendidik masyarakat yang dibahagikan dalam pelbagai pecahan kajian.


5.4 KESIMPULAN

Kesimpulannya, nilai yang terdapat dalam sajak Zurinah Hassan sebagai medium mendidik masyarakat, sememangnya menyentuh berkaitan nilai murni. Nilai murni dalam kumpulan sajak terpilih Zurinah Hassan dapat membuktikan nilai ini mampu mendidik masyarakat dan memberi pengajaran kepada khalayak pembaca.

Melalui kajian ini sajak ini sebagai medium mendidik masyarakat terserah apabila tema, persoalan dan pelbagai aspek lagi dalam sajak dapat memberi impak positif kepada masyarakat apabila setiap peristiwa membawa maksud yang mendalam. Nilai yang terkandung dalam sajak ini turut mengetengahkan medium mendidik yang begitu kukuh sebagai pengajaran kepada pembaca. Nilai bertanggungjawab, kebijaksanan, patriotik, kasih sayang ketakwaan dan keinsafan dapat diketengahkan dalam kajian ini sebagai dapatan kajian. Kepentingan nilai ini kepada masyarakat juga turut dikupas. Penganalisisan terhadap nilai dalam sajak dengan pengaplikasikan pendekatan moral menunjukkan bahawa sajak sebagai medium mendidik masyarakat yang boleh dicontohi berkaitan nilai murni.

Oleh hal yang demikian, berdasarkan kajian ini pengkaji berbesar hati dan berharap agar dapat memberikan representasi kepada pengkaji lain dalam melihat pendekatan moral sebagai salah satu teori yang unik untuk digunakan dalam kajian dan dapat disambung oleh pengkaji lain dengan menggunakan teori ini tetapi melihat dari aspek pandangan yang berbeza. Melalui kajian ini juga telah terungkai dalam menjawab segala objektif kajian dan persoalan yang dikaji dalam kumpulan sajak terpilih Zurinah Hassan. Hasil penelitian ini telah membincangkan mengenai gambaran awal kajian berdasarkan analisis teks dan rujukan kajian lepas sebagai panduan dalam menganalisis

data dengan lebih tuntas dan sistematik. Secara tuntasnya, melalui perbincangan analisis kajian serta cadangan yang dikemukakan ini diharapkan dapat memberi manfaat dalam mencetuskan kajian yang lebih mendalam berkaitan kumpulan sajak berkaitan nilai murni serta menggunakan pendekatan moral secara menyeluruh.



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

RUJUKAN

- Ahmad, Muhammad Anwar, (2021). *Watak wanita dalam cerpen Zurinah Hassan.*
- Amini Amir Abdullah. 2007. Nilai, kerja kuat, kenegaraan dan patriotism. Dlm.
- Mohamad Hj Alias, Mohd Safar Hashim, Saporah Sipon, Arshad Hamzah & Shariffah Bahyah Syed Ahmad (pnyt.). Koleksi Rencana Merdeka. Hlm. 197-199. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia
- Ahmad Musthafa Al- Maraghi dalam Tafsir Al- Maraghi, Terj. Bahrun Abu Bakar dkk, Juz 7, (Semarang: Toha Putra, 1987), Cet. 1, hlm. 142. Ibid, hlm. 195.
- Abu Muslim Ibnu Hajjaj, Shahih Muslim, Juz II, (Beirut: Dar Kutub al- Ilmiyah, t. th), hlm. 1809
- Ardelt, M. (2003). Empirical assessment of a three-dimensional wisdom scale. *Al-Quran Al-Karim*
- Al-Baydhowi, Nashiruddin Abu al-Khairi Abdullah Ibnu ‘Umar Ibnu Muhammad. 1997. *Anwaru At-Tanzil wa Asraru At-Ta’wil*. Beirut: Dar Ihya at-Turats al-‘Arabi
1998.
- Christopher, J. 2006. Encyclopedia Dictionary of Philosophy. New Delhi: Anmol Publications Pvt. Ltd.
- Djojosuroto, Kinayati dan Anneke S. Pangkerego. (2000). Dasar-Dasar Teori Apresiasi Prosa Fiksi.Jakarta. Manasco.
- Embi, Muhamad Ali. (2009). Patriotisme dan Kepercayaan Rakyat di Malaysia (Pertama). Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- HAMKA (1973), Pemimpin Dan Pimpinan, Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru & Pustaka Budaya Agensi.
- Hamid Darmadi, Pengantar Pendidikan Era Globalisasi , (Jakarta: Aimage Team, 2019)
- Irfan Islamy, Prinsip-Prinsip Perumusan kebijaksanaan negara, Bumi Aksara, Jakarta, 1984
- Jasmin Nispchia (menurut widagdho 1999), definisi tanggungjawab (28 Januari 2022)
- Ku Hasnita dan Mohd Haizam. 2011. Kepentingan pendidikan patriotism terhadap warganegara Malaysia. JATI, Vol16. Disember, hlm. 23-24
- Khalid M. Hussain (1994). Kamus Dwibahasa: Bahasa Inggeris – Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus Dewan. (2005). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus Dewan. *Edisi Keempat* (2017), *Dewan Bahasa dan Pustaka*.

Kunkun K. Harnadi (2021), *Kajian Hermeneutika Dilthey Terhadap Unsur Bahasa Kias Dalam Kumpulan Puisi Tadaruskarya A.Mustofa Bisri Berindikasi Nilai Karakter Sebagai Alternatif Bahan Ajar Apresiasi Sastra Di Kelas X SMK.*

Maurizio Viroli. 1997. For Love of Country: An Essay on Patriotism and Nationalism. Oxford University Press

Muhammad Uthman El-Muhammady. 2010. Hikmah kebijaksanaan Melayu. Persidangan Pakar Melayu, Pusat Persidangan Antarabangsa, Brunei Darussalam.

Muhardi. 1986. "Homo Humanus". Padang: Jurusan Pendidikan Bahasa dan SastraIndonesia FPBS IKIP Padang

Muhsin Yusof Ibrahim, 2008, Tun Perak Pencetus Wawasan Empayar Melaka. Kuala Lumpur Tinta Publisher.

Muhammad Sayyid Thanhawi, *At-Tafsir Al-Washit*, Juz I (Kairo: Nahdah Al-Misr, 1997)

Muhammad Uthman El-Muhammady. 2010. Hikmah kebijaksanaan Melayu. Persidangan Pakar Melayu, Pusat Persidangan Antarabangsa, Brunei Darussalam

Maguna Eliastuti, (2017). *Analisis Nilai-nilai Moral dalam Novel "Kembang Turi" Karya Budi Sardjono.*

Mohd Firdaus Che Yaacob, Normaliza Abd Rahim, (2016) *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*

Mohd Firdaus Che Yaacob, (2018). *Nilai-nilai murni dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan : Satu penelitian Pengkaedahan Melayu.*

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim, (2014). *Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni.*

Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab.Ghani, Shahariah

Norain Shaharuddin, Siti Nur Anis Muhammad Apandi, (2017). *Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu*

Norizam, M., & Radzi, S. B. (2015). Kebijaksanaan Insan Dalam Teks-Teks Hikayat Melayu Tradisional: Suatu Analisis Dari Perspektif Adab. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nyia See Keng, (2004). *Nilai-nilai Kemanusiaan Dalam Sajak-Sajak J.M. Aziz dan T. Alias Taib.*

Nur Zalikha Binti Mat Radzi, Nasirin Abdillah, dan Daeng Haliza Daeng Jamal, (2020). *Hatimu Aisyah Karya Zurinah Hassan Menerusi Perspektif Elaine Showalter Model Bahasa.*

Nurgiantoro, 2017. Teori pengkajian fiksi. Gadjah mada Universiti press anggota IKAP.

Reykowski, J. 1997. Patriotism and the Collective System of Meanings. In D. Bar-Tal & E. Staub (Eds.), Patriotism: In the Lives of Individuals and Nations (pp. 108128). Chicago: Nelson-Hall

Ros Anita Kartini Mohamed, Abdul Halim Ali (2021). *Motif Alam Melayu dalam Puisi-Puisi Terpilih Zurinah Hassan Sebagai Satu Retrospeksi Bahasa Pada Masa Kini.*

Shukri Ahmad. 2002. Konsep Tamadun dan Ciri-Ciri ke arah pembangunan. Dlm. Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah, Munif Zariruddin Fikri Nordin & Solahuddin Ismail

Stephen Nathanson. 1993. Patriotism, Morality, and Peace. New York:Rowman & Littlefield Publishers

Shihab, M. Quraish. 2002. "Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur'an." In Tafsir Al-Misbah, 12.Jakarta: Lentera Hati

Sternberg, R., & Jordan, J (2005). A handbook. Of Wisdom. Psychological Perspectives. Cambridge : Cambridge University Press.

Schiller, T.Bryan, P. (2002) 6 Modal Dasar Bagi Anak. Jakarta: PT. Elex Media Komputindo

Stephen Nathanson. 1993. Patriotism, Morality, and Peace. New York:Rowman & Littlefield Publishers

Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 2001. Risalah untuk Kaum Muslimin. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam

Siti Faridah Leong Bt Abdullah, Bazrul Bin Bahaman (2017) *Sulalatus Salatin Sebagai Medium Mendidik Nilai Murni*

Siti Syahira Md Sabri, (2022). *Unsur Didaktik Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pendekatan Moral.*

Syaidul Azam Kamarudin, Arbai'e Sujud, (2017). *Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisi Teori Pengkaedahan Melayu.*

Wiyoto, A. (2001). Melatih Anak Bertanggung Jawab. Jakarta: Mitra Utama
Walimatul Quliyyah, (2022). *Transkripsi Perwatakan Wanita Dalam Novel Hatimu Aisyah Karya Zurinah Hassan: Perspektif Feminisme*

Wan Nurzafirah Wan Zin, (2019). *Analisis Cerpen Terpilih A. Samad Said Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu.*

Zainal Abidin Safarwan. 1997. Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors

Zurakintan Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh, (2015). *Pemikiran Melayu Tentang Ilmu dan Adab dalam Puisi Melayu Tradisional*

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN